

DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Bil. 23

Rabu

5 Disember 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 (Halaman 37)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawawi (Kelantan)
34. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)

35. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 5 Disember 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta Menteri Penerangan menyatakan, kerjasama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dengan agensi berita asing dalam usaha menyalurkan maklumat terutama maklumat ekonomi dan pelaburan Malaysia kepada bakal pelabur.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) mempunyai hubungan kerjasama dan pertukaran berita dengan 38 buah agensi berita nasional di negara-negara lain yang meliputi 33 negara Asia Pasifik, malah BERNAMA kini memegang jawatan sebagai pengerusi Pertubuhan Agensi-agensi Berita Asia Pasifik (OANA). Di bawah kerjasama ini agensi-agensi terbabit mengadakan program pertukaran berita dari negara masing-masing. Bagi BERNAMA penekanan diberi kepada berita-berita ekonomi termasuk pelaburan di samping berita-berita politik dan lain-lain.

Selain dari itu, BERNAMA juga mengadakan kerjasama rapat dengan agensi-agensi berita di luar Asia Pasifik bagi membolehkan berita mengenai Malaysia tersebar luas di peringkat antarabangsa. Berita BERNAMA juga dimuatkan dalam *bernama.com* iaitu portal berita melalui *internet* yang mempunyai *hit* menjangkau 20 juta *hit* sebulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri Dato' Muhammad dan kemudian Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejak kebelakangan ini, berlaku satu, dua siri perhimpunan haram yang berlaku di Lembah Klang telah dipetik oleh agensi asing dengan memberi gambaran yang buruk terhadap Malaysia, yang secara tidak langsung boleh memberi kesan tidak baik kepada pelabur asing untuk datang melabur ke negara kita. Jadi soalan saya ialah, bagaimana BERNAMA berperanan dalam menangkis sebarang tohmahan atau laporan tidak betul daripada agensi berita luar termasuk kenyataan sebuah akhbar di Mumbai mengenai dakwaan seorang rakyat Sri Lanka yang dikatakan menetap 17 tahun di Malaysia, mengatakan negara ini mengamalkan *aparteid* terhadap komuniti India di Malaysia.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib tadi, cukup relevan dalam situasi semasa, di mana perhimpunan yang diadakan oleh Hindraf telah digambarkan oleh media asing seolah-olah seluruh negara sedang berada di dalam kekacauan dan rusuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Media asing ini dia faham kah kedudukan sebenar negara kita ini?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi media asing, berita yang baik tidak mempunyai nilai berita, tetapi berita buruk itulah yang menjadi nilai berita pada mereka. Contoh-contoh berita negatif yang dikeluarkan oleh media asing mempunyai dalang-dalang tertentu dalam negara yang memberikan gambaran yang tidak benar mengenai situasi politik, ekonomi dan keadaan sosial di negara kita. Oleh yang demikian, BERNAMA mempunyai peranan untuk memberikan gambaran yang sebenar bagi menerjah berita negatif yang tidak benar, yang disiarkan oleh agensi-agensi dan televisyen dari berita-berita luar negara itu.

Oleh yang demikian, BERNAMA telah berada di garisan hadapan untuk menyiarkan berita yang sebenarnya bukan sahaja melalui 38 agensi yang bekerjasama dengan kita, tetapi juga menyalurkan berita rasmi daripada Kerajaan Malaysia memberikan gambaran situasi yang benar mengenai negara kita. Apatah lagi....

Tuan Yang di-Pertua: Saya bertanya sebab memang sejagat, universal, kita mendukung *rules of law* secara mutlak, tapi adakah berita asing sedar. Bagi kita Malaysia, perpaduan kaum adalah sesuatu yang juga mutlak dan kadang-kadang kita terpaksa berhadapan, yang mana yang hendak didukung.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang tidak difahami oleh pemberita-pemberita dari agensi berita asing yang berada di Malaysia. Mereka datang dan pergi ke negara kita dan mereka tidak melihat secara holistik terhadap masalah perpaduan yang sedang dijaga oleh semua rakyat negara kita. Saya lihat, apa yang berlaku di negara kita dari manifestasi yang didemonstrasikan oleh Hindraf, hanya sebahagian kecil sahaja masyarakat India yang berada dan menyokong kumpulan berkenaan, manakala majoriti masyarakat India berpuas hati dengan masalah perpaduan dan layanan yang diberikan kepada orang-orang India.

Inilah yang tidak difahami oleh wartawan asing yang berada negara kita yang datang dan pergi tadi. Apatah lagi berita yang keluar di akhbar Mumbai mengatakan, bahawa selama 17 tahun rakyat Sri Lanka yang berada di sini dan mengatakan kita mengamalkan sistem *aparteid*. Saya fikir orang itu kalau ada di Malaysia, kita harus pegang dia, kita tangkap dia dan kita bagi tahu bahawa, ini bukan keadaan sebenar yang berlaku di Malaysia. Orang jenis beginilah yang tidak berterima kasih bila diberikan taraf penduduk tetap di negara kita, dan memberikan gambaran yang buruk kerana orang ini cuba mahu merosakkan imej Malaysia yang sedang berpadu.

■1010

Kemajuan yang dirasakan oleh semua rakyat dan sistem yang dijalankan adalah sistem demokrasi mengikut acuan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa kebanyakan pelabur yang masuk di Wilayah Pembangunan Iskandar adalah pelabur daripada Timur Tengah, tetapi Al-Jazeera memberikan gambaran politik yang saya bimbang akan membawa kesan kepada pelabur-pelabur daripada Timur Tengah ini. Jadi saya pun hairan, kenapakah BERNAMA tidak ada satu kenyataan balas yang dihantar kepada Al-Jazeera mengenai apa sebenarnya yang berlaku. Jadi kerjasama yang bagaimana wujud antara Al-Jazeera dengan BERNAMA untuk menyelesaikan isu ini? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Al-Jazeera mempunyai wakilnya di Malaysia, lazimnya mereka tidak mengambil berita daripada agensi lain ataupun daripada akhbar lain ataupun syarikat penerbitan, kerana mereka mendapat sumber mereka sendiri.

Apa yang dilakukan oleh BERNAMA bukan tidak memberikan berita itu kepada semua agensi berita asing di luar negara, tetapi soalnya mereka tidak mahu memakai bahan yang mereka peroleh sendiri, apatah lagi mahu memakai bahan yang kita sogokkan kepada mereka sebagai satu kebenaran. Dalam hal ini, kekhuatiran untuk pelabur-pelabur Arab supaya tidak melabur di WPI, saya fikir kekhuatiran itu berada di peringkat minimum, kerana pelabur-pelabur asing itu melihat sendiri situasi sebenar di Malaysia.

Mereka sendiri mengkaji latar belakang WPI, mereka sendiri melihat potensi pelaburan di Malaysia itu. Insya-Allah apa yang diberikan oleh BERNAMA adalah sesuatu yang benar, tetapi apa yang dikeluarkan oleh Al-Jazeera telah disanggah oleh mereka sendiri, kerana mereka melihat situasi yang sebenar dan keadaan di sini tidak sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Jazeera.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah kita guna istilah “diwarnakan” mengikut sentimen Al-Jazeera?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Pewarnaan yang diberikan oleh Al-Jazeera adalah pewarnaan mengikut selera Al-Jazeera sendiri, kerana mereka ada media agenda di belakangnya, kerana mereka ada agenda *setting*, dengan izin. Mereka mahu menggambarkan bahawa situasi yang ada di Malaysia ini bertentangan dengan apa yang ada tergambar dalam minda mereka. Oleh yang demikian, pelabur-pelabur daripada Timur Tengah yang akan datang ke WPI atau ke kawasan-kawasan yang lain, mereka tidak menyandarkan keputusan untuk melabur itu hanya kepada laporan salah yang dibuat oleh Al-Jazeera, ataupun agensi-agensi lain yang mempunyai agenda yang tersembunyi, yang mahu menikam Malaysia daripada belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil apabila Tuan Yang di-Pertua menyentuh soal perpaduan kaum.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna minat mewarnakan ini bukan sahaja terhad kepada baju atau *necktie*, tetapi juga suka mewarnakan cerita. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia terkenal dengan warna-warni masyarakat berbilang kaum dan budayanya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya terpenggil apabila Yang Berhormat menyatakan tentang isu yang dibangkitkan oleh Hindraf ini, yang meninggalkan impak yang begitu besar negatifnya kepada negara, baik di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Jadi apakah nasihat dan kata-kata Yang Berhormat untuk kaum yang berada di negara kita, yang turut terhasut diracuni oleh pemikiran sekumpulan kepimpinan Hindraf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dari segi aspek berita, apa yang kita lakukan bukan sahaja melalui BERNAMA, tetapi melalui rangkaian penyiaran kita. Kita mempunyai dua saluran TV dan 32 saluran atau stesen radio dan perkara ini kita sebarkan dengan luasnya kepada khalayak atau kumpulan sasaran kita.

Pada hemah saya di dalam keadaan sekarang ini Hindraf tertekan. Kumpulan yang menyokong Hindraf juga tertekan kerana realitinya, mana ada *ethnic cleansing* berlaku di Malaysia. Mana ada pembasmian kaum di Malaysia, perkara ini tidak pernah berlaku. Kalau mereka menuduh hanya masyarakat India sahaja yang miskin, mereka juga tahu bahawa kemiskinan ini merata.

Stratifikasi sosial yang ada, susun lapis masyarakat yang ada semua masyarakat, semua kaum ada kumpulan yang miskinnya.

Yang keduanya dari segi perkongsian kuasa, kita mempunyai sistem demokrasi berdasarkan kepada perkongsian kuasa yang ada. Kalau tidak, tidak akan ada Ahli Dewan Negara terdiri daripada masyarakat India dalam Dewan yang mulia ini.... [*Tepuk*] Begitu juga di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, begitu juga di peringkat menteri dan timbalan menteri. Perkongsian kuasa ini kita terjemahkan dalam realiti yang sebenarnya.

Pada hemah saya Yang Berhormat, nasihat saya berpijaklah di bumi yang nyata, jangan hanya melihat bintang di langit tanpa melihat rumput di bumi.

2. **Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru apabila amalan kelas bercantum diberhentikan kelak.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melatih bakal guru berdasarkan unjuran keperluan guru yang disediakan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Untuk makluman, bilangan keperluan guru untuk setiap negeri adalah menggunakan norma perjawatan 1.5N, di mana N merujuk kepada bilangan kelas yang akan dibuka bagi tahun tersebut. Walau bagaimanapun mulai tahun 2007 Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggunakan norma perjawatan baru iaitu 1.7N bagi sekolah rendah dan menengah secara berperingkat.

Norma perjawatan baru ini akan menambahkan keperluan bilangan guru di sekolah-sekolah. Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran berpandangan kesemua 27 buah Institut Pendidikan Guru atau IPG sedia ada, dan Institut Pengajian Tinggi Awam adalah berkemampuan untuk melatih dan menampung keperluan guru di masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Khoo Soo Seang kemudian Tuan Lee Sing Chooi kemudian Hajah Samsiah.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya kemukakan soalan tambahan oleh sebab sekarang kita dapati bahawa di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, kekurangan guru di SJK(C) sudah sangat ketara walaupun nisbah guru kepada kelas cuma 1:5. Saya kluatir kalau kita tambah kepada 1:7 ataupun lapan kelas bermaksud tiap-tiap sepuluh kelas kita perlu tambah dua hingga tiga orang cikgu. Sekolah yang besar ada yang mempunyai 80 hingga 100 kelas.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Adakah kita boleh menampung, adakah kita mempunyai bekalan guru yang cukup untuk memenuhi risiko kekosongan tersebut. Sebenarnya soalan saya tadi ialah berkenaan dengan kelas cantuman. Oleh sebab sekarang di sekolah-sekolah yang bilangan murid sangat kecil, kadang-kadang pada Tahun Satu dan Tahun Dua bercantum.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap timbalan menteri faham maksud Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Sekarang kalau kita hentikan kelas bercantum bilangan kelas akan bertambah. Saya dapati bahawa di ...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, saya dapati itu sudah tidak perlu dalam pertanyaan. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Ini soalan saya, oleh sebab saya kluatir kalau kita...

Tuan Yang di-Pertua: Kluatir pun tidak perlu, tanya...

Tuan Khoo Soo Seang: Apabila kita amalkan, apabila kita hentikan kelas bercantum itu, adakah guru-guru tersebut di *under utilize*, dengan izin? Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih, Yang Berhormat merupakan seorang bekas guru besar dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan perguruan begitu lama. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada keprihatinan terhadap kekurangan guru ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kementerian sedar bahawa di negeri-negeri tertentu seperti Johor dan sebagainya memang menghadapi kekurangan guru, tetapi pada keseluruhannya tidak begitu ketara kalau kita bandingkan dengan daerah-daerah dalam negeri Johor

pun, tidak begitu ketara. Walau bagaimanapun kita sedar bahawa di Johor Bahru memang kita menghadapi masalah, kerana pembangunan yang begitu pesat di kawasan-kawasan Johor Bahru. Kita memang sedar.

■1020

Oleh kerana itulah, kita telah memutuskan bahawa walaupun norma perjawatan telah kita ubah, tetapi ia akan kita laksanakan secara berperingkat, bukan sekali gus untuk menaikkan dari 1.5 kepada 1.7.

Mengenai percantuman, kelas bercantum. Ya, memang kita sedar kalau kita hapuskan semua, ia akan melibatkan keperluan guru yang akan bertambah. Jadi, setakat ini Kementerian Pelajaran masih belum buat keputusan lagi, kalau ada sekiranya keputusan yang dibuat, jadi langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan sudah tentu akan kita lakukan untuk memastikan ia tidak akan menjadi satu masalah untuk menghalang P&P di sekolah kita. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan keperluan atau kekurangan guru, saya nak tahu apakah unjuran-unjuran yang dibuat selama ini untuk keperluan guru dan juga kekurangan guru di semua jenis sekolah dan juga di peringkat menengah. Adakah ia sudah memberikan impak atau kesan yang menggalakkan atau masih kekurangan ini berlebihan? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita ambil beberapa langkah seperti buka semula kursus dalam cuti, dan juga untuk menambahkan pengambilan bilangan pelatih, jadi nampaknya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kekurangan guru di sekolah-sekolah tertentu khususnya SJKC telah kita kurangkan. Jadi, ini satu petanda yang baik dan Kementerian Pelajaran Malaysia akan teruskan usaha supaya pada masa yang terdekat, sekolah-sekolah tak kira di mana sekolah, tidak akan menghadapi kekurangan guru yang begitu besar. Terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Datuk Timbalan Menteri Pelajaran, Ahli Parlimen bagi Seremban.

Soalan tambahan saya ialah, selain daripada masalah kekurangan guru, masalah kekurangan bilik darjah juga akan dirasai apabila amalan kelas bercantum ini diberhentikan kelak. Apakah persediaan kementerian dalam mengatasi semua masalah ini? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah yang juga merupakan bekas guru besar sampai bersara. Jadi, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap masalah ekoran daripada pelaksanaan memusnahkan atau menghapuskan kelas cantum ini.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sebelum Kementerian Pelajaran membuat sesuatu, sudah tentu Kementerian Pelajaran akan buat perancangan yang lebih awal lagi. Seperti yang saya sebut tadi, buat sementara waktu, Kementerian Pelajaran masih belum buat

keputusan sama ada kelas cantum dihapuskan sama sekali atau dilaksanakan secara berperingkat. Kalau dilaksanakan berperingkat, maka kekurangan bilik darjah, kekurangan guru akan kita atasi secara berperingkat. Saya ucapkan berbilang-bersungguh terima kasih, jadi itulah jawapan dari saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Samsiah saya tak nampak tadi, kalau tidak saya tak beri peluang pertanyaan tambahan.

3. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah puncanya siaran televisyen terlalu banyak menayangkan cerita, drama dan *telemovie* dari luar negara hingga menyukarkan anak tempatan mencari makan sebagai pelakon, pengarah mahupun penerbit.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa kandungan berbentuk drama, filem telenovela dari luar negara diberi masa siaran yang lebih dari drama tempatan oleh stesen-stesen TV swasta. Kebanyakan program yang mendapat kedudukan atau *rating* tertinggi di Malaysia sebenarnya adalah terdiri daripada program-program tempatan.

Menurut pemantauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), peratusan kandungan dalam bahasa Malaysia dan tempatan bagi stesen-stesen di bawah Media Prima Berhad (MPB) adalah sebanyak 48%, manakala jumlah peratusan kandungan asing dalam Bahasa Melayu hanya 12%. Kesemua stesen di bawah MPB amat aktif di dalam penerbitan rancangan tempatan sama ada melalui penerbitan dalaman mahupun melalui anak-anak syarikat di bawah MPB, iaitu Grand Brilliance Sdn. Bhd. Selain itu, hal ini juga telah membantu mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya kepada mereka yang kreatif di dalam pembikinan filem dan drama tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua stesen TV *terrestrial* swasta dikenakan syarat khas lesen untuk menyiarkan 60% kandungan dalam Bahasa Malaysia, dan 60% dari kandungan selain dari bahasa Malaysia hendaklah kandungan tempatan. Pihak pemegang lesen juga dikehendaki menyediakan program kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan. Walau bagaimanapun, stesen satelit TV berbayar Astro, tidak tertakluk kepada syarat lesen yang khusus mengenai kandungan tempatan. Namun demikian, syarikat itu masih mengambil inisiatif untuk menyediakan 18 saluran yang berjenama Astro yang turut mengandungi kandungan tempatan. Dari jumlah tersebut, lima saluran adalah dalam bahasa Malaysia, manakala selainnya dalam bahasa Cina dan India. Saluran-saluran tersebut turut menyiarkan program-program tempatan yang diterbitkan sendiri oleh pihak Astro dan juga diperolehi dari syarikat penerbitan tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Hajah Samsiah kemudian Puan Mumtaz binti Md Nawi, kemudian Dato' Ismail Kassim.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli Parlimen bagi Tampin. Terlalu banyak kedengaran rungutan anak seni tempatan yang melibatkan perkara ini, sedangkan mereka tidak pula punya kesempatan yang diberi peluang oleh kerajaan luar...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Ya. Oleh kerajaan luar negara semudah kita memberi peluang kepada filem luar atau persembahan luar negara.

Soalannya, adakah kementerian membuat penyelidikan kesan jangka panjang terhadap rakyat kita ini sama ada positif ataupun negatif, cara pertuturan, cara peradaban dan juga perlakuan nilai-nilai lain yang seumpamanya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi membuat kajian, suka saya nyatakan disebabkan kesedaran ini, maka kementerian ini telah mewujudkan satu Jawatankuasa Penyiaran ataupun Hala Tuju Penyiaran Siaran Radio TV Swasta yang juga ada satu lagi Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Juga saya menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa atas kesedaran, bahawa pentingnya untuk melahirkan atau membina lagi industri kandungan tempatan ini, maka kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mewujudkan satu Geran Pembangunan Kandungan Tempatan atau dengan kata ringkasnya *National Content Development Grant* dan akhirnya pada peringkat hari ini, dua buah syarikat telah berjaya mendapat faedah daripada geran ini.

Satu berasaskan daripada *animation* iaitu cerita yang berkaitan dengan haiwan dan satu lagi berasaskan pada tulisan jawi. Inilah cara-cara pembangunan yang dilakukan oleh kementerian ini supaya membanyakkan lagi kandungan tempatan di negara ini, dan saya juga ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, dalam melahirkan sama ada drama ataupun filem, kosnya adalah penting dan kualitinya penting.

Saya juga ingin maklumkan selain daripada kita mengimport siaran-siaran atau filem-filem drama daripada luar negara, kita juga berjaya menghantar filem-filem kita ke luar negara. Antaranya kalau hendak dimaklumkan, daripada Media Prima seperti Jejak Rasul begitu popular di negara-negara Timur Tengah dan juga di Amerika Utara. *Islamic Scholar* di kawasan Timur Tengah dan *Thaipusam Festival*, *Discovery Channel* ambil, kemudian ada juga daripada syarikat Astro pula, *Lat* begitu popular di 20 buah negara, Astro juga dalam perundingan untuk memberi kepada Singapura menggunakan 300 jam siaran mereka untuk siaran-siaran daripada filem-filem atau drama yang dikeluarkan sendiri oleh syarikat Astro. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mumtaz binti Md Nawli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu penetapan agar diwujudkan drama berbentuk keluarga contoh, yang dijadikan agenda dalam membina jati diri masyarakat, bukan seperti sekarang yang kita lihat

kebanyakan drama yang dipaparkan adalah berbentuk keluarga yang bermasalah, kerana TV merupakan satu alat pendidikan yang berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab keluarga tak bermasalah bukan drama.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi buat drama ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak ada cita-cita untuk buat drama sendiri cuma yang ada kita mempunyai hala tuju sebagaimana yang saya katakan tadi, dengan adanya Jawatankuasa Kabinet dan juga jawatankuasa dalam kementerian ini, kita ada garis panduan bagaimana bentuk-bentuk siaran, drama macam mana kita hendak. Kita tak nak macam mungkin Yang Berhormat kata bila nak makan saja bergaduh, bila nak makan saja bergaduh. Itu mungkin perkara-perkara garis panduan yang ada nanti, apabila kita bentangkan di masa yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Dato Ismail Kassim.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah syarat wajib tayangan yang masih dikenakan oleh pihak kerajaan, dan apakah bentuk-bentuk insentif yang lebih meluas bagi membolehkan produser menghasilkan rancangan yang lebih bermutu?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Suka saya nyatakan bahawa antara syarat wajib paling utama adalah semua filem yang hendak disiarkan sama ada di TV swasta ataupun di RTM sendiri, ianya perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem yang terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dari segi insentif kepada pembuat-pembuat filem sebagaimana yang saya katakan tadi, geran diadakan di bawah kementerian supaya kita dapat membanyakkan lagi filem-filem atau drama-drama tempatan yang boleh dilahirkan di negara ini, tetapi seperkara lagi yang saya ingin tekankan kalau filem itu berkualiti sahaja, tetapi dari segi ekonomiknya ianya terlalu tinggi, maka agak sukar ianya dipasarkan. Sebab itu pada hari ini kita lihat Media Prima banyak melahirkan filem-filem mereka sendiri melalui anak syarikatnya Grand Brilliance, kerana mereka percaya bahawa melalui anak syarikat ini mereka dapat melahirkan filem-filem yang berkualiti dengan harga yang lebih rendah, dan akhirnya filem-filem ini atau drama-drama ini berjaya dieksport ke negara-negara lain.

Sebagaimana saya nyatakan tadi, Media Prima telah berjaya menghantar rancangan-rancangan mereka sebanyak 500 jam ke Singapura. Ini menunjukkan kejayaan industri perfileman dan drama yang ada di negara ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

4. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyak kah masa diberi/disediakan oleh stesen-stesen TV di bawah kementerian untuk berita atau program-program dari Sarawak dan Sabah. Apakah kerajaan berhasrat menambahkan ruang dan *airtime* untuk lebih banyak lagi bahan dari Sarawak dan Sabah di masa hadapan.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, RTM sebagai media rasmi kerajaan memang turut memberikan perhatian kepada penyiaran-penyiaran bahan-bahan sama ada berita atau rancangan dari Sabah dan Sarawak.

Kedua, stesen negeri berkenaan juga mempunyai biro berita kawasannya sendiri yang bertanggungjawab menyumbangkan bahan-bahan berita dari kedua-dua negeri untuk disiarkan melalui siaran berita radio dan berita TV RTM termasuk *Warta Perdana*, berita setiap jam dan berita-berita bahasa lain. Secara khusus juga RTM turut memberikan peruntukan masa selama lima minit melalui *Warta Negeri* setiap hari untuk lintas langsung dari Sabah dan Sarawak.

Rancangan *Selamat Pagi Malaysia* di RTM1 pula turut membuat lintas langsung selama sepuluh minit secara tetap ke Sabah pada setiap hari Rabu dan ke Sarawak pada setiap hari Khamis. Selain daripada berita kedua-dua stesen berkenaan juga mempunyai bahagian penerbitan TV sendiri yang bertanggungjawab menerbitkan rancangan-rancangan bercorak hal ehwal semasa, hiburan dan pembangunan untuk disiarkan di RTM Angkasapuri.

Ketika ini RTM1 menyiarkan bahan dari Inspirasi Anggun dari Sarawak selama dua puluh lima minit pada setiap hari Selasa dan *Dendangan Bayu* dari Sabah pada setiap hari Isnin. Rancangan *Kawasan Saya* bersama-sama dengan Ahli Parlimen yang disiarkan di RTM1, yang turut memberikan liputan kepada beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak juga akan diperluaskan meliputi semua kawasan secara berperingkat-peringkat. Radio dan TV, RTM juga turut membuat lintas langsung bagi beberapa acara utama negara yang berlangsung di kedua-dua negeri berkenaan termasuk perlawanan sukan, pertandingan bakat dan sebagainya.

RTM juga menyiarkan secara langsung sambutan rumah terbuka Malaysia bagi perayaan Pesta Keamatan dan juga Gawai. Mengenai penambahan masa siaran bagi bahan-bahan dari Sabah dan Sarawak, dukacita saya maklumkan bahawa perkara ini memang turut diberikan perhatian mengikut keperluan terutama semasa berlangsungnya aktiviti-aktiviti penting di kedua-dua negeri berkenaan termasuk di dalam pilihan raya negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Dato Sri Empiang Jabu, kemudian Tuan Majjol bin Mahap.

Dato Sri Empiang Jabu: Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk memberi lebih peluang dan ruang untuk bahan-bahan drama, cerita ataupun berita dalam Bahasa Iban, Bahasa KadazanDusun dan etnik-etnik bumiputera yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Program-program dalam Bahasa Iban dan Kadazan Dusun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana matlamat Malaysia adalah untuk mewujudkan integrasi nasional keutamaan penggunaan Bahasa Malaysia itu diberikan *priority*, dengan izin. Bahasa Iban dan Kadazan walaupun penting, tetapi saya khawatir ada yang Banjar daripada Batu Pahat minta, orang Jawa daripada Selangor minta, orang Mendeling daripada Gopeng minta, orang Siam daripada Perlis minta, jadi soal integrasi nasional tidak dapat diwujudkan.

Namun demikian Bahasa Iban, Kadazan dan sebagainya kita siarkan melalui drama-drama, melalui rancangan-rancangan radio tempatan dan kalau kebetulan ada Hari Keamatan atau Gawai, memang kita ada siarkan rancangan-rancangan yang berbentuk drama dan sebagainya. Walau bagaimanapun berita dalam bahasa Iban dan Kadazan kita memang berikan keutamaan untuk stesen radio tempatan, dan memang bahasa-bahasa berkenaan dikhususkan supaya sampai kepada khalayak yang kita sasarkan. Oleh yang demikian, saya fikir rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak juga mahu supaya soal integrasi ini dijadikan amalan agar bahasa-bahasa ibunda ini tidak dinasionalkan, sebaliknya ianya digunakan sebagai bahasa tempatan sahaja. Jadi aspirasi nasional itu harus diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira Yang Berhormat jawab agak bijak. Ya, Tuan Maijol.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah rasional Kementerian memansuhkan stesen TV tempatan Sabah yang pernah wujud pada suatu ketika dahulu, sedangkan ia memberikan manfaat kepada masyarakat di negeri Sabah?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya kurang faham, boleh ulang?

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Dulu kita ada stesen TV di Sabah yang disiarkan di Sabah sahaja, tapi ia sudah dimansuhkan. Apakah rasional Kementerian untuk memansuhkan stesen tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah rasional mengintegrasikan stesen di Sabah itu ke dalam rangkaian nasional?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya fikir, waktu TV Sabah itu ada, saya pun masih merangkaklah. Yang Berhormat masa itu mungkin lebih tua daripada saya - tapi sebenarnya apa yang kita harus faham ini stesen TV di Sabah dan Sarawak masih dikekalkan, tapi ianya digunakan untuk memberikan input kepada program-program di peringkat nasional. Ertinya, walaupun berita-berita mengenai Sabah dan Sarawak itu masih wujud, tetapi kita memberikan tempat Berita Nasional.

Ertinya Berita Sabah jangan hanya ditonton oleh orang Sabah, tetapi ditonton oleh seluruh rakyat Malaysia. Jadi rasional kalau ada pun TV Sabah ketika itu, saya fikir itu tinggal sejarah, sebab pada hemat Kementerian Penerangan kita merasakan bahawa di dalam keadaan kita mengintegrasikan seluruh kaum, seluruh etnik yang ada di negara kita ini pun timbul permasalahan Hindraf yang berfikiran sempit, apatah lagi kalau jauh daripada itu kita mengizinkan stesen-stesen TV yang kecil untuk hanya membangkitkan isu-isu di tempatan sahaja.

Oleh yang demikian, kita fahamilah bahawa hasrat kepimpinan kita agar permasalahan negara diselesaikan dengan sebaik-baiknya agar integrasi nasional ini dapat kita kekal dan pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

5. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, apakah perancangan dan strategi yang perlu diambil bagi mempertahankan ketamadunan budaya Bahasa Melayu tidak dinodai oleh generasi kini dan masa hadapan selaras dengan hasrat murni yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 23 bertarikh 18 Disember 2007, hari Selasa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu tindakan kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan saya akan beri peluang kepada Dato' Azian untuk kemukakan soalan tambahan.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah melaksanakan perancangan dan strategi yang perlu diambil bagi mempertahankan ketamadunan budaya bahasa Melayu tidak dinodai oleh generasi kini, dan masa hadapan selaras dengan hasrat murni yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia. Di antaranya ialah:

▪ **1040**

- (i) mendaulatkan penggunaan bahasa Malaysia selaras dengan Perkara 152, - Bahasa Kebangsaan dalam Perlembagaan Malaysia dengan menggalakkan penggunaannya dengan laras yang betul dalam pentadbiran kerajaan, pihak swasta dan orang ramai;
- (ii) menggalakkan penggunaan istilah-istilah bahasa Malaysia yang betul daripada menggunakan bahasa Inggeris yang di melayukan;
- (iii) menggalakkan penyelidikan dan penerbitan buku seni budaya dan warisan Malaysia dalam bahasa Malaysia;
- (iv) menyediakan bantuan kepada badan bukan kerajaan khususnya dalam bidang bahasa dan sastera seperti Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), persatuan penulis dan badan bahasa di institusi pengajian tinggi bagi melaksanakan program memartabatkan bahasa;
- (v) menggalakkan penulis-penulis bukan Melayu untuk menulis buku seni budaya dan warisan dalam bahasa Malaysia. Oleh itu KeKKWa akan melantik penulis tamu dari luar negara seperti dari negara China untuk menulis dalam bahasa Malaysia;
- (vi) memberi pendidikan secara formal penulisan bahasa Melayu melalui penubuhan Jabatan Penulisan Kreatif di ASWARA yang bertujuan untuk meluas dan meningkatkan ilmu dan kefahaman dalam penulisan melalui pelbagai medium kepada pelajar-pelajar peringkat sijil, diploma dan ijazah;

- (vii) menghidupkan penggunaan tulisan jawi sebagai sebahagian daripada usaha KeKKWa menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia. KeKKWa telah membiayai kos penerbitan sisipan akhbar Utusan Melayu melalui Utusan Malaysia; dan
- (viii) mengadakan pelbagai aktiviti pembudayaan bahasa seperti pertandingan pidato dan pantun, ceramah, seminar dan sebagainya bagi menyokong usaha memperkasakan bahasa Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mewakili kementerian di atas jawapan yang begitu baik dan padat.

Soalan tambahan saya, di bawah Perlembagaan Persekutuan 152(1) termaktub bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kenapa kita menggunakan bahasa Malaysia dalam sebutan-sebutan seharian begitu juga dalam dasar kerajaan. Apa pandangan...

Dato' Wong Kam Hoong: Sila ulangi, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya ulangi, di bawah Perlembagaan Persekutuan termaktub di bawah Perkara 152(1), yang secara terang dan jelas menyatakan istilah perkataan yang dipakai dalam Perlembagaan ialah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang disebut Bahasa Malaysia, kenapa kita mengelirukan dengan penggunaan bahasa Malaysia. Itu yang pertama.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat mengenai isu yang dibangkitkan berkenaan dengan kemandulan minda Dewan Bahasa mengenai pengenalan istilah baru bahasa Melayu yang diperdebatkan pada ketika ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat. Tentang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita, ini telah diiktiraf selepas Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 60-an. Dalam akta ini telah dijelaskan iaitu bahasa rasmi negara ialah bahasa Melayu dan diberikan istilah bahasa Malaysia di dalam Akta Bahasa Kebangsaan Negara.

Berkenaan dengan bahagian kedua, sila cakap kuat sikit sebab saya tidak dapat dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Sebutan bahasa Melayu itu dalam Perlembagaan, tetapi dijadikan istilah bahasa Malaysia dalam akta.

Dato' Wong Kam Hoong: Bahasa Malaysia dalam akta, pada hal bahasa Malaysia merujuk kepada bahasa Melayu. Ini bermakna istilah sahaja. Kedua-dua ini adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi ialah mengenai prestasi Dewan Bahasa dalam memperkenalkan istilah-istilah baru.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih. Ini satu soalan tambahan yang berat... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta notislah. Adakah Yang Berhormat perlukan notis?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, saya akan jawab tetapi saya akan...

Tuan Yang di-Pertua: Kerana terlalu teknikal, mungkin.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya. Sebab kalau hendak berhujah agak lama juga. Saya petik daripada satu karangan Menteri saya yang boleh dianggap sebagai pendirian kementerian saya. Dalam satu karangan Yang Berhormat Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim dengan tajuk "*Bahasa Melayu Dalam Era Globalisasi*", beliau kesal bahasa Melayu dirasuk oleh bahasa rojak yang tidak indah dan tidak mencerminkan jati diri.

Pada hemat beliau...

"Memang betul perkataan asing sudah pun dipinjam atau diserapkan semenjak beratus-ratus tahun lagi. Ini boleh diterima tetapi peminjaman itu berasaskan kepada beberapa syarat dan ketertiban demi menjaga keutuhan bahasa Melayu iaitu:

- (i) istilah atau perkataan baru boleh diambil jika tiada perkataan yang sama maksudnya dalam bahasa Melayu. Jika dalam bahasa sendiri ada perkataan yang sesuai tidak perlu kita tiru hak orang lain seperti "birthday" adalah hari jadi, "show time" adalah masa persembahan," ori" dengan asli;*
- (ii) pengambilan kata perbendaharaan..."*

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat, ori?

Dato' Wong Kam Hoong: Ori, ya. Ungkapan-ungkapan ini dipetik dari siaran radio dan TV kita sendiri. Cuba dengar,

"Dalam hal ini you yang paling best.

How are you today? Harap okey lah.

You sudah breakfast kah? - makan sarapan pagi.

Hey, kawan-kawan it's show time. Inilah show time yang ori..."

...[Ketawa] Ini petikan dari TV dan stesen radio negara kita.

Beralih kepada pendirian beliau...

- "(ii) pengambilan kata perbendaharaan orang lain harus menambah ilmu dan jati diri kepada masyarakat; dan*
- (iii) pihak pengembang dan pemaju bahasa ibunda harus bertindak dan membetulkan sesuatu ungkapan atau perkataan yang dirasakan menceroob bahasa sendiri tetapi kesannya dan keluhan Menteri dan juga keluhan saya ialah malangnya kuasa membetulkan ini tiada kepada sesiapa atau mana-mana pihak pada masa ini."*

Sepatutnya Kabinet akan mengambil kes ini iaitu pencerobohan bahasa Melayu dan dibincangkan dengan panjang lebar untuk mencari satu jalan penyelesaian demi memartabatkan bahasa Melayu negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya juga sudah terjawab.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah kementerian menyediakan garis panduan kepada akhbar-akhbar tempatan dan penulisnya yang sering kali menggunakan bahasa Inggeris yang di Melayukan, yang sukar difahami oleh rakyat sehingga bahasa Melayu terus dinodai setiap hari. Terima kasih.

■1050

Dato' Wong Kam Hoong: Seperti mana yang dikatakan dalam menjawab soalan tambahan tadi, kerajaan patutlah ambil satu pendirian di mana kita akan menegaskan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat, di semua bidang lapangan mahupun di dalam kerajaan atau swasta. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Implikasi ialah di persempadananlah, *border line*, tetapi "ori" itu, sudah keterlaluanlah.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, keterlaluan.

6. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah *budget airlines* seperti AirAsia ditubuhkan sebagai pesawat tambang murah boleh menjejaskan keuntungan MAS, dan setakat ini, apakah kementerian bercadang untuk mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat lain bagi menjalankan operasi seperti AirAsia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng yang mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan syarikat penerbangan tambang murah seperti AirAsia di Malaysia tidak menjejaskan keuntungan syarikat penerbangan MAS. Pada suku tahun ketiga berakhir 30 September 2007, MAS telah berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM364 juta. Ini menjadikan jumlah keuntungan bersih yang dicatatkan oleh MAS bagi tempoh Januari hingga September 2007 adalah berjumlah RM610 juta yang merupakan keuntungan tertinggi dalam tempoh 60 tahun sejak MAS ini beroperasi.

Pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengeluarkan lesen perkhidmatan udara kepada syarikat-syarikat lain bagi menjalankan operasi penerbangan tambang murah seperti AirAsia. Ini adalah kerana kerajaan berpandangan bahawa pada masa ini syarikat-syarikat penerbangan sedia ada berupaya menyediakan perkhidmatan yang mencukupi kepada pasaran sedia ada di Malaysia.

Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada peringkat awal, AirAsia dilesenkan untuk memberi perkhidmatan destinasi-destinasi domestik sahaja dan membantu industri pelancongan, tetapi kini AirAsia telah diglobalisasikan. Kepada saya, ini tidak ada masalah. Apakah status FACS yang ditubuhkan untuk domestik sahaja di Sabah dan Sarawak dan apakah rasionalnya untuk memberi lesen yang baru iaitu Firefly? Adakah perkhidmatan anak-anak syarikat MAS atau AirAsia berfungsi dengan baik?

Saya telah menerima...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah kemukakan tiga pertanyaan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, yang penting untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan. Cukuplah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Nama Firefly tidak baguslah, orang kompelin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali gus apakah nama Firefly itu sesuai?... [Ketawa]

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pengambilan *Rural Air Services* atau RAS, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bukan diambil alih oleh Firefly. Ia diambil alih oleh MASwings. Firefly beroperasi ke kawasan-kawasan atau destinasi-destinasi yang tertentu, tidak silap saya dan lagipun FACS pun sudah tidak beroperasi pada hari ini dan MASwings menjalankan atau memberi khidmat yang sama dengan apa yang...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kuat sedikit, Yang Berhormat? Kurang kedengaran.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. MASwings menjalankan tugas apa yang telah dilakukan oleh FACS. Nampaknya semuanya berjalan dengan baik. Segala *Fokker* yang telah digunakan oleh MAS dahulu, selepas itu FACS telah dipulihkan balik dengan selamatnya, boleh digunakan untuk perkhidmatan atas nama MASwings pada ketika ini untuk menjalankan bagi RAS, Tuan Yang di-Pertua.

Soal nama Firefly ini, saya rasa baik atau tidak baik adalah sesuatu yang telah diputuskan oleh kerajaan kerana Firefly ini satu nama yang menarik. Yang baik atau tidak baik itu, *wallahualam*, Tuan Yang di-Pertua, tetapi setakat hari ini nampaknya Firefly ini menarik minat orang ramai dan apabila ia beroperasi menerusi pangkalan Subang kerana ia lebih dekat, menarik banyak minat orang ramai. Lagi satu apa tadi, saya pun tidak ingat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ada apa-apa yang tertinggal?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Pasal Malaysia Airlines berkongsi *flight* dengan AirAsia, FACS dan Firefly, adakah untung?

Tuan Yang di-Pertua: FACS sudah terjawab, tidak beroperasi.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Firefly.

Tuan Yang di-Pertua: Firefly, untung atau tidak untung?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terlampau awal, Yang Berhormat, untuk saya hendak mengatakan untung atau tidak untung kerana ia baru beroperasi, kalau tidak silap saya, awal bulan Oktober, lebih kurang dua bulan. Nantilah kena sabar sedikit. Kita tengoklah dalam masa lima, enam bulan lagi kita boleh tahu, tetapi rasa saya ia mencapai keuntungan, insya-Allah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah bolehkan kerajaan memberi nasihat kepada AirAsia supaya meniru MAS dari sudut pakaian pramugari mereka supaya lebih mencerminkan budaya Malaysia ataupun budaya Asia atau sekurang-kurangnya membenarkan pramugari ataupun memberi pilihan kepada pramugari supaya boleh memakai seluar sebagaimana yang AirAsia sendiri membenarkan kepada *ground staff* mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini telah kita bangkit, kalau tidak silap saya dua minggu dahulu dalam *Post Cabinet*. Ini akan kita ketahui apabila kita meminta pihak AirAsia mengkaji balik dari segi pakaiannya, tetapi maklum sahajalah, zaman sekarang ini zaman moden sedikit, kadang-kadang dia pakai skirt lebih pendek itu lebih menarik.

Jadi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Apa hal Emirates dan Ittihad Airways, Qatar Airways dan Kuwait Airways?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya rasa kita akan mengikuti perkembangan ini dan kita akan minta jasa baik pihak AirAsia untuk kaji semula dari segi pakaian mereka. Soalan itu memang soalan baik dan saya berharap bila kita menaiki AirAsia, kalau nampak skirt-skirt yang pendek itu, kita toleh ke lainlah.... [*Ketawa*] Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang sebaiknya.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya MAS kini sudah jadi anak tiri apabila tiba-tiba ruang udara Kuala Lumpur-Singapura terbuka walaupun awal-awalnya, pada mulanya akan terbuka kepada 2009. Saya tidak tahu rasionalnya lah.

Walaupun MAS mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mulai mengaut keuntungan dan terpaksa bersaing dalam pelbagai rintangan. Soalan tambahan saya mungkin tergelincir tetapi ada hubung kait dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Mudah sahaja. Kalau tergelincir, saya tidak benarkan... [*Ketawa*]

Dato' Gooi Hoe Hin: Ada hubung kait dengan keuntungan MAS iaitu sama ada kementerian akan meminta MAS mengkaji semula dasar pengambilan pramugari dan pramugara secara kontrak dan apatah lagi mengurangkan bilangannya untuk berkhidmat di kapal terbang-kapal terbang.

Walaupun dianugerahkan *Best Cabin Crew*, pengurusan dibayar gaji tinggi tetapi pekerja sokongan tidak dijaga dengan baik. Terima kasih.

■1100

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya terima baik pandangan itu dan cadangan itu tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam masa dua tiga tahun ini MAS telah berhadapan dengan dua perubahan.

Yang pertama dalam kita memastikan cadangan yang telah dikemukakan oleh MAS, memastikan ia berjaya iaitu *Business Turn Around Plan*. Lagi satu dari segi rationalization, banyak perkiraan yang telah dibuat untuk memastikan MAS tidak menjalankan perkhidmatannya.... [Gangguan sistem pembesar suara] ...Yang merugikan. Sama juga dengan begitu banyak krew dan staff MAS yang telah dikurangkan. Ini adalah satu strategi yang telah digunakan oleh pihak MAS untuk memastikan MAS pulih dari segi *financial* dengan izin, kapasitinya. Kalau kita tengok kesan kepada *Business Turn Around Plan* itu, boleh dikatakan hampir berjaya menengok apa yang telah saya sebutkan tadi, Januari hingga September 2007 kita mencapai keuntungan RM610 juta.

Berkaitan dengan kekurangan krew kelas pertama daripada.... [Gangguan sistem pembesar suara] Boleh saya kemukakan.... [Gangguan sistem pembesar suara] ...Sama juga dengan kontrak yang lima tahun. [Gangguan sistem pembesar suara] ..Dan mengambil.... [Gangguan sistem pembesar suara] ...Ada yang baru selepas lima tahun itu, sewaktu saya rasa akan balik dan saya akan kemukakan.... [Gangguan sistem pembesar suara] ...Tetapi ia adalah pelan MAS itu sendiri dan tidak hendak campur tangan sangat kerana mereka ada strategi-strategi yang tersendiri, tetapi bagi pihak kementerian, kita akan sentiasa memantau keadaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah.

7. **Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) bilangan kakitangan awam yang bekerja sebagai pegawai kontrak mengikut gred dan kementerian pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007; dan
- b) jumlah kakitangan awam bertaraf kontrak yang telah berjaya diserapkan sebagai kakitangan awam yang tetap pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan memohon bilangan kakitangan awam yang bekerja mengikut gred dan kementerian meliputi hampir tiga tahun daripada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menyerahkan jawapan

ini secara bertulis bagi kementerian kerana ia hampir meliputi 35 muka surat dan saya hanya akan bacakan bilangan kakitangan awam yang bekerja mengikut gred sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih. Jawapan bagi:

- (a) Bagi tempoh tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama, tahun 2007, seramai 67,653 pegawai yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang mana bagi tahun 2005, jumlah pelantikan ialah seramai 20,215. Gred 41 sebanyak 4,284; Gred 31 – 1; Gred 29 – 5,766; Gred 27 – 1,348; Gred 19 – 5,218; dan Gred 17 – 3,598. Manakala bagi tahun 2006, Gred 41 – 4,380; Gred 29 – 4,491; Gred 27 – 1,611; dan Gred 17 – 8,971; Gred 1 – 375.

Bagi sebelas bulan pertama tahun 2007 jumlah keseluruhan ialah sebanyak 27,610 yang pecahannya ialah seperti Gred 41, sebanyak 5,386; Gred 29 – 4,588; Gred 27 – 1,868; Gred 17 – 15,486; dan Gred 13 – 33; Gred 1 – 249. Jumlah keseluruhan daripada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama 2007 ialah sebanyak 67,653.

Manakala jawapan bagi soalan:

- (b) Jumlah pegawai bertaraf kontrak yang telah dilantik secara tetap oleh SPA pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama 2007 adalah seramai 645 iaitu seramai 149 pegawai pada tahun 2005, dan 199 pada tahun 2006, dan 297 pada 11 bulan pertama pada tahun 2007. Yakni kalau dirangkul kesemuanya, pada tahun 2005 ialah sebanyak 22% daripada bilangan 676, 2006 sebanyak 36% daripada bilangan 552 pegawai kontrak yang dilantik secara tetap dan 2007 sebanyak 44% daripada jumlah 671 di mana 297 pegawai dilantik secara tetap.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Kelana D'Raja, Datuk Yaakob? Ada pertanyaan tambahan tidak apa, khidmat dah tidak ada tidak apa. Lepas itu Puan Heng.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya terlalu cepat, saya sangka Yang Berhormat berdiri tadi, tapi bila saya lihat Yang Berhormat tidak berdiri maka

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi jumlah kakitangan awam pada.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Di mana kekosongan jawatan sekitar 200,000 orang. Apakah perancangan dan strategi kerajaan untuk melaksanakan aktiviti yang begitu

besar, WPI, NCER? Adakah ini telah diambil kira bagi memastikan *delivery system* lebih berkesan?

Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang bertanyakan soalan. Secara ringkas dapat saya katakan bahawa dari segi perkhidmatan ini bukan daripada SPA sahaja yang melantik. Kita mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan juga Suruhanjaya Pasukan Polis dan badan berkanun dalam pelantikan. Berkenaan dengan perancangan dan strategi yang lebih lanjut, saya mohon notis Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ini, hari ini terpaksa menjawab di Dewan Rakyat pada masa yang sama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan lanjutan perkhidmatan kakitangan awam berjawatan tinggi yang telah mencapai had umur bersara yang dilantik sebagai pegawai kontrak. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sedar bahawa dengan berbuat demikian, ia akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai bawahannya yang sudah lama menunggu dan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan kakitangan awam sedia ada serta mengehadkan jawatan kosong yang boleh diisi oleh penganggur-penganggur tempatan. Jadi bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah ini? Sekian.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan. Sebenarnya Yang Berhormat, lanjutan daripada kontrak sesetengah pegawai ini bukan kepada semua orang tetapi kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan profesional yang tidak ada pada bidang yang lain. Sebahagian daripada profesion-profesion ini memang memerlukan kepada mereka yang berpengalaman dan diperlukan untuk lanjutan kontrak ini diadakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Chih Tiang Chai.

8. **Tuan Chih Tiang Chai** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sejauh manakah agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Tekun Nasional dan Program Keusahawanan MARA, membantu golongan wanita terutamanya ibu tunggal dalam memulakan perniagaan kecil untuk menjamin masa depan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, inisiatif kerajaan untuk membantu golongan wanita khususnya ibu tunggal dalam memulakan perniagaan kecil untuk menjamin masa depan mereka meliputi aspek penyediaan, bantuan modal dan pembiayaan perniagaan, bimbingan keusahawanan dan pelaksanaan program-program keusahawanan.

Bantuan tersebut antara lain disalurkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu sebuah agensi di bawah pemantauan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang bertanggungjawab membiayai kegiatan yang menjana pendapatan untuk isi rumah miskin di luar bandar. Di bawah Skim Pinjaman Ikhtiar yang dilaksanakan oleh AIM, seramai 67,000 orang wanita daripada kumpulan berpendapatan rendah terlibat dalam perusahaan mikro kredit. Selain itu, Yayasan Tekun Nasional di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pula menawarkan berbagai-bagai produk pembiayaan bagi membantu para peniaga kecil bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Sehingga bulan September 2007, seramai 68,383 orang usahawan wanita telah menerima pinjaman dengan peruntukan berjumlah RM354.7 juta.

■1110

Program keusahawanan yang dianjurkan oleh Majlis Amanah Rakyat ataupun MARA pula telah menyediakan latihan kepada 8,000 orang wanita. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan bantuan modal untuk golongan miskin termasuk wanita dan ibu tunggal bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chiw, kemudian Puan Loga Chitra.

Tuan Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, bagaimanakah penglibatan GLCs sejauh ini dalam membantu golongan wanita terpinggir terutama ibu tunggal sebagai salah satu daripada agenda tanggungjawab sosial korporat mereka? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: GLC ini di luar kuasa, bukan di bawah kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu saya tidak dapat jawab soalan ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, ahli lembaga pengarah wanita dalam syarikat berkaitan kerajaan pada tahun 2005, di GLC adalah 75 orang iaitu 11% dan tahun 2006 – 70 orang, 12%. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Loga Chitra.

Puan G. K Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada akses memperoleh bantuan kewangan bagi mengurangkan kemiskinan di kalangan wanita termasuk ibu tunggal dan ketua isi rumah wanita, soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk membantu golongan tersebut dengan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan premis gerai perniagaan yang tertentu, khas di tempat komersial untuk meninggikan status ekonomi golongan tersebut.

Datin Paduka Chew Mi Fun: Untuk makluman Yang Berhormat, buat setakat ini belum ada lagi cadangan sebegini, tetapi ini saya rasa adalah satu cadangan yang baik, memandangkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kami telah pun menyediakan geran pelancaran sejumlah

2,700 kepada kaum ibu ataupun wanita, ataupun yang miskin untuk memulakan perniagaan mereka. Sekian, terima kasih.

9. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah pihak kementerian telah membuat kajian yang mendalam tentang kesan dan akibat yang terpaksa ditanggung oleh kaum guru jika program sekolah satu sesi dilaksanakan sepenuhnya nanti.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan kajian perintis pelaksanaan sekolah satu sesi dengan waktu dipanjangkan ke atas 28 buah sekolah menengah pada tahun 1997. Dalam kajian tersebut, segala implikasi tentang kesan dan akibat yang terpaksa ditanggung oleh kaum guru, para ibu bapa dan pelajar serta pihak sekolah dan kementerian telah dikenal pasti.

Cadangan pelaksanaan sekolah satu sesi dengan waktu dipanjangkan tersebut, ditangguhkan kerana membawa implikasi kos yang tinggi dan tidak mendapat sambutan daripada ibu bapa, pelajar dan guru. Pada masa ini, Kementerian Pelajaran sedang meneliti kebolehlaksanaan persekolahan satu sesi dengan mengambil kira beberapa negeri yang boleh melaksanakan program tersebut seperti di daerah Setiu, Terengganu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Osman Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berdasarkan daripada kesan perjalanan sekolah satu sesi, sudah tentulah tugas dan peranan guru semakin bertambah. Jadi, apakah usaha-usaha kementerian untuk mengatasi masalah beban tugas guru terutama dalam menyediakan pegawai sokongan dalam kerja-kerja perkeranian yang saya rasa memang banyak mengekang fungsi dan fokus dalam tugas, terutamanya dalam PNP iaitu pengajaran dan pembelajaran. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan tambahan.

Memang tidak dapat dinafikan, untuk melaksanakan sekolah satu sesi dengan memanjangkan tempoh masa persekolahan, memang akan membawa implikasi kewangan dan juga implikasi kemudahan sama ada bilik-bilik darjah yang mencukupi dan juga dengan kemudahan bilik mandi, bilik rehat dan sebagainya, adalah cukup atau tidak. Selain daripada itu, beban guru juga telah diambil kira, sama ada bilangan guru hendaklah ditambah dan juga kesannya kepada pihak guru.

Selain daripada itu, daripada kajian yang kita jalankan, terdapat setengah ibu bapa tidak berminat untuk anak mereka belajar sampai petang, pukul 4.30. Walau bagaimanapun, ada juga yang mengalu-alukan pelaksanaan satu sesi supaya masa persekolahan dipanjangkan hingga 4.30 petang. Jadi dalam hal ini, Kementerian Pelajaran akan membuat kajian dan juga mengambil kira semua implikasi-implikasi sebelum kita laksanakan. Memang, pandangan Kementerian Pelajaran ada

kebaikannya, dan juga boleh dilaksanakan, kalau kita dapat mengatasi segala rintangan yang saya sebut tadi. Walau bagaimanapun, sistem persekolahan satu sesi tidak akan dilaksanakan sehingga tahun 2010. Terima kasih.

10. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, punca kegagalan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia tidak terpilih di dalam senarai 200 universiti terbaik dunia, dan apakah kesan daripada kegagalan ini kepada usaha kerajaan untuk menarik minat lebih ramai penuntut luar negara datang belajar di negara ini, dan apakah kriteria-kriteria yang diperlukan untuk memasuki senarai 200 universiti terbaik dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan berikut kerana ia menyentuh isi yang sama:

- (i) 6 Disember, pertanyaan Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya;
- (ii) 10 Disember, pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid;
- (iii) 12 Disember, pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson;
- (iv) 17 Disember, pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong;
- (v) 19 Disember, pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin; dan
- (vi) 19 Disember pertanyaan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Saya benarkan Yang Berhormat, dan saya akan benarkan pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Dr. Raja Ram dan Tuan Lee Chee Keong.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius kemerosotan kedudukan dua IPTA yang menyebabkan kedua-duanya tidak tersenarai dalam 200 institusi terbaik dunia oleh *The Times Higher Education Supplement, 2007*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *The Times Higher Education Supplement, 2007*, satu kajian pengiktirafan universiti-universiti di dunia yang telah dijalankan pada tahun 2004 oleh sebuah syarikat swasta British, Quaquarelli-Symmonds melalui kriteria-kriteria tertentu. Beberapa perubahan telah dibuat oleh *The Times Higher Education Supplement* terhadap kriteria bagi tahun 2004 hinggalah 2007.

Di antara faktor utama kemerosotan kedudukan IPTA negara kita dalam pengiktirafan ini ialah penilaian rakan kepakaran iaitu *peer preview* dengan izin, yang telah dibuat oleh 5,101 ahli akademik antarabangsa terutamanya dari negara maju terhadap bidang pengajian dan maklum balas

tentang kehebatan universiti di dunia dan juga skor yang rendah bagi kriteria kekerapan kajian yang dirujuk iaitu dengan izin, *citation per faculty*.

Kedua-dua kriteria ini mempunyai perkaitan langsung dengan aktiviti penyelidikan dan merupakan 60% pemberat pada jumlah keseluruhan dalam kajian tersebut. Selain itu, IPTA kita juga mendapat *score* yang rendah dalam kriteria kebolehan pekerjaan graduan iaitu *graduate employability*, dengan izin, yang telah dibuat ke atas 1,482 majikan ataupun industri terutamanya syarikat multi nasional dari negara maju mengenai graduan dari universiti manakah yang mahu mereka ambil sebagai pekerja. Kriteria kajian ataupun penilaian bakal majikan dengan izin, *requital review*, ini menyumbang 10% pemberat.

Pertambahan dalam *enrolment* pelajar di IPTA kita juga telah mengakibatkan bilangan pelajar dalam sesuatu kuliah terlalu besar dan pensyarah sukar memberi perhatian lebih kepada pelajar. Kriteria nisbah pelajar kepada pensyarah ini menyumbang 20% pemberat. Dalam nisbah pensyarah antarabangsa yang menyumbang 5% pemberat, IPTA kita juga mendapat skor yang rendah kerana sukar menarik ahli akademik penyelidik terkemuka antarabangsa, kerana tidak mampu menawarkan skim gaji yang mereka minta dengan lebih baik.

IPTA kita juga mempunyai skor rendah kepada nisbah pelajar antarabangsa yang menuntut di Malaysia yang juga menyumbang 5% pemberat. Telah menjadi dasar negara kita ketika ini hanyalah membenarkan IPTA kita mengambil pelajar antarabangsa tidak melebihi 5% dari keseluruhan jumlah pelajar Ijazah Pertama.

■1120

Dasar ini telah dibuat atas kepentingan negara dan bagi beberapa kursus ketika seperti perubatan, pengambilan pelajar antarabangsa tidak dibenarkan sekali. Beberapa tindakan telah diambil oleh kementerian untuk meningkatkan persepsi dan penilaian pihak luar terhadap IPT kita agar dapat memperbaiki kedudukan IPT tempatan seperti:

- (i) penurunan lebih kuasa kepada universiti;
- (ii) menggalakkan penyelidik menjalinkan jaringan dengan rakan luar negara;
- (iii) menganjurkan lebih banyak persidangan antarabangsa;
- (iv) menggalakkan ahli akademik, penyelidik memperoleh geran antarabangsa;
- (v) memberi peruntukan yang lebih besar kepada empat buah universiti penyelidikan yang telah diumumkan baru-baru ini;
- (vi) mewujudkan *Global Research Clusters*, dengan izin, menggabungkan *Centre of Excellence*, COE dengan COE yang sama di universiti terkemuka di luar negara; dan
- (vii) menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta pada setiap universiti penyelidikan bagi pembangunan fizikal.

Kementerian Pengajian Tinggi yakin, kemerosotan kedudukan IPTA tempatan dalam senarai 200 universiti terbaik dunia tidak akan memberi kesan terhadap usaha kerajaan untuk menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa datang belajar ke Malaysia. Ini kerana IPT negara kita masih mengekalkan kualiti yang setanding dengan IPT antarabangsa.

Kementerian sememangnya mengakui bahawa masih banyak penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi sistem pengajian tinggi negara dan akan berusaha memastikan IPTA tempatan dapat memenuhi kriteria sebagaimana yang dijelaskan tadi bagi memastikan IPTA tempatan tersenarai dalam 200 universiti yang terbaik. Langkah yang paling utama yang telah kita lakukan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun melancarkan pelan strategik pengajian tinggi negara dengan tujuan mentransformasikan pengajian tinggi negara ke satu landasan yang kukuh dan berdaya saing di persada antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azian, selepas itu Dr. Raja Ram, kemudian Tuan Lee Chee Keong. Dato' Azian tidak ada pertanyaan tambahan, Dr. Raja Ram.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berapa masa kita perlu untuk mencapai tahap sasaran kita.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Kita mempunyai sasaran bahawa setiap kriteria mempunyai pemberat-pemberat yang boleh dilakukan segera dan pemberat-pemberat yang boleh dilakukan dalam masa yang tertentu. Seperti yang saya sebutkan tadi 60% kriteria adalah daripada *peer review* dan juga *citations per faculty* maknanya 60% ini kita tumpukan.

Ini berkaitan dengan reputasi akademik. Maknanya dengan langkah-langkah yang kita lakukan terhadap penyelidik-penyelidik kita yang kita benarkan untuk mendapatkan geran antarabangsa dan juga menyertai persidangan forum dan seminar di peringkat antarabangsa, sama ada di dalam negara atau di luar negara bermakna kita akan mempercepatkan kenaikan markah dalam dua bidang ini. Selain daripada empat lagi kriteria yang menyumbang sebanyak 20% dalam nisbah pengajar dan pelajar 5% pensyarah antarabangsa universiti kita, 5% pelajar antarabangsa dalam universiti kita, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Tuan Lee Chee Keong, sebab Dato' Azian tidak bertanya, saya akan panggil Datuk Haji Rizuan.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mendengar jawapan tadi yang diberi oleh Yang Berhormat, saya ucapkan tahniah kerana saya lihat banyak usaha telah dibuat oleh kementerian termasuk mengadakan pelan transformasi dan juga memberi lebih kuasa. Maksud kuasa di sini, kuasa politik ke kuasa akademik? Pada saya kuasa akademik.

Jadi soalan saya apakah pendirian kementerian dalam usaha kita memajukan IPTA kita, adakah kementerian berhasrat untuk mengurangkan pengaruh politik atau campur tangan orang

politik. Sebab saya rasa *peer review* atau *employability* atau tenaga pengajar dicampuri dengan pengaruh politik, maka kita tidak akan maju juga, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya universiti kita bebas daripada pengaruh politik kerana kita telah mengusahakan supaya pelantikan naib canselor telah pun dipilih melalui *Select Committee* ataupun *committee* yang telah pun dipilih. Mereka bukan sahaja menilai calon-calon yang dikemukakan, tetapi juga meneliti setiap aspek keberkesanan menjadi pemimpin universiti sama ada melalui sumbangan mereka di peringkat domestik dan antarabangsa serta...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Naib Canselor tidak dipilih secara langsung oleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Ya Tuan Yang di-Pertua. Mereka dipilih melalui satu pasukan *Select Committee*, dengan izin. Penurunan kuasa yang lebih banyak yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya ialah untuk meluluskan seperti meluluskan kakitangan mereka yang ingin menyertai aktiviti antarabangsa, persidangan, mesyuarat dan membenarkan pensyarah-pensyarah kita menjadi pakar rujuk kepada universiti terbuka.

Kita sebenarnya telah menyediakan *directory* kepakaran IPTA kita untuk menjadi rujukan kepada masyarakat luar negara dan dalam negara. Kita telah mengemaskinikan *website* universiti-universiti supaya dalam pemberat *peer review* ataupun penilaian pakar akan menambahkan markah. Ini merupakan antara langkah transformasi yang kita lakukan baru-baru ini terima kasih.

11. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan, cadangan awalan untuk menyusun semula pemberian dan pembahagian subsidi supaya hanya yang disasarkan dan sepatutnya sahaja menerimanya, terutama berkaitan dengan subsidi petrol dan gas.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab secara serentak semua soalan berkaitan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang sepatutnya dijawab pada hari ini 5 Disember. Soalan daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib sepatutnya dijawab pada 19 Disember kerana semuanya adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat saya akan jemput pertanyaan tambahan daripada Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, Tuan Maijol Mahap, dan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Seperti yang kita semua maklum bahawa jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan adalah sangat besar sehingga menyamai jumlah perbelanjaan pembangunan tahunan yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jumlah subsidi dan pengecualian cukai terhadap petrol, diesel dan LPG bagi tahun 2007 adalah dianggarkan RM15

bilion. Jumlah subsidi yang diberikan oleh Petronas terhadap penggunaan natural gas adalah lebih kurang RM15 bilion yang menjadinya RM30 bilion. Jumlah subsidi lain adalah sebanyak RM5 bilion yang menjadikan jumlahnya RM35 bilion. Bergantung kepada harga minyak sekiranya meningkat, dijangka ianya boleh mencecah RM40 bilion. Ini juga jumlah perbelanjaan pembangunan yang dibuat untuk tahun ini.

Tentang cara-cara untuk mengatasinya, sebenarnya kajian sedang dibuat dalam peringkat perancangan dan belum lagi dapat kita maklumkan ke Dewan yang mulia ini apakah sistem subsidi baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Namun begitu yang pastinya keutamaan akan diberikan kepada kumpulan sasar yang diutamakan. Usaha untuk mengelak penyalahgunaan sistem subsidi ini melalui penguatkuasaan yang lebih kukuh dan lebih mantap, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah. Saya sudah maklumkan tadi Dato' Dr. Norraesah, Maijol Mahap dan Dr. Puad.

■1130

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengetahui bahawa subsidi adalah sesuatu yang boleh menghasilkan ketidaksempurnaan pada perniagaan dan perdagangan. Namun ianya diberi untuk kumpulan sasaran untuk membasmi kemiskinan dan untuk mendekatkan jurang perbezaan dalam pendapatan.

Namun masih terdapat mereka yang tidak memahami tentang penggunaan, maka terdapatlah penyalahgunaan. Di dalam perancangan, apakah cara dan tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk mengelakkan pembaziran dalam penggunaan subsidi yang akan dikeluarkan sungguhpun kepada kumpulan sasaran? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Satu daripada aspek pelaksanaan yang sedang dikaji ialah untuk memastikan mereka yang layak menerima subsidi ini dikenal pasti secara khusus, secara spesifik iaitu dengan penggunaan kad-kad umpamanya. Untuk membolehkan mereka sahaja yang memegang kad itu sahaja yang berhak untuk membeli minyak ataupun diesel pada harga subsidi, ini antara perkara-perkara yang sedang diperhatikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya boleh tanya, saya hendak tanya. Tidakkah jumlah itu menggerunkan? Tuan Maijol.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut kerajaan berhasrat untuk menaikkan harga petrol dan gas. Kalau ia berlaku maka mungkin subsidi juga akan naik? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sistem subsidi yang kita semua maklum dan perbelanjaan yang terlibat dalam pelaksanaan sistem ini adalah cukup besar. Ianya adalah sesuatu yang tidak *sustainable*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat sebut? Saya tidak dengar tadi.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak *sustainable*, dengan izin, maknanya tidak dapat diteruskan. Sesuatu yang drastik perlu kita lakukan dan inilah yang menyebabkan pengkajian secara menyeluruh kerana jumlahnya yang begitu besar dan barangkali ianya merupakan satu isu yang dirasakan oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna rakyat perlu tahu walaupun mahu subsidi, ada peringkat subsidi sudah tidak boleh lagi *sustainable*.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya. Jumlah subsidi sekarang antara RM36 bilion hingga RM40 bilion ini adalah tidak *sustainable*. Bukannya hendak kata subsidi tidak *sustainable*, subsidi dengan jumlah yang kecil, dengan cara yang sesuai, yang berpatutan, yang khusus kepada kumpulan sasar, itu boleh dipertimbangkan. Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan subsidi semuanya, tetapi subsidi pada tahap RM35 bilion hingga RM40 bilion ini tidak *sustainable*, tidak boleh diteruskan kerana perbelanjaan pembangunan juga adalah merupakan jumlah yang sama.

Bayangkan sekiranya andaian bahawa subsidi ini tidak ada, perbelanjaan pembangunan negara boleh menjadi RM80 bilion bukannya RM40 bilion, dua kali ganda. Bermakna setiap kampung kalau dapat 10 batang jalan, dia boleh 20 batang jalan ataupun yang mendapat lima buah sekolah baru dalam satu daerah boleh jadi 10 buah sekolah.

Jadi ini lah sesuatu dan kita perlu ingat. Apa yang penting saya rasa kita hendak sebut di sini perlu ingat bahawa subsidi ini boleh dianggap dapat dipertahankan pada hari ini kerana kita merupakan negara yang secara bersihnya *on the nett basis* dengan izin, adalah pengeksport minyak. Bayangkan satu masa sekiranya kita tidak dapat lagi mencari sumber minyak baru dan kita akan menjadi negara pengimport minyak *on the nett basis*.

Bukan sahaja subsidi tidak dapat kita tanggung, tetapi pembayaran kepada pengimportan minyak ini juga sesuatu yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Jadi kesemua ini menjadikan ianya tidak *sustainable*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai rakyat Malaysia, kita memang menyokong penstrukturan semula sistem subsidi ini. Dalam isu subsidi petrol ini, apakah kerajaan akan memberi pertimbangan iaitu menggunakan pendekatan *indirect pricing system*, dengan izin iaitu menaikkan cukai jalan dan cukai jualan terhadap kereta-kereta mewah. Kedua, melalui pembayaran *income tax* iaitu orang yang kaya membayar subsidi petrol yang mereka terima itu melalui *income tax*? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, dalam apa-apa sistem ekonomi yang kita laksanakan khususnya sistem percukaian. Saya rasa ianya tidak efisien sekiranya kita tidak berhadapan secara langsung dengan masalah dan kita menyelesaikan masalah di sini dengan mencari penyelesaiannya di tempat lain.

Umpamanya subsidi adalah ke atas minyak, tapi kita hendak naikkan cukai pendapatan ataupun hendak naikkan cukai kenderaan dan sebagainya ianya tidak efisien. Kita kena berhadapan

dengan masalah tersebut dan mencari jalan yang lebih *direct*, yang lebih khusus. Umpamanya kita tahu bahawa tentang subsidi petrol ini yang paling mendapat untung besar ataupun faedahnya ialah mereka yang membawa kereta yang besar-besar, yang memakan penggunaan minyak yang tinggi. Manakala mereka yang menggunakan motosikal ataupun kereta yang Ccnya kecil tidak begitu banyak.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apakah seharusnya menjadi dasar kerajaan untuk memberi subsidi kepada yang mampu dengan jumlah yang lebih besar daripada subsidi kepada mereka yang tidak mampu? Kita nampak ini sesuatu yang tidak merupakan dasar yang sesuai yang perlu kita kaji. Soal kita hendak merangkumkan cukai sana, cukai sini yang lain itu saya rasa ini adalah soal yang *secondary*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Rawisandran.

12. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) Berapakah jumlah SRJK(T) yang telah diubah suai dan dibina semula selepas Pilihan Raya Umum tahun 2004, dan berapakah peruntukan yang telah sediakan oleh Kementerian untuk membina semula SRJK(T) bagi tahun 2007 dan berapa buah sekolah Tamil terlibat; dan
- (b) Apakah sebab-sebab utama jumlah SRJK(T) menurun secara mendadak, dari 800 buah sekolah sebelum merdeka kepada 543 buah pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) Dalam tempoh 2004 hingga November 2007 Kementerian Pelajaran Malaysia telah meluluskan sebanyak 440 projek ubahsuai dan naik taraf bagi SJK(T) bantuan kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM16.86 juta. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan sebanyak RM39.88 juta bagi pembinaan bangunan baru dan bangunan gantian kepada 27 buah SJK(T) kerajaan serta RM36 juta bagi projek ubahsuai naik taraf kepada 42 buah SJK(T) kerajaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi:

- (b) Antara faktor SJK(T) ditutup atau tidak beroperasi adalah kerana banyak SJK(T) yang berada di kawasan ladang telah ditutup akibat proses pembangunan dan perbandaran. Selain daripada itu, perpindahan penduduk ladang ke kawasan bandar juga merupakan salah satu sebab keadaan ini berlaku.

Terima kasih.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan terima kasih kepada kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional yang terlalu prihatin terhadap kemajuan dan perkembangan sekolah Tamil di negara ini. Lebih-lebih lagi kerajaan sentiasa ambil kira cadangan dan pandangan Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu (Presiden MIC) yang sentiasa membangkitkan isu-isu sekolah Tamil di negara ini.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian dalam perancangan untuk memindahkan sekolah Tamil yang kurang murid ini ke kawasan perumahan baru seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih. Memang saya mengakui bahawa selama ini pihak MIC telah memberikan banyak panduan dan juga cadangan untuk memajukan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Berhubungan dengan sekolah-sekolah SJK(T) dengan bilangan murid yang menurun, maka terpulang kepada lembaga pengurus sekolah.

■1140

Jikalau mereka berhasrat rela untuk pindah sekolah itu ke satu kawasan, di mana bilangan penduduk begitu ramai, maka Kementerian Pelajaran akan memberi pertimbangan sewajarnya supaya dapat sekolah itu dipindah ke satu kawasan permintaan adalah begitu besar. Ini memang telah kita lakukan memang banyak contoh saya boleh sebut, saya rasalah itulah satu cara untuk kita membantu mengikut hasrat masyarakat. Terima kasih.

13. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan supaya anggota perkhidmatan awam mempunyai pemikiran kelas pertama dan dapat mengubah cara berfikir biasa untuk menjadi lebih kreatif serta inovatif ke arah membolehkan negara menjadi antara pemain utama dalam menyediakan perkhidmatan pada peringkat global.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mutu perkhidmatan awam kian meningkat sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperbaiki sistem penyampai perkhidmatan awam selama ini. Pelbagai langkah telah diambil sejak 2003 termasuk pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dan Pejabat Tanah. Langkah-langkah penambahbaikan akan terus diambil termasuk membangunkan modal insan kelas pertama di dalam perkhidmatan awam.

Bagi membangunkan barisan anggota perkhidmatan awam yang berfikiran kelas pertama, budaya prestasi tinggi atau *high performance culture*, dengan izin, harus terus diperkukuhkan di kalangan anggota perkhidmatan awam. Setakat ini kerajaan telah berjaya mentransformasikan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC untuk mengamalkan budaya prestasi tinggi. Hasrat ini telah dicapai antara lain melalui penggunaan Sistem Indeks Prestasi Utama atau KPI.

Berikutan daripada kejayaan tersebut kerajaan berpendapat amalan terbaik tersebut juga seharusnya diguna pakai untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam. Pelbagai langkah permulaan pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk ketua setiausaha semua kementerian dan

ketua perkhidmatan akan ditawarkan skim kontrak selama tiga tahun serta prestasi mereka akan diberi ganjaran berasaskan Sistem Indeks Prestasi Utama. Skim ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 yang akan datang ini. Melalui langkah ini kerajaan yakin bahawa rakyat akan dapat menikmati perkhidmatan awam yang lebih efisien dan berkesan dalam tempoh terdekat ini.

Di samping itu bagi membangunkan perkhidmatan awam yang bertaraf global, anggota perkhidmatan awam harus terus responsif kepada keperluan dan tuntutan rakyat. Dalam era teknologi maklumat ini, ia memerlukan anggota perkhidmatan awam untuk berhijrah daripada cara berfikir yang biasa kepada cara berfikir yang lebih inovatif dan kreatif.

Memandangkan perkara tersebut, kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan ataupun PEMUDAH. PEMUDAH menumpu kepada:

- (i) aspek-aspek yang dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam; dan
- (ii) menambah baik daya saing negara.

Apa yang penting pasukan PEMUDAH terdiri daripada wakil sektor awam dan sektor swasta. Antara lain gabungan sektor awam dan swasta dalam platform ini membolehkan sektor awam didedahkan kepada idea-idea dan cara pemikiran yang berbeza.

Maka dengan itu budaya prestasi tinggi serta mesra pelanggan di kalangan perkhidmatan awam akan dapat dimantapkan lagi demi kepentingan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siw Chun selepas itu Dato' Haji Tajul Urus dan Tuan M. Munusamy.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan pegawai ataupun anggota perkhidmatan awam yang menyandang jawatan utama sektor awam ataupun JUSA yang telah diambil tindakan melalui konsep aduan rakyat melalui SMS, surat-surat dan panggilan-panggilan telefon yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai langkah khusus bagi meningkatkan mutu perkhidmatan anggota perkhidmatan awam, dalam memastikan pewujudan sebuah kerajaan dan jentera pentadbiran yang berintegriti dan berwibawa. Sekali gus membolehkan negara kita menjadi antara pemain utama dalam menyediakan perkhidmatan kelas pertama pada peringkat global. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua. Maklumat tindakan yang dikenakan kepada pegawai, saya tidak ada maklumat terperinci di sini. Namun saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa kerajaan lebih memikirkan bagaimana kita memperbaiki perkhidmatan pegawai kerajaan itu. Sebab itu kerajaan juga telah menubuhkan kita panggil Institut Integrasi Nasional, di mana hendak memastikan bahawa integriti pegawai-pegawai adalah lebih penting daripada kita mengambil tindakan.

Sudah tentu dengan peraturan dan undang-undang yang ada serta Perintah Am yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan, sudah tentu akan diambil tindakan melalui peraturan-peraturan yang ada ini.

Saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa yang lebih penting kepada kita ialah bagaimana kita hendak membangunkan perkhidmatan awam untuk menjadi perkhidmatan yang didukung oleh pegawai-pegawai yang mempunyai minda kelas pertama. Sebab itulah kerajaan lebih menumpukan kepada bagaimana hendak memperbaiki mereka melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh kerajaan. Di antaranya seperti yang saya sebutkan tadi.

Perkara-perkara lain juga untuk makluman Dewan ini, umpamanya selain daripada PEMUDAH dan kita dan berdasarkan kepada KPI, kaedah ISO 9000 juga kita pakai. Untuk mencapai kaedah ini, kita terpaksa melalui proses tertentu dari segi meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan dan kakitangan-kakitangan kerajaan. Umpamanya, *e-government*, perkhidmatan kaunter untuk pelanggan dan juga Jawatankuasa Pemantauan di tiap-tiap agensi kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan, memastikan supaya pelaksanaan projek dan sebagainya dapat sepertimana matlamat yang kita harapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, adakah pihak kerajaan pernah menjalankan satu bentuk kajian mengapakah wujud jurang perbezaan yang ketara dari segi keterampilan dan kualiti pegawai kerajaan di antara tahun 60-an, 70-an dengan pegawai sekarang? Sejauh manakah keberkesanan penghantaran pegawai-pegawai berpangkat JUSA ke luar negeri, terutamanya ke menara-menara gading terkemuka di dunia seperti Harvard untuk program latihan pengurusan, kerana ini menelan belanja yang besar. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua. Sebagai makluman Dewan ini, memang selain daripada kita menghantar pegawai-pegawai dan kakitangan kita ke luar negeri bukan sahaja ke satu destinasi ataupun pusat pengajian tinggi di luar negeri tetapi di pelbagai. Ini kerana apabila mereka balik dan mereka berinteraksi duduk dalam satu kumpulan mereka akan berbincang dan menimba pengalaman daripada universiti-universiti ataupun pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri, itu yang pertama.

Keduanya, sebenarnya kita sendiri telah pun menunjukkan bukti kepada dunia sebenarnya perkhidmatan awam kita adalah salah satu perkhidmatan yang terbaik. Sebab itu hampir 100 negeri tiap-tiap tahun di seluruh dunia menghantar pegawai-pegawai mereka ke INTAN di bawah program yang dianjurkan oleh kerajaan kita melalui INTAN dan EPU.

Ini sebagai makluman dan mereka telah memberitahu bahawa apa yang kita laksanakan di sini adalah yang terbaik. Oleh sebab itu, bukan sahaja di luar negara sebenarnya di dalam negara pun kita mempunyai institusi-institusi untuk memperbaiki meningkatkan pegawai kita.

Di samping itu, kerajaan juga telah menetapkan ini untuk kebaikan pegawai-pegawai dan kakitangan bahawa sekurang-kurangnya setiap tahun satu orang pegawai dari atas hingga ke bawah mestilah menghadiri latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam satu tahun. Ini ialah untuk

memperbaiki perkhidmatan, sikap dan sebagainya; serta mendedahkan kepada perkara-perkara baru dalam perkhidmatan kerajaan kepada mereka.

■1150

Jadi bukan sahaja kajian dibuat berdasarkan kepada pegawai-pegawai yang terdahulu, tetapi melalui MAMPU umpamanya, kita sentiasa membuat kajian-kajian terperinci untuk meningkatkan perkhidmatan awam di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M.Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan pemikiran kelas pertama dan juga mengamalkan *high performance culture* di kalangan kakitangan kerajaan, adakah kerajaan menjalankan program bagi menjelaskan serta mengamalkan sentimen dan sensitiviti masyarakat berbilang kaum khususnya dalam aspek keagamaan, budaya dan sebagainya. Terutama sekali kepada pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat akar umbi seperti di PBT dan juga pegawai daerah? Supaya mereka boleh bertindak dengan secara lebih *sensible* dan rasional dan budaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sudah jelas Yang Berhormat..

Tuan M. Munusamy: ..*Justified* dan *rational culture* boleh dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Boleh Yang Berhormat ulang lagi? Saya kurang fahamlah soalan itu.... [*Ketawa*].

Tuan M. Munusamy: Kerajaan telah mengamalkan banyak program bagi meningkatkan pemikiran kelas pertama, tetapi ada juga banyak kes-kes di mana di pihak penguat kuasa ada mereka yang tidak begitu sensitif berhubung dengan sensitiviti agama, budaya dan sebagainya.

Adakah kerajaan menjalankan program bagi menjelaskan dan juga memberi latihan kepada pihak penguat kuasa di akar umbi seperti PBT dan juga di pejabat-pejabat daerah supaya mereka mempertingkatkan sikap, *justified* dan *rational* perkhidmatan di kalangan masyarakat umum? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita maklum bahawa pihak penguat kuasa secara umumnya tidak pernah melakukan atau mengambil tindakan sewenang-wenangnya, tetapi mereka mengambil tindakan mengikut peraturan dan lunas undang-undang yang ada.

Bahkan kadang-kadang mereka sendiri yang menjadi mangsa daripada orang lain. Oleh sebab mereka tidak melaksanakan secara ataupun mengambil tindakan seperti yang diarahkan tetapi mereka lebih berlembut, suka berlembut-lembut dan sebagainya. Kalau mereka melakukan ataupun mengambil tindakan yang lebih tegas, sudah tentulah perkara-perkara yang buruk lebih banyak akan berlaku tetapi merekalah kadang-kadang yang menjadi mangsa.

Memang penguat kuasa di dalam negara kita mengambil tindakan mengikut undang-undang. Jarang kita dengar bahawa mereka luar daripada undang-undang. Kalau luar daripada undang-undang, ada undang-undang pula yang boleh dikenakan kepada mereka Tuan Yang di-Pertua.

14. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, laporan Jawatankuasa Audit dari JKR yang dipertanggungjawabkan untuk menyiasat bangunan-bangunan awam yang rosak. Terutama sekali tentang punca atau faktor-faktor yang menyebabkan keadaan yang malang dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang akan diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan penyelenggaraan bangunan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada kes keruntuhan siling dan kebocoran yang berlaku di Bangunan Parlimen, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jabatan Imigresen serta Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi di Putra Jaya, Jabatan Kerja Raya telah diminta untuk melakukan penyiasatan.

Hasil dari penyiasatan tersebut, didapati bahawa kebocoran di Bangunan Parlimen adalah berpunca dari kerja-kerja penyenggaraan yang tidak sempurna dan usia bangunan yang lama. Kebocoran telah berlaku disebabkan oleh salur tegak air hujan tersumbat semasa kerja-kerja ubahsuai dilaksanakan. Keruntuhan siling di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pula disebabkan oleh kotak *control gear* lampu *downlight* yang digantung tidak sempurna manakala kebocoran paip di bilik servis berhampiran kafeteria bangunan Mahkamah tersebut adalah disebabkan penggunaan *end-cap* jenis UPVC yang dipasang di *T-joint* paip jenis ABS, kelas 15 yang tidak dapat menahan tekanan tinggi.

Sementara itu kejadian kebocoran serta kejatuhan beberapa kepingan siling di Jabatan Imigresen Putrajaya telah dikenal pasti berpunca dari ketiadaan lukisan reka bentuk yang lengkap, akibat dari pemasangan sistem paip air yang tidak sempurna dari segi penyambungan dan pergantungan paip tersebut telah menyebabkan paip itu patah. Kegagalan pihak perunding yang dilantik oleh kontraktor mengesan kekurangan penyambungan serta pemasangan paip di ruang siling merupakan punca kelemahan kerja pengawasan oleh pihak perunding.

Manakala keruntuhan siling di Dewan Serbaguna Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah disebabkan kualiti pembinaannya yang tidak memenuhi spesifikasi sepenuhnya. Akibatnya paip pencegah kebakaran telah jatuh bersama dan menyebabkan kebocoran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mempertingkatkan kualiti penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan di seluruh negara, pihak Kementerian Kerja Raya telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menyusun semula struktur organisasi Jabatan Kerja Raya dengan menubuhkan sektor kejuruteraan senggara yang akan bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksana dan memantau kerja-kerja

penyenggaraan bangunan, jalan dan kemudahan awam. Di samping itu, sektor ini juga akan membuat kajian dan penyelidikan dalam bidang teknologi senggaraan yang terkini;

- (ii) melatih dan menyediakan modal insan yang mahir dalam urusan senggaraan bangunan jalan dan kemudahan awam yang dimiliki oleh kerajaan;
- (iii) mewujudkan Jawatankuasa Penyelaras Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan yang terdiri daripada semua ketua jabatan yang menghuni bangunan gunasama persekutuan berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2002 - Peranan Jawatankuasa Penyelaras Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan;
- (iv) menambah kekerapan lawatan pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan;
- (v) memantau pelaksanaan pengurusan dan penyenggaraan bangunan gunasama persekutuan berdasarkan dengan izin, *technical required performance indicator* dan dengan *Key Performance Indicator*, dan
- (vi) menjalankan soal selidik kepuasan pelanggan ke atas penghuni dan menswastakan kerja-kerja senggaraan bangunan dan jalan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas ini Datuk Azizah, sabar beri peluang Hiang A. Li. Selepas Hiang A Li, Datuk Azizah. Beri peluang Hiang A Li dahulu.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih. Siapa dahulu? Oh, *sorry* minta maaf.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih. Ya, saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya kerana mengambil langkah-langkah yang begitu nampaknya sempurna. Daripada kajian atau laporan itu, memang kebanyakan kerosakan atau kerumitan itu adalah berpunca daripada kecuai, daripada pembinaan, penyenggaraan dan juga reka bentuk. Jadi soalan saya apakah syor-syor untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas sesiapa yang bertanggung jawab atas kecuai ini kerana ini untuk mengelakkan berulang lagi berlaku kerosakan serupa ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tindakan-tindakan kepada pihak yang cuai?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk makluman Yang Berhormat, kalau pihak kerajaan untuk mengambil tindakan spesifik kepada individu yang bertanggungjawab, ianya agak sukar sedikitlah. Ini kerana dalam kerja-kerja bangunan, dia melibatkan banyak pihak dan banyak orang yang terbabit.

Jikalau satu-satu bangunan itu daripada segi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua atas prinsip *of accountability, not prinsip of responsibility*. Akauntabiliti maknanya yang mereka bentuk itu adalah juru perunding, maka juru perunding yang bertanggung mereka bentuk boleh dikenakan tindakan dan siasatan yang dibuat oleh Lembaga Siasat yang ditubuhkan oleh katakan kalau Lembaga Pertubuhan Arkitek ataupun Lembaga Jurutera, atas Badan yang terlibat.

Mana-mana perkara yang berhubung kait tentang kerosakan yang berlaku di dalam tempoh waktu yang tertentu terutamanya bangunan-bangunan baru yang telah pun diserahkan tetapi dalam tempoh kecacatan, dengan izin, dalam *defect liability period*.

■ 1200

Dalam *defect liability period* ini pihak yang membuatnya kalau kontraktor yang bertanggungjawab dia adalah bertanggungjawab untuk menyempurnakan dan membaik pulih segala kerosakan dalam tempoh kecacatan tetapi yang selepas itu yang ini yang disebut tadi bahawa satu pendekatan hala cara baru bagaimana penyelenggaraan bangunan guna sama persekutuan kerana guna sama persekutuan semua jabatan dan kementerian guna. Jadi pada hakikatnya tak ada orang hendak bertanggungjawab kepada bangunan itu dan ini yang disebut supaya kita mewujudkan satu pendekatan hala cara baru yang boleh saya rangkumkan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *total outsource facilities management* terhadap bangunan tersebut. Sekian.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi seronok dengan tindakan-tindakan yang telah diambil. Cuma saya hendak tahu di sini adakah penguatkuasaan semasa pembinaan dijalankan dengan berterusan dan sempurna agar kos-kos pembaikan dan kerosakan dapat dikurangkan atau *zero defect*. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk maklumat Yang Berhormat mana-mana bangunan yang sedang dibina tanggungjawab untuk menentukan setiap bangunan itu dibuat dan dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan ia adalah atas tanggungjawab yang kita panggil pegawai penguasa projek atau *superintending officer* dan selalunya pegawai penguasa ini terdiri daripada orang-orang yang profesional dan mereka mempunyai tanggungjawab profesional untuk menentukan bahawa setiap bangunan ataupun kemudahan awam dan infrastruktur yang dibangunkan mengikut spesifikasi yang telah pun ditetapkan dan kalau setiap pelaksanaan kerja dijalankan tidak dapat memenuhi kepuasan pihak penguasa projek maka pada hakikatnya itu adalah tanggungjawab orang yang menyelia projek tersebut. Jadi pihak kerajaan kita akan ambil tindakan kalau ada berlaku apa-apa perkara yang di luar dugaan seperti berlaku keruntuhan bangunan ataupun kemalangan maka jawatankuasa penyiasat akan diwujudkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[4 Disember 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

12.03 tgh.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang lagi untuk saya meneruskan ucapan perbahasan anggaran mengurus tambahan pertama 2007.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak sambung pertanyaan semalam.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Datuk.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, satu soalan sahaja saya hendak tanya. Tadi kita sudah dengar Timbalan Menteri Penerangan kata orang yang derhaka perlu diambil tindakan. Syabas saya ucapkan. Apa pula tindakan yang perlu kita ambil kepada orang-orang yang menjadi penghasut ini. Apakah tindakan yang perlu kita ambil? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini ada kaitan dengan apa Yang Berhormat cakap semalam?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Sebagaimana yang telah pun kita lihat pagi tadi Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi begitu emosi sekali di dalam respons kepada soalan tambahan saya menyentuh soal petualang, penghasut ataupun pengkhianat. Di sini dosanya ataupun kesalahannya adalah begitu serius. Penghasut ini adalah racun ataupun kanser yang begitu bahaya kepada negara. Lantaran itu baik penghasutnya, baik petualangnya harus sama-sama dipertanggungjawabkan kepada masalah kehancuran imej negara sama ada di dalam negara mahupun di persada antarabangsa yang terlalu mahal nilainya untuk kita perbaiki, untuk kita belanja untuk kita memulihkan semula *damage* yang telah pun dilaksanakan oleh kumpulan-kumpulan tersebut.

Untuk itu penghasut ini harus diambil tindakan. Kalau tidak boleh dibicarakan harus diajar pemikirannya dalam bentuk ISA sebagai balasan dan saya percaya ISA ini sebenarnya telah pun ditiru oleh negara-negara maju sebagaimana yang pernah dilaksanakan telah dikecam di negara kita di atas penguatkuasaan ISA tetapi hakikatnya hari ini mereka menggunakan undang-undang ISA

untuk mengawal ketenteraman awam di negara mereka termasuk di negara USA sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menyambung perbahasan saya, saya suka mengulangi kenyataan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua pada pagi tadi yang mana mengulangi kata-kata Malaysia mengamalkan dasar *the rules of law* secara mutlak dan juga Malaysia begitu komited dari segi perpaduan kaum yang mana kita juga melaksanakan secara mutlak. Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua saya memberi fokus isu ini kerana isu ini begitu serius, penting, begitu menyentuh hati kecil perasaan seluruh rakyat Malaysia pada hari ini dan juga saya sentuh isu integriti kaum, isu perpaduan kaum, isu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang menjaga ketenteraman awam yang mana semalam juga respons dari rakan saya begitu banyak dan saya akan terus memberi fokus kepada isu yang sama sedikit masa sebelum saya menyentuh beberapa kementerian yang lain.

Kalau dilihat apa yang telah berlaku itu mereka telah untuk cuba bermain dengan api. Bukan bermain lagi Tuan Yang di-Pertua tapi sudah terlibat dengan pembakaran membaranya hati dan perasaan rakyat kita dan kalau dilihat pagi tadi pun Yang Berhormat Timbalan Menteri cara beliau respons kepada soalan tambahan saya begitu beremosi. Itu sebagai seorang pemimpin yang begitu bermoral, yang begitu berdisiplin masih mengawal perasaannya apatah lagi kalau rakyat di pedalaman, di pedesaan di luar bandar kalau tidak dikawal mereka juga akan bertindak balas untuk memastikan tuduhan dan tohmahan yang dilontarkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab yang termasuk juga isu *ethnic cleansing* ataupun pembasmian kaum yang dikatakan berlaku di negara kita.

Kenapa hari ini dibangkitkan setelah kita 50 tahun merdeka. Kenapa perkara ini tidak pernah dibangkitkan sejak kita mengisi pengisian selepas kemerdekaan. Untuk mengisi erti kemerdekaan bukannya mudah kerana melibatkan berbagai-bagai suku kaum di negara kita yang mana meliputi India, Melayu, Cina, Iban, Kadazan, Siam dan berbagai-bagai suku kaum yang kecil lagi dan harus diingat negara kita dicemburui, wujud perasaan dengki, formula apa yang kita gunakan dengan berbagai-bagai suku budaya, agama, telah berjaya hidup dengan aman dan bahagia selama 50 tahun dan inilah yang saya katakan tadi negara-negara lain cuba memperalatkan mungkin secara dalamannya, secara *very shuttle* dengan izin apatah lagi di negara barat sendiri Tuan Yang di-Pertua kita lihat sama agama, sama suku bangsanya, sama kulitnya tetapi berlaku pergaduhan.

Begitu juga di negara-negara Afrika sama warna kulitnya, sama bahasanya tapi bercakaran sesama sendiri. Inilah kadang-kadang percaturan kuasa-kuasa luar yang sengaja mengadu-domba masyarakat-masyarakat di negara-negara yang difikirkan boleh dieksploitasi dari segi kuasanya, dari segi ekonominya dan tidak juga dapat dinafikan telah berlaku dari segi sejarah di Iraq bagaimana sesama agama, sesama suku bermusuh sesama sendiri, berperang sesama sendiri. Ianya ditaja dan diracuni pemikiran mereka oleh kuasa-kuasa hantu yang tidak berperikemanusiaan.

■ 1210

Tuan Yang di-Pertua, demonstrasi jalanan bukanlah cara budaya masyarakat kita di rantau ini kerana tidak ada demonstrasi jalanan yang akan membawa keamanan. Apatah lagi memeralatkan, cuba melibatkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Peruan Agong. Kemudian mereka juga melibatkan kuasa-kuasa penjajah yang terdahulu daripada ini, seolah-olah kiblat mereka, hilang keyakinan mereka semata-mata untuk mewujudkan rasa bencinya kepada kerajaan kita yang di bawah pimpinan Barisan Nasional, 14 buah parti.

Fikirkanlah Tuan Yang di-Pertua bagaimana untuk kita mewujudkan satu persefahaman suku kaum di negara kita dengan konsep Barisan Nasional. Formula untuk mewujudkan satu persefahaman suku kaum di negara kita yang begitu istimewa, yang dikagumi oleh dunia. Banyak negara-negara luar datang semata-mata untuk mengkaji, apa ilmu ajaib yang kita pakai dengan berbilang bangsa, berbilang kaum, agama, budaya, boleh duduk semeja, boleh duduk dalam Dewan ini. Umpamanya Yang Berhormat Senator, mendiang bapanya Tan Sri Dato' S. Maniam, pejuang kaum India yang begitu setia kepada negara.

Mendiang bapanya dikagumi bukan sahaja oleh orang India sahaja, tetapi oleh orang Melayu, orang Cina. Mendiang membela untuk bangsa persekitaran tanpa mengira kaum, kesetiannya kepada negara. Begitu juga kepimpinan MIC hari ini merupakan platform perjuangan bagi kaum India. Saya ulangi lagi, Dato' Seri S. Samy Vellu bukan sahaja memperjuangkan kaum India tetapi sebagai cinta, setianya kepada negara, beliau juga memperjuangkan hak-hak orang Melayu, orang Cina. Inilah satu keistimewaannya yang ada di negara kita, yang tidak boleh berlaku di mana-mana negara dunia andai kata ada berbagai-bagai kaum, suku dan budaya boleh duduk semeja.

Tidak ada negara-negara lain umpamanya, kita memberi peluang kepada Dato' Seri S. Samy Vellu, peluang beliau menduduki Parlimen, di Dewan Rakyat walaupun di kawasan itu majoritinya orang Melayu. Atas semangat setia kawan, semangat perkauman, muhibah, yang begitu ikhlas, lahir daripada orang-orang bumiputera, Melayu memberi peluang beliau bertanding. Begitu juga presiden daripada parti-parti komponen lain, bertanding di kawasan-kawasan Melayu, yang kita mahu pastikan mereka duduk semeja di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan-dewan Undangan Negeri.

Keikhlasan ini telah pun ditunjukkan oleh masyarakat bumiputera tempatan tetapi kita tidak yakin, yang hanya satu bangsa boleh membina sebuah negara. Justeru itu konsep Barisan Nasional yang memperjuangkan untuk keseluruhan rakyat Malaysia. Kalau saya sebut hari ini beberapa tokoh-tokoh ternama umpamanya yang telah menjadi jutawan, Ananda Krishnan, siapa dia? Adakah kita cuba mencantas segala usaha daya beliau untuk membangunkan rakyat atau membangunkan masyarakat Malaysia, tidak pernah. Jadi tohmahan-tohmahan *ethnic cleansing* yang disebut ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita maafkan Tuan Yang di-Pertua.

Kalau saya sebut lagi Tan Sri Rahmanaya, umpamanya Tan Sri Navaratnam bekas KSU Kementerian Pengangkutan. Saya pernah bertugas dengan beliau, di bawah beliau. Kami mesra secara jujur untuk menegakkan keamanan, kebahagiaan, pembangunan negara. Tidak ada unsur-unsur untuk membunuh. Kalau kita lihat apakah sebenarnya “pemusnahan etnik”, sebagaimana yang ditohmah, didakwa oleh kumpulan ini, kalau di Bosnia, dibunuh anak-anak kecil, isteri, perempuan-perempuan wanitanya dirogol, lahirlah manusia-manusia yang tidak menentu suku kaumnya. Apakah berlaku di negara kita?

Saya hendak mempersoalkan kepada kepimpinan kumpulan-kumpulan ini yang cuba menegak perkara yang bidaah, perkara yang tidak boleh sama sekali dipercayai. Umpamanya berlaku kah di estet-estet pembunuhan kaum? Adakah orang Melayu atau orang Cina membunuh orang-orang India di sini? Adakah orang Melayu *attack* gadis-gadis India, merogol, adakah? Jadi apa yang berlaku di negara kita, kita lihat Kampung Medan. Betul berlakunya kawasan-kawasan setinggian hidupnya tidak mewah, kesengsaraan tetapi atas kebijaksanaan kepimpinan Barisan Nasional khususnya di bawah kepimpinan Menteri Besarnya, Dato’ Sri Khir Toyo membina, mengubah cara hidup di kawasan Kampung Medan kepada satu situasi yang begitu harmoni dengan flatnya yang tersusun, dengan kehidupan pendidikan anak-anak India, majoriti di kawasan itu telah pun terbela. Jadi di manakah letaknya penghapusan etnik India di negara kita? Begitu juga dengan kalau kita lihat soal apa yang berlaku di negara kita umpamanya dari segi jawatan-jawatan yang saya sebutkan tadi.

Kita tidak pernah mempersoalkan dalam bidang kepolisan, PDRM umpamanya. Hari ini hampir 100,000 orang. Mereka dipertanggungjawabkan dengan beban tugas yang begitu berat untuk menjaga keamanan 27 juta rakyat Malaysia termasuk tiga juta rakyat asing, termasuk 21 juta pelancong. Ini tanggungjawab PDRM Tuan Yang di-Pertua. Di dalam PDRM kalau hendak dikirakan hampir 99% orang. Jadi persoalannya, kita tidak pernah mempersoalkan umpamanya 8% kumpulan kaum India majoriti negara kita, 8% daripada semua sekali.

Kalau hendak dikirakan 8% patut ada dalam PDRM. Umpamanya kalau boleh Yang Berhormat Senator Munusamy tolonglah cari 10,000 daripada kaum India duduk dalam PDRM, sama-sama kita bertanggungjawab supaya negara kita dapat selesa bukan sahaja untuk jaga berbagai-bagai kaum, tetapi kita sama-sama pikul tanggungjawab. Jadi ini yang saya hendak...

Tuan M. Munusamy: Boleh saya mohon laluan sedikit?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat kerana keprihatinan bahawa 8% masyarakat India perlu diberi peluang dalam sektor awam juga terutama polis dan tentera. Namun satu anggapan yang mungkin salahlah di antara kaum bukan bumiputera adalah apabila kita mohon bagi jawatan-jawatan kerajaan khususnya di jawatan-jawatan tertinggi ataupun penguatkuasaan seperti PDRM, tentera dan sebagainya, ramai yang tidak dipanggil *interview* pun walaupun mereka layak. Itu

satu anggapan di kalangan masyarakat bukan sahaja kaum India tetapi juga kaum Cina yang saya dapat, apabila saya berunding dengan rakan-rakan saya di dalam masyarakat Cina mereka juga kata kita tidak dapat, *what for we apply? We are not going to get*, dengan izin.

Kerajaan harus mengambil tindakan untuk mengubah sikap ini dan juga memberi lebih peluang. Panggillah ramai-ramai untuk *interview*. Kita telah ada bukti ada banyak kes-kes yang mereka layak, ada semua kriteria tetapi juga tidak dipanggil *interview* tetapi juga tidak diberi jawatan dalam kerajaan. Oleh itu Yang Berhormat, setuju kah sekiranya pihak kerajaan mengambil inisiatif yang lebih untuk mengubah sikap dan juga memberi kelonggaran dan juga memberi lebih peluang kepada masyarakat India. Bukan mereka tidak memohon, mereka ingin memohon tetapi sikap itu perlulah diperbaiki dengan pengambilan lebih daripada masyarakat bukan bumiputera. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Munusamy di atas rasa kesangsiannya dari segi dasar kerajaan untuk mengambil tenaga bukan bumiputera dalam sektor awam. Saya mungkin boleh nyatakan sedikit sebelum pihak kementerian menjawabnya, pernah di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali dibangkitkan oleh pihak sahabat kita juga dalam Barisan Nasional untuk cuba mencari umpamanya, dalam PDRM, dengan bantuan kepimpinan MCA untuk menambah pasukan PDRM, *recruitment* nya daripada kaum-kaum lain.

■ 1220

Usaha-usaha telah pun dibuat oleh PDRM dan Yang Berhormat tadi mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang kurang berasas. Kalau boleh, saya minta Yang Berhormat ajukan dalam bentuk fakta kepada pihak kerajaan agar *statement* yang agak longgar itu dapat diperbetulkan dan dari segi pengambilan tenaga perkhidmatan awam, kita fokuskan bukan sahaja jawatan-jawatan dalam kementerian-kementerian tetapi juga dari segi Kementerian Pertahanannya, berapa ramai yang minta dan begitu juga dari segi PDRM saya ulangi.

Kalau ikut sistem pengambilan Tuan Yang di-Pertua, daripada umpamanya jawatan 'A', diiklankan 10 jawatan, kemudian permohonan daripada kaum Melayu 1,000 - 10 jawatan kosong, 1,000 permohonan. Kemudian jawatan, India yang dipohon 100 orang, kemudian kaum Cina *of course* mereka tidak begitu berminat dalam sektor awam kerana mungkin budayanya, kurang sekali permohonannya. Dari segi 10, daripada 1,000 yang diminta, mungkin yang dipilihnya lima orang. Dari *percentagenya* yang berjaya, jika dibandingkan dua orang, diberi kepada India, lima orang kepada Melayu dan tiga orang kepada bukan bumiputera, *percentage* yang diambil lebih tinggi bagi pengisian sesuatu jawatan.

Kita, dari segi pengambilan, kita tidak boleh melihat angka-angka di depan tapi harus lihat sistem ataupun prosedur. Kalau jawatan 10, yang mintanya 1,000, kalau jawatan 10, yang mintanya 100 tapi kita beri tempat kepada dia dua jawatan tetapi *percentage* nya tinggi dan kita harus lihat, mungkin ini akan dijawab oleh pihak yang lebih mahir, sama ada jawapan ini akan dijawab oleh

Timbalan Menteri Kewangan dan apa hujah-hujah yang akan disampaikan oleh pihak SPA ataupun pihak PDRM.

Tuan M. Munusamy: Mohon laluan. Saya minta mohon untuk memberi penjelasan sedikit. Dalam *statement* saya, saya telah mengatakan mungkin anggapan ini adalah salah. Ini adalah apa, yang kita dapat di kalangan masyarakat. Memang statistik-statistik yang kita terima, kita memang faham bahawa ada juga, tidak ramai yang mohon statistik-statistik itu berkata tapi di kalangan masyarakat, ini adalah satu anggapan. Itulah sebab saya kata mungkin itu anggapan salah. Memang pihak MIC dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat telah memberi penjelasan terhadap perkara-perkara ini dan juga telah menggalakkan ramai daripada masyarakat untuk memohon bagi jawatan-jawatan dalam kerajaan, termasuk juga di pihak PBT dan lain-lain. Bukan sahaja di pasukan polis dan tentera tetapi juga di lain-lain kategori jawatan perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator Munusamy. Lantaran itu kita tidak boleh cuba berhujah berdasarkan dengan aduan-aduan, kata-kata daripada tanpa fakta kerana ia boleh menimbulkan meracuni pemikiran rakyat. Jadi, kita sebagai pemimpin di mana peringkat sekali pun, harus berhujah berdasarkan fakta dan saya percaya pihak PDRM akan mengeluarkan fakta-fakta tentang permasalahan dan begitu juga SPA akan cuba menjawab dari segi fakta-fakta untuk mengelakkan daripada kita mendengar cakap-cakap di pasar untuk kita jadikan alasan. Sebab itu saya sebutkan tadi, kumpulan yang telah pun kita bahaskan ini menimbulkan satu perasaan yang sungguh tidak menyenangkan di peringkat bawah, akar umbi masyarakat kita dan kerana itu, untuk kita cuba membersihkan tohmahan tersebut begitu berat. Imej dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita memperbetulkan fakta yang dikeluarkan oleh kumpulan Hindraf ini memang bukannya mudah.

Dato' Gooi Hoe Hin: Mohon laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: ...Kita membina keamanan 50 tahun. Negara kita dijajah hampir 500 tahun.... Ya, sila.

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat, boleh saya pohon laluan? Terima kasih Yang Berhormat kerana mengizinkan saya. Menyentuh tentang perkhidmatan awam, pandangan saya ialah kita harus mengamalkan satu sikap bahawa tak kira perkhidmatan awam anggota itu kaum India ke kaum Cina atau Melayu. Yang asas dan yang utama dan yang penting sekali, mereka adalah anggota perkhidmatan awam dan tugas dan tanggungjawabnya adalah untuk berkhidmat kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Sikap itu saya ingat, pandangan saya bersama-sama Yang Berhormat Datuk Yaakob juga, kita sama-sama PTD, kita berkhidmat supaya tidak mengira kaum. Jadi, sistem kuota berapa itu bagi sayalah, bagi saya tidak begitu mustahak sebab kalau kita banding dengan kependudukan, jadi kalau masing-masing ingat nak kuota-kuota sana-sini, tidak akan jadi. Apa pandangan supaya anggota perkhidmatan awam ini bersikap supaya mereka adalah anggota perkhidmatan awam untuk semua rakyat Malaysia.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin yang sama-sama berjuang dalam perkhidmatan awam. Saya tertarik dengan *statement* beliau yang begitu ikhlas. Beliau tidak mempersoalkan tentang kuota tetapi beliau memohon agar perkhidmatan awam itu harus berkhidmat untuk rakyat. Itulah yang kita lihat konsep Barisan Nasional yang cuba diperjuangkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan telah pun melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan begitu baik dan cemerlang. Kalau nak dikatakan, pergilah di negara-negara luar antarabangsa sana, lihatlah sistem perkhidmatan mereka dengan sistem perkhidmatan awam di negara kita.

Pernah satu ketika, perkhidmatan awam negara kita terbaik di dunia. Terbaik di antara yang terbaik di dunia. Lantaran itu, pembangunan negara begitu rancak, begitu hebat. Pertumbuhan ekonomi negara begitu meningkat walaupun satu ketika ekonomi dunia menjunam, ranap tapi kita bertahan, kita naik semula. Rahsianya ialah perkhidmatan awam yang terbaik Tuan Yang di-Pertua. Sudah pasti, yang pasti mesti ada kelemahan-kelemahannya tetapi pembangunan negara, pertumbuhan ekonomi negara tidak seimbang dengan pertumbuhan perkhidmatan awam.

Walaupun kita kata satu juta begitu banyak, kita jangan bandingkan negara-negara maju. Mereka memperoleh kemajuan setelah 400-500 tahun merdeka. Kita baru 50 tahun merdeka. Keseimbangan dari segi tanggungjawab perkhidmatan awam, saya pernah berkhidmat dalam perkhidmatan awam, saya dapat rasai walaupun 20 tahun yang lalu berbeza dengan pertumbuhan ekonomi negara hari ini, kehendak-kehendak hari ini, masyarakat, pemikiran minda rakyat hari ini begitu pintar bijak. Umpamanya lahirlah kumpulan Hindraf, *lawyersnya*, *peguamnya*. Ini adalah hasil daripada sistem perkhidmatan awam yang terbaik yang diberikan oleh perkhidmatan awam.

Perkhidmatan awam di negara kita hidup segan mati tak mahu. Orang kata kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Saya pernah gaji sebulan, 15 hari bulan dah habis gaji. Itulah kedudukan hari ini hakikatnya tapi perkhidmatan awam, saya *salute*, *salute* bangga. Kesetiaan mereka tidak berbelah bagi kepada kerajaan hari ini kerana perkhidmatan awam melahirkan anak-anak yang mana pintar hari ini hasil daripada gaji, imbuhan yang dapat daripada kerajaan. Mereka tidak pernah mempersoalkan dari segi sektor swasta.

■ 1230

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, tolong bantu bagaimana pihak swasta boleh juga mengimbangi, mengambil tenaga pekerja-pekerja, penganggur-penganggur daripada bumiputera supaya lebih muhibah dalam sektor swasta. Syarikat-syarikat swasta gergasi, kalau kita lihat *percentage* di pihak tertinggi hakikatnya di pihak pengurusannya, pembuat dasarnya. Betullah syarikat swasta milik *company*, milik keluarga, tetapi kalau dari segi untung, dari segi obligasi sosialnya kepada negara yang mana mereka mendapat habuan, kemewahan, keuntungan di dalam

negara dan luar negara daripada perkhidmatan awam. Membentuk satu sistem yang begitu tersusun walaupun imbuhan yang mereka dapat dibandingkan dengan imbuhan pihak swasta.

So, bagi mengimbangi untuk wujudkan perpaduan yang ikhlas, Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy perjuangkanlah supaya syarikat swasta juga mengambil bumiputera letak di tempat-tempat yang masih berpeluang, begitu juga untuk kaum India, bukan sahaja untuk kaum Melayu.

Tuan M. Munusamy: Saya memang setuju, kita boleh bantu. Sebenarnya kita juga ingin lihat agar masyarakat berbilang kaum di semua sektor, bukan sahaja bukan sahaja di perkhidmatan awam dan juga di pihak swasta. Kita sedia membantu, tetapi apa yang kita mahu kita perlulah mempertingkatkan kriteria dan juga kebolehan dan standard kita dalam semua bidang. Terima kasih.

Dato' Hajah Sharifah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat, apakah perlu rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional turun ke bawah dan beri penerangan tentang jawatan-jawatan ini yang mereka buat andaian dan kalau pohon pun tak ramai yang dapat dan mungkin tak dipanggil juga untuk temu duga daripada memberi pandangan yang sama yang dibuat oleh orang-orang di bawah yang tidak ada fakta-fakta tersebut di Dewan yang mulia ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang fakta yang mengatakan tadi kalau pohon pun tak dapat, sedangkan saya nampak tadi Yang Berhormat telah memberi pandangan kalau 1,000 daripada kalangan orang Melayu, 100 daripada kalangan kaum India, maka kalau ambil dua pun *percentage* nya tinggi, saya rasa pihak-pihak Yang Berhormat dalam dewan ini faham tentang perkara itu.

Seelok-eloknya turun untuk memberi taklimat kepada orang-orang kita di bawah, daripada rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional supaya lebih ramai lagi yang memohon mungkin ramai lagi akan dipanggil. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, saya setuju sekalilah dengan pandangan Yang Berhormat. Itulah seharusnya kita sama-sama, tanggungjawab bersama untuk memastikan kebahagiaan, keutuhan, keadilan, kesaksamaan dapat dibina bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi itu pihak swasta marilah sama-sama, sama ada apa sekali pun parti, kita tidak boleh elak daripada tanggungjawab bersama atau polisinya, tenteranya menjaga keamanan. Pihak swasta bagaimana cara pihak kerajaan untuk memastikan apakah perlu keluarkan satu undang-undang ataupun hanya berdasarkan nasihat kepada pihak swasta atau hanya sekadar membuat seruan-seruan melalui diplomasi kerana berlaku juga dari segi penindasan tidak diberi peluang kepada..., ini saya cuba hendak berhujah di sebaliknyaalah supaya wujud keseimbangan.

Peluang untuk mereka masuk ke swasta sulit, susah, tidak ada pengalaman dan tidak pandai bahasa tertentu. Kadang-kadang letak syarat bahasa Mandarin. Bagaimana peluang untuk mereka melibatkan diri dalam swasta dapat tempat. Jadi, ini saya sebagai kita di kepimpinan tertinggi,

pembuat dasar di dalam Dewan, cuba cari fakta yang sebenarnya bagaimana sama-sama kita bertanggungjawab.

Dari segi isu tiris yang dibangkitkan oleh kumpulan Hindraf ini, di negara kita pernah satu ketika dulu, mungkin hari ini masih terus berlaku masyarakat digalakkan dasar kahwin campuran. Malah kerajaan menggalakkan orang Melayu kahwin dengan India, lahirlah generasi keturunan coklat warna kulitnya. Kita tak pernah nak menghapus, tidak. Kemudian ada juga India kahwin Melayu juga, keluar anaknya lebih gelap. Kita juga ada Cina kahwin Kadazan, Cina kahwin India, Iban kahwin Kadazan, masyarakat campuran, perkahwinan campuran. Ini yang dibuatkan oleh negara kita dalam 50 tahun, kita tak pernah nak menghapuskan satu-satu kaum. Ini yang saya katakan fitnah, racun yang dilemparkan oleh kumpulan Hindraf dan tidak ada maaf untuk kita *repair* balik Tuan Yang di-Pertua.

Ini di peringkat dunia, global. Seolah-olah apa yang berlaku di negara kita berlaku di India, rusuhan, pergaduhan, letup sana sini tapi apakah realitinya berlaku hari ini di negara kita nak *repair* sekarang. Namun dieksploitasi seluruh negara, seluruh dunia oleh musuh-musuh negara *of course* lah pelancongnya dah takut di ulang-ulang tunjuk rusuhan, kadang-kadang salah video klipnya ditunjuknya di Indonesia dia katanya Malaysia, ditunjuknya di Thailand dia katanya Malaysia. Inilah impak implikasinya yang berlaku lantaran tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dato' Zahid Hamidi tadi beliau menyatakan biarlah mereka berpijak di bumi yang nyata. Ertinya berilah kesetiaan kepada negara kita kerana di sinilah kita lahir ataupun keturunan kita lahir walaupun mereka mendatang dan pengorbanan yang harus diingat di mana penentangan pembentukan Malayan Union. Siapakah yang ke hadapan Tuan Yang di-Pertua dan pembentukan kemerdekaan tiga komponen parti bersatu hati mendiang Tun Samanathan, Tan Sri Manikawasagam, Tan Sri Tan Cheng Lok, Almarhum Tunku Abdul Rahman. Ini pejuang-pejuang kemerdekaan dulu. Mereka duduk satu meja, orang Melayu *give and take* memberi 400,000 kerakyatan kepada bukan Melayu pada ketika itu. Ini termaktub sejarah pengorbanan orang dulu sehingga kita hari ini dapat duduk semeja.

Namun perkara-perkara itu sudah menjadi sejarah dan kita tidak boleh hari ini mempersoalkan. Kalau hendak dipersoalkan Tuan Yang di-Pertua soal-soal sejarah, soal-soal Perlembagaan inilah akibatnya yang akan berlaku. 400,000 bukan bumiputera diikhhlaskan, dikorbankan diberi taraf kerakyatan. Pada hari ini kita lihat dalam dewan yang mulia ini bagaimana Tan Sri Vediveloo pernah duduk di sana sebagai speaker Dewan Negara walaupun menteri, Tan Sri datang semuanya memberi tunduk hormat. Jadi tidak ada soal-soal penindasan kaum katanya ada aparteidnya di Malaysia. Padahal kita memperjuangkan dasar aparteid menentang di South Afrika. Sehingga Mandela datang ke sini belajar cara-cara kita bagaimana untuk wujud keadilan di South Afrika. Saya terlibat dalam pembentukan kerajaan campuran di South Afrika.

Jadi inilah sungguh kecewa Tuan Yang di-Pertua apa yang kita lihat hari ini imej dan bukannya mudah, bukannya murah untuk kita sama-sama *repair* ataupun perbaiki di atas kemusnahan yang telah dibangkitkan oleh kumpulan Hindraf ini.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya pergi kepada Parlimen sedikit kerana di dalam pembentangan tambahan Bajet 2007... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...B.1. Saya Tuan Yang di-Pertua selama 33 tahun berada di dalam Dewan Rakyat dan sekarang Dewan Negara.

▪ **1240**

Dulu sebagai anggota perkhidmatan awam, duduk di belakang-belakang sana dan melihat akan peranan Parlimen dari dulu sehingga hari ini dan terbukti hari ini pengurusan Parlimen sudah sampai ke tahap yang begitu baik dan terserlah kerana memberi kemudahan-kemudahan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Parlimen bagi kedua-dua Dewan dengan begitu baik.

Sebagaimana kita ketahui untuk menegakkan negara yang berdaulat berkonsepkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan bukannya mudah. Dari segi strukturnya Parlimen adalah institusi tertinggi negara. Saya melihat tanggungjawab Parlimen 30 tahun dulu ketika saya berada di Dewan ini dengan hari ini sudah banyak berbeza melalui pelbagai proses perubahan ke arah yang lebih dinamik dan positif. Kita lihat kemudahan-kemudahan yang diberi dalam Dewan ini tanpa sebarang masalah - Parlimen maksud saya, jika dibandingkan dengan negara-negara lain pernah berlaku di dalam Dewan-dewan mereka kasutnya terbang dan bertumbuk di dalam Dewan. Kita belum sampai ke peringkat itu tetapi ini adalah gara-gara di atas kecekapan pengurusan pentadbiran Parlimen. Saya mengucapkan syabas dan tahniah.

Pada 30 tahun dahulu Parlimen ini Kerusi bagi Dewan Rakyat hanya sekitar 114 buah, ketika saya duduk di belakang-belakang Dewan tetapi hari ini sudah 219 Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan akan menjadi 222 kerana telah wujud tiga Kerusi Parlimen di Sarawak. Di dalam pilihan raya umum akan datang, jumlah Kerusi Parlimen ialah 222.

Jadi, itu adalah tanggungjawab staf Parlimen. Kedudukan perjalanan yang selesa, aman dan tersusun adalah berkait rapat dari segi sistem pengurusan Parlimen, dari segi Setiausaha, Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Setiausaha-setiausaha Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang memainkan peranan yang penting. Kita harus bersikap adil kerana beban tugas yang diamanahkan kepada pengurusan Parlimen harus di *justify* kan. Kita tidak boleh melihat dari segi kekuatan tenaga atau *strength*, berapa besar tetapi harus kita lihat dari segi beban, tanggungjawab, amanah yang begitu berat untuk menegakkan sebuah negara yang berkonsepkan demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan, bukannya mudah.

Lantaran itu saya mintalah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Kementerian Kewangan tidak usah tunggu bajet dan pihak pengurusan Parlimen bentangkan justifikasi, tugas, status, kedudukan Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Setiausaha Parlimen termasuk

Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberikan satu kedudukan yang setimpal dengan tanggungjawab yang begitu penting, yang kita katakan konsep negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Dunia rata-rata - Dewan Senate dan Dewan Negara peringkat antarabangsa datang melawat Parlimen Malaysia dan mengagumi. Saya pohon pihak pengurusan Parlimen buatlah permohonan dan pihak JPA, janganlah kita bandingkan tentang kedudukan hakim dan sebagainya untuk dijustifikasikan dengan tanggungjawab Speaker Dewan Negara, Speaker Dewan Rakyat dan keseluruhan staf Parlimen yang menjalankan tugas dengan cemerlang, pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sentuh sedikit di bawah Butiran B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Isu alam sekitar sudah menjadi isu global kerana suhu kepanasan dunia telah pun dibangkitkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri kita di beberapa persidangan antarabangsa baru-baru ini dan ada beberapa fakta yang menunjukkan beberapa kepulauan yang tenggelam dan terbukti, kota-kota di Itali telah pun semakin ditenggelami air dan cuaca, mala petaka yang berlaku, hujan, banjir yang tidak menentukan sebagaimana yang berlaku di Johor baru-baru ini. Berlakunya pembalakan secara gelojoh, yang tidak terkawal sama ada haram ataupun diluluskan seperti berlaku di Kelantan.

Jadi, saya memohon pihak kementerian menyatakan, apakah jumlah tenaga penguatkuasaan dari segi pengawalan, pencerobohan kawasan hutan ini boleh setimpal dengan kedudukan beban tugas yang ada pada kakitangan penguatkuasaan.

Di negara-negara Barat, Tuan Yang di-Pertua, mereka pandai bercakap.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Mohon laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Sebenarnya ratusan tahun kawasan hutan mereka... Ya, silakan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Bila menyentuh soal pencerobohan hutan, saya tertanya juga bagaimanakah boleh berlaku pencurian kayu-kayu balak dalam jangka masa yang panjang sedangkan untuk mencuri batang balak ini bukan satu kerja yang mudah, bukan macam kita mencuri batang pensel. Kes-kes pencurian balak yang berlaku di merata negeri, seperti di Kedah baru-baru ini dilaporkan di kawasan cave, di Padang Terap. Kemudian berlaku juga kecurian di negeri Kelantan. Yang menghairankan saya, kalaulah pencurian balak ini berlaku dengan berlari-lori, saya rasa mesti ada penglibatan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dalam mengawal dan menjaga sumber alam ini. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus di atas prihatinnya isu yang berlaku pada ketika ini. Itulah realitinya soal pencerobohan haram ataupun kelulusan-kelulusan yang diberikan oleh pihak berkuasa tanpa melihat implikasi impaknya kepada persekitaran alam. Saya memohon dari segi badan penguatkuasaan kementerian-kementerian yang

berkaitan termasuk pejabat tanahnya dan saya pohon pihak EPU untuk membuat satu kajian yang lebih holistik dan lebih serius dari segi kuasa-kuasa penguatkuasaan yang ada di tangan agensi-agensi tertentu.

Undang-undang memang cantik, Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang penguatkuasaan telah di bahas sampai berbuih mulut, kata orang, di Dewan-dewan sebelum diluluskan, ada dalam akta undang-undang, tetapi persoalannya penguatkuasaan. Di sinilah dikaji balik. Saya perlu lihat sama ada ahli badan ataupun tenaga pekerja cukup untuk melaksanakan penguatkuasaan dari segi kuasa di bidang pihak masing-masing termasuklah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, jutaan hektar hutan dan rimba yang perlu dikawal. Ratusan ribuan batu sempadan harus dijaga.

Oleh sebab itu saya pohon pihak EPU mengkaji badan-badan agensi kerajaan yang ada kuasa-kuasa penguatkuasaan tetapi tidak berkesan umpamanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus tadi. Berlaku kecurian untuk memotong balak. Kadang-kadang dibuat laluan di lereng-lereng bukit. Ini memakan masa tetapi kenapa lambat dicium oleh pihak berkuasa, kenapa?

▪ 1250

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, semalam berlaku gempa bumi di Bukit Tinggi, Pahang, 3.0 skala Richter. Tuan Yang di-Pertua, saya amat *concern* tentang gempa bumi ini, tetapi bila saya baca dua media hari ini tidak ada cerita tentang gempa bumi ini. Ini saya hendak *refresh* balik, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu pakar air kita, Profesor Zaini Ujang daripada UTM, kemudian pakar hutan, Dr. Salleh Mohd. Nor dan seorang lagi yang pakar iklim, Profesor Khairul Maini mencadangkan supaya pembinaan terowong yang merentasi Banjaran Titiwangsa ini dibatalkan sejauh 44.5 kilometer sebab dia kata Banjaran Titiwangsa ini adalah merupakan pasak bumi untuk menahan kita daripada gempa bumi. Itu sahaja pasak bumi Malaysia ini adalah di Banjaran Titiwangsa.

Jika sekiranya terowong ini dibina, dia kata, akan menyebabkan pasak bumi kita semakin lemah dengan kekerapan gempa bumi di Sumatera sekarang ini dan kita pula membina terowong 44.5 kilometer ini, maka kekuatan pasak bumi di Malaysia ini semakin lemah, semakin tidak mampu mampan untuk mempertahankan kita daripada gempa bumi dan ini amat bahaya. Kita kena *concern* tentang perkara ini supaya barangkali dipertimbangkan, sedangkan barangkali kita ada alternatif lain yang tidak merosakkan hutan kita, tidak merosakkan flora dan fauna kita, yang tidak merosakkan habitat kita.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat ini, Yang Berhormat setuju ke ataupun tidak supaya dikaji semula pembinaan terowong ini kerana ia akan merentasi Banjaran Titiwangsa. Ia akan

menggunakan Banjaran Titiwangsa yang akan menyebabkan kelemahan kepada pasak bumi kita dan ini amat berbahaya dengan kekerapan gempa bumi yang berlaku di Sumatera. Yang berlaku ini 3.0 skala Richter. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Puad. Saya pun agak gentar juga apabila mendengar fakta ataupun hujah Yang Berhormat tadi tentang berlakunya gempa bumi di Banjaran Titiwangsa dan kemungkinan barangkali – saya guna istilah barangkali, barangkali – ada kaitan dengan pembinaan terowong sejauh 44.5 kilometer dan kalau betul-betul kawasan tersebut merupakan pasak bumi di negara kita dan saya pohonlah pihak kementerian..

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan, Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Gempa bumi yang berlaku di Bukit Tinggi itu berpunca daripada gempa bumi di Sumatera. Maksud saya ialah kita belum lagi membina terowong tersebut. Saya sudah tanya tadi. Saya bercakap dengan orang yang terbabit sebab kita tahu syarikat dari Jepun mendapat projek ini, tetapi sekiranya kita bina juga terowong ini dengan melihat pandangan daripada tiga pakar tadi, maka ini akan melemahkan lagi pasak bumi kita dengan kekerapan gempa bumi yang berlaku sekarang ini.

Jadi sebab itulah wajar atau tidak, supaya dikaji semula projek ini sedangkan ada alternatif lain walaupun tujuannya adalah untuk bantuan air dari Pahang ke Selangor, Tuan Yang di-Pertua, tetapi barangkali ada cara lain supaya jangan kita buat terowong bawah Banjaran Titiwangsa kerana di situlah letaknya pasak bumi kita untuk mempertahankan Malaysia ini daripada gegaran gempa bumi ini. Itu maksud saya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Yang Berhormat Dr. Puad di atas penjelasan kepada soalan yang dibangkitkan awal tadi dan saya jadikan ini sebagai soalan tambahan yang perlu dijawab oleh kementerian berkaitan kerana ia memerlukan notis penjelasan daripada saya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik daripada Yang Berhormat Dr. Puad mengatakan tadi bahawa terdapat satu gegaran hari Isnin, 3.2 skala Richter iaitu satu gegaran yang mungkin tidak berapa kuat tetapi telah menyebabkan sedikit sebanyak kesangsian kita terhadap pembinaan terowong ini. Bermakna kalau kita tengok akhbar Utusan Malaysia hari ini di muka surat 20 telah menunjukkan bahawa empat syarikat dari Jepun telah pun di *qualified* kan untuk memasuki *bid* ini. Ini di bawah kementerian lain pula, Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi yang mana pinjaman daripada Kerajaan Jepun di bawah JPIC telah memberikan satu tender kepada empat syarikat ini untuk memasuki dan dengan syarat-syarat yang begitu ketat.

Salah satu syarat ialah seseorang yang ingin memasuki tender ini belum ada kerja berpengalaman tidak kurang daripada USD4 bilion. Mana ada syarikat dari Malaysia yang mempunyai syarat-syarat seperti ini. Nescaya tidak dapat. Apa yang berlaku di bawah JPIC ini yang mana saya lihat di Klang, Selangor dahulu, dengan syarat-syarat yang begitu ketat, nescaya kontraktor-kontraktor tempatan tidak dapat mengikuti sama di dalam pembinaan-pembinaan yang telah diberi spesifikasi yang begitu tinggi yang tidak dapat disertai sama oleh kita.

Apa yang menakutkan di sini ialah dari segi alam sekitar yang kita ada ini akan menyusahkan lagi dan mengakibatkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dr. Puad mengatakan bahawa Banjaran Titiwangsa ini menjadi tunjang kepada pertahanan gegaran yang akan tiap-tiap kali berlaku, dua hari tiga kali, tiap-tiap bulan berlaku di Sumatera, sedikit sebanyak ia menjadi satu gegaran juga kepada kita dan inilah yang kita memohon supaya kerajaan mengkaji balik supaya terowong 44.5 kilometer ini tidak dijadikan satu projek yang begitu besar supaya ia boleh mencari satu alternatif kepada membekal air di Selangor dengan cara yang lebih tersusun dan terbaik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih....

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya ingin menambah sedikit tentang cadangan Yang Berhormat. Ini kerana kawasan tersebut, keterlaluan pembangunan yang dibuat itu melibatkan keresahan di kalangan Orang Asli.... [*Tepuk*]

Baru-baru ini kita tengok Orang Asli telah memfailkan tindakan di mahkamah. Jadi perkara ini kalau tidak diberi perhatian, ini akan menimbulkan satu perkara yang negatif di mana pandangan, perhatian dan hak yang ada pada Orang Asli itu menjadi tanda tanya dan menjadi tindakan yang negatif bagi pihak saya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Osman Bungsu atas prihatinnya. Saya percaya juga di antara fakta-fakta yang harus diambil kira oleh pihak kementerian dan termasuk juga oleh sahabat saya yang menyentuh soal keupayaan syarikat untuk membida tentang projek ini. Ini juga saya serahkan kepada pihak kementerian yang berkaitan untuk memberi jawapan melalui Kementerian Kewangan kelak dan saya yakin pegawai-pegawai kerajaan yang mewakili kementerian-kementerian yang disebutkan oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator tadi akan mendapat jawapan daripada pihak kementerian melalui Kementerian Kewangan kelak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung perbahasan pada petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

- 1430

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaakob, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin rumusan kepada B.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana pada hari ini kita lihat di peringkat global membahaskan isu kepanasan, kehangatan, kecairan salji yang menyebabkan limpahan-limpahan, kota-kota mulai tenggelam berapa inci dasarnya dan juga kepulauan-kepulauan telah dikenal pasti dalam tempoh 20 tahun akan berada di bawah paras laut. Dan berbagai-bagai dasar telah pun diambil oleh pihak global untuk sama-sama turut mencari penyelesaian bagi mengatasi isu yang berbangkit sekarang ini, yang mana antara lainnya juga berpunca daripada pihak barat sendiri, mereka telah menggondolkan secara gelojoh hutan mereka di negara mereka, ratusan tahun dan kini mereka cuba untuk memperbetulkan keadaan dengan menunjuk ajar, menegur termasuk negara kita yang dikatakan tidak sensitif kepada isu alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mana fokus saya kepada persoalan kenaikan bahan binaan iaitu *steel bar*, ataupun *iron bar* yang mana termasuk juga simen yang mana menjejaskan dari segi pelaksanaan projek-projek swasta mahupun projek kerajaan akibat daripada kenaikan harga yang begitu ketara, berleluasa. Walaupun pihak kementerian telah pun menetapkan kawalan-kawalan harga bagi bahan-bahan tertentu umpamanya dari segi kenaikan *steel bar*, satu metrik tan kalau ikut harga kawalan sekitar RM1,800 tetapi di pasaran ia, pembeli terpaksa membeli dengan harga RM2,300 satu metrik tan. Dan kita dapat lihat perkara seumpama ini tidak begitu berkesan walaupun harga rasminya ditetapkan namun perkara yang berada di bawah kawalan kementerian namun ia tidak seperti mana yang berlaku di pasaran.

Dilihat dari segi *supply steel bar* ataupun bahan mentah binaan ini, sudah puluhan tahun berlalu dan kita lihat fokus saya kepada *steel bar* ini yang begitu ketara. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, berapakah sebenarnya lesen ataupun permit yang kita keluarkan kepada pembekal dan nama-nama mereka. Dan adakah pembekal tersebut mengambil kesempatan cara pelbagai strategi yang dibuat untuk mengaut keuntungan dengan mengurangkan penawaran ataupun pembekalan kepada keperluan tempatan dan mengeksport ke luar negara semata-mata untuk keuntungan yang lebih. Di sini bagaimana cara pemantauan secara holistik yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan bahan-bahan mentah tersebut tidak dapat dikawal dengan baik juga dengan subsidi negara yang begitu meningkat tentang bahan-bahan lain sekitar RM35 bilion yang harus, yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Untuk itu soal yang nak saya bangkitkan, apakah pihak penguat kuasa di kementerian tidak begitu cukup tenaganya. Apakah masalah yang sebenar yang menyebabkan perkara tersebut tidak dapat dikawal dengan berkesan? Dan jumlah pegawai-pegawai penguatkuasaan yang telah dipertanggungjawabkan mungkin tidak setimpal dengan beban tugas ataupun dengan soal-soal penyeludupan yang berlaku begitu berleluasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di bawah B.29 Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi khususnya mengenai pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ataupun SPAN. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan status penswastaaan air ataupun... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Mengikut negeri yang mana menjuruskan kepada jumlah tanggungan hutang yang harus dipikul oleh kerajaan dan pecahan mengikut tunggakan hutang kerajaan-kerajaan negeri terhadap Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.39 iaitu Kementerian Pelancongan. Saya mengambil kesempatan di sini merakamkan syabas dan tahniah kepada seluruh jentera kementerian di bawah pimpinan Yang Berhormat Seri Tengku Adnan yang mana begitu berjaya untuk membawa masuk para pelancong yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Dan sasarannya pada tahun ini sebagaimana yang telah dinyatakan dengan harapan dapat mencapai jumlah pelancongan yang melawat ke negara kita berjumlah 20 juta di akhir tahun.

▪ **1440**

Dan ianya akan membawa masuk wang tukaran asing bernilai sekitar RM45 bilion. Di sini saya rasa, usaha-usaha pihak Kementerian Pelancongan begitu berjaya dan kalau boleh, suka saya mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimana strategi ataupun perancangan yang dibuat bagi memastikan agar pertukaran wang asing yang masuk ke negara kita sekitar RM45 bilion sebagaimana yang disasarkan itu boleh dinikmati, dapat turun manfaatnya ataupun faedahnya, dapat di syer bersama, dinikmati bersama di peringkat negeri-negeri? Adakah analisa dibuat, fokus jumlah RM45 bilion, hasil sebagaimana yang disasarkan itu dibahagi-bahagikan mengikut negeri?

Ataupun bagaimana hasil yang akan diperoleh oleh negara, RM45 bilion itu dapat dirasai juga bukan sahaja kepada penduduk kita di kota-kota, di pusat-pusat bandar tertentu tetapi juga boleh kita lihat RM45 bilion yang akan disasarkan itu dapat dibahagi-bahagikan secara strategi, pelancongan di peringkat desa, di peringkat luar bandar, di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingin mendapat satu perancangan strategi yang holistik oleh Kementerian Pelancongan agar hasil yang diperoleh itu tidak tertumpu kepada kawasan bandar sahaja ataupun di pulau tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh tentang B.41, Kementerian Pelajaran. Saya tidak lupa dan tidak ketinggalan untuk menyatakan, rakamkan penghargaan dan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Hishammuddin...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi, perolehan yang dikatakan ianya tidaklah berbentuk *revenue* pada... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Bagaimana ia hendak diagihkan. Perolehan bagi Kerajaan Persekutuan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Di atas sentuhan Tuan Yang di-Pertua tadi, saya akui, ianya bukanlah merupakan keberhasilan kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan yang saya cuba hayati, bagaimana keberhasilan sebanyak RM45 bilion itu dapat dinikmati oleh keseluruhan masyarakat, sama ada sekarang ini majoriti ataupun kelebihan, faedah dinikmati oleh pusat-pusat bandar sahaja. Jadi supaya peruntukan yang dibelanjakan oleh Kementerian Pelancongan dengan peratusan yang merupakan wang kerajaan, impaknya dapat RM45 bilion ini dirasai mungkin tidak sebanyak mana, syer bersama oleh masyarakat. Jadi ini memerlukan satu strategi pihak Kementerian Pelancongan. Terima kasih di atas teguran Tuan Yang di-Pertua tadi.

Tentang B.41 - Kementerian Pelajaran. Saya katakan tadi dasar Kementerian Pelajaran sentiasa berubah dari semasa ke semasa dan sehingga terkini, di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn yang mana menjurus kepada satu persepsi iaitu ke arah untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum, beberapa strategi telah pun dibuat dan dirancang dan dilaksanakan walaupun ada halangan daripada pihak-pihak tertentu, namun Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi itu, dasar perpaduan kaum adalah merupakan daya usaha mutlak di negara ini dan mengikut dasar pertama selepas kemerdekaan selama 50 tahun, kita sudah berada di tahap ini.

Jadi ini dasar Kementerian Pelajaran yang menjurus..., saya lihat beberapa perubahan yang begitu dinamik dan begitu positif menunjukkan satu perubahan yang saya rasa memerlukan penekanan pada aspek bagaimana..., daripada peringkat bawah, peringkat rebung untuk memupuk soal perpaduan kaum. Kerana tunggak kekuatan sesebuah negara yang kita tidak dapat nafikan khususnya negara kita yang terdiri daripada pelbagai suku kaum, bangsa, agama dan budaya, keutuhan soal perpaduan kaum dan integrasi kaum, masih berada di tahap yang mungkin boleh saya katakan rapuh.

Sebagaimana yang berlaku di dalam beberapa minggu yang lalu, dan ini harus dijadikan sebagai asas untuk memperkemaskan dasar Kementerian Pelajaran untuk dengan lebih meneruskan ke arah mengharungi fasa kedua 50 tahun yang akan datang iaitu 2050 sebagaimana misi yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Dan apakah masalah Kementerian Pelajaran untuk merealisasikan inspirasi ini untuk membentuk kekuatan perpaduan di peringkat akar umbi, sekolah tadikanya, sekolah rendah ataupun sekolah menengah sebelum pergi ke peringkat pengajian tinggi.

Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sekolah-sekolah di peringkat jenis kebangsaan India, Cina, berapakah jumlah kekosongan guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik ataupun Sains dan juga, saya ingin mendapatkan *feedback*

daripada kementerian, berapakah jumlah guru-guru bumiputera yang mengajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan kerana cara pengisian guru-guru juga amat penting bagi menentukan hala tuju visi kita bagi mempercepatkan kekuatan perpaduan murid adalah juga bergantung kepada sejauh mana, sebanyak mana... [Gangguan sistem pembesar suara] Tugas sekolah... [Gangguan sistem pembesar suara] Yang saya sebutkan tadi.

Dan kalau boleh, nyatakan berapa lama pihak kementerian boleh mengisi kekosongan jawatan-jawatan guru di sekolah tersebut kerana setiap tahun, ratusan ribu pelajar-pelajar termasuk di peringkat tadikanya, di peringkat sekolah rendahnya dan hingga ke sekolah menengah sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi...

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimanakah agaknya kita hendak mengajar anak-anak kita hakikatnya negara tercinta kita ini bukan negara orang Melayu sahaja? Bukan negara orang India sahaja, bukan negara orang Cina sahaja. Ianya, tanpa perpaduan, tiada Malaysia. Seperti mana tanpa *rule of law*, tiada Malaysia, bagaimana kita hendak... [Gangguan sistem pembesar suara] Itu tak hairanlah kadang-kadang yang dewasa pun tak faham juga.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas *some kind of...*, dengan izin, satu keperluan fakta. Ia harus dihayati oleh segenap lapisan masyarakat yang berada di negara kita. Memang kalau kita lihat dengan berbilang kaum, budaya, bangsa dan suku kaum kita, amat sukar untuk dicari satu formula menjuruskan ke arah mesra, bahagia sesama kaum yang wujud pada hari ini.

■1450

Ianya memerlukan bukan sahaja 50 tahun Tuan Yang di-Pertua, untuk mengubah, mengorak langkah mengubah fikiran supaya mereka wujud di negara ini bukan terpisah oleh kulitnya, warna agamanya, Indianya, Cinanya, Kadazan, Iban, Bidayuh, Dayaknya. Jadi bagaimana untuk mewujudkan kesatuan yang rasa cinta negara kesetiaan kepada negara. Bukan satu perkara yang boleh dilakukan dalam sekelip mata untuk wujudkan perasaan itu kesatuan itu. Di sinilah letaknya persoalan yang dibincangkan....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi *it's a complex nation but thankfully not a fail state*. Jadi hendak memerintah dia perlu penuh kebijaksanaan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas pandangan tersebut. Memang kompleks, di dalam dunia ini Tuan Yang di-Pertua kita telah pun dijadikan contoh sebuah negara yang begitu kompleks, berbanding dengan negara Barat. Kadang-kadang warna kulitnya sama, bahasa tuturnya sama, agamanya sama cuma berbeza mazhab Katolik dan Protestan...

Tuan Yang di-Pertua: Dipisahkan pula dengan lautan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Lautan, tambah lagi tetapi bergaduh, masih tidak ada keamanan, berlaku porak-peranda, begitu juga dengan Afrika negaranya saya sebutkan. Kulit sama

hitam, agamanya sama, bahasanya sama tetapi terus bergaduh-bergaduh. Jadi kalau di lihat di Iraq pun sama, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, agamanya sama berbeza mazhab tetapi kenapa berlaku pertumpahan darah, bergaduh, bom di India, di Pakistan. Jadi soalnya memang kompleks negara kita, terlalu kompleks. Sebagai pemerintah saya katakan kerajaan telah memberi hidayah kepada kepimpinan terdahulu untuk diwujudkan satu formula yang paling dianggap terbaik pada masa ini.

Mungkin sebagai andaian untuk masa hadapan ada formula yang paling terbaik berkongsi kuasa bererti kita berbilang kaum berada di satu persefahaman dengan konsep Barisan Nasional. Bukan saya hendak kempen Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua, minta maaf tetapi hakikatnya tidak ada formula yang terbaik. Dunia melihat, kita dok mencari apa istimewa lampu ajaib yang kita guna. Jadi inilah wujudnya cemburu, wujudnya perasaan cuba mengganggu gugat ketenteraman kita yang saya cuba pertahankan. Tan Sri Musa 'Ahmad' di bawah PDRMnya, kegigihannya utk mengawal ketenteraman awam yang...

Tuan Yang di-Pertua: Musa Hassan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Musa Hassan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kerana itu bagi saya soal ketenteraman awam, perpaduan, rumah, perpaduan kaum kita tidak boleh mempermainkan sentimen ini. Apa yang berlaku hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat akibat-akibat kegelojohan kepimpinan-kepimpinan tertentu yang katanya perjuangkan hak asasi mereka, tetapi lupa akan impak yang akan berlaku, apa yang telah mereka lakukan. Seluruh dunia hari ini melihat seolah-olah negara kita kacau bilau. Seluruh dunia hari ini menganggap ada aparteid di negara kita. Persoalan yang saya bangkitkan ini bukan persoalan yang boleh dimainkan kepimpinan kita di bawah Barisan Nasional selama 50 tahun Tuan Yang di-Pertua. Cuma melalui rundingan meja di Kabinetnya, di permesyuaratannya untuk mencari satu cara untuk memberi kebahagiaan seluruh kaum.

Tuan Yang di-Pertua: Pada pandangan Yang Berhormat, dalam jangka masa panjanglah, dalam jangka masa 50 tahun, 100 tahun, hakikatnya hari ini mungkin hanya ada Barisan Nasional. Kemungkinan dalam jangka masa yang panjang, negara kita memerlukan satu alternatif. Dahulu pernah direka satu Barisan Alternatif. Akan tetapi untuk jangka masa yang panjang, andai kata disadari, diperlukan satu lagi kumpulan atau barisan kongsi kuasa rakyat menyayangi Barisan Nasional, Yang Berhormat ingat adakah sekarang bibit-bibit atau pemimpin-pemimpin berkaliber yang boleh menyumbang ke arah alternatif tersebut bagi rakyat Malaysia empat generasi dari sekarang.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas pandangan jauh yang diutarakan tadi. Kemungkinan-kemungkinan kebarangkalian itu ada tetapi yang telah terbukti berlaku, cubaan-cubaan eksperimen kalau saya hendak katakan, percantuman barisan

alternatif yang mana kalau diizinkan saya sebut apa yang berlaku Barisan Alternatif pembangkang, telah cuba banyak kali....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tidak ada standard macam Tuanku Abdul Rahman dan rakan-rakannya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tidak ada. Yang ada realitinya tidur sebantol mimpi lain-lain. Hari ini mereka berpeluh, di belakang bercakaran. Jadi apakah ini harapan yang dikehendaki oleh golongan-golongan peniaga, golongan-golongan yang menaruh harapan kepada satu kerajaan yang stabil dan kuat. Begitu juga dunia luar akan melihat. Contoh rata-rata di dunia luar terbukti perkongsian kuasa di katakan berlaku satu parti masuk satu parti keluar, runtuh kerajaan. Apakah kita memerlukan satu kerajaan sedemikian di negara kita buat ketika ini atau buat masa hadapan. Persoalan Yang di-Pertua bangkitkan, pandangan jauh.

Apakah 50 tahun, 100 tahun konsep Barisan Nasional masih sesuai atau tidak atau apa alternatif yang akan datang. Jadi di situlah hari ini kekuatan memerlukan kita menggubal dasar-dasar yang akan menjurus kepada 100 tahun yang akan datang yang mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah pun lahirkan apakah bentuk masyarakat 2057, 50 tahun yang akan datang. Kalau kita tidak menyusun strategik yang begitu kukuh dan asas, kuat tanpa gangguan-gangguan seperti golongan Hindraf ini, sudah pasti janaan yang harus kita lalui 50 tahun lagi melalui jalan mudah.

Kalau ada golongan sedemikian, pada anggapan saya, anggapan masyarakat lain yang boleh kita lihat. Kumpulan-kumpulan yang bermotif politik ataupun diguna dikuasai oleh *button* dari kuasa-kuasa luar yang memporak-perandakan pilihan raya yang akan datang, ini strategi awal yang telah dibuat yang akan menjurus hendak membuktikan pilihan raya umum yang akan datang bukan demokratiklah dan banyak tuduhan lagi. Jadi soalnya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana 50 tahun 100 tahun akan datang, apakah Barisan Nasional masih relevan?

Tuan Yang di-Pertua: Pada satu ketika, ada satu negara bernama Yugoslavia dalam jangka masa kurang 50 tahun lenyap satu bangsa dan negara bernama Yugoslavia. Nasib baik Malaysia tahan 50 tahun.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya Tuan Yang di-Pertua, sejarah itu terbukti berlaku. Penghapusan kemusnahan sebuah negara akibat daripada percaturan kuasa luar. Akibat daripada percaturan domestik dari negara sendiri yang tanpa dikawal, tanpa dirancang strategik untuk menangani masalah dalaman. Inilah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi begitu *concern* dalam nada yang serius, dalam nada yang begitu sedih kecewa, dalam nada yang begitu lembut tetapi tegas. Yang beliau nampak, Tuan Yang di-Pertua pun sentuh perkara itu. Jadi apakah hasrat impian visi kepimpinan negara hari ini. Andai kata mereka tidak memperbetulkan situasi hari ini akibat implikasinya impaknya kepada generasi yang akan datang. Sudah pasti sama ada negara kita hancur. Apakah itu yang akan berlaku?

■1500

Ini bukan perkara mustahil, kebarangkaliannya ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah benteng-benteng yang harus kita bina? Apakah usaha-usaha yang kadang-kadang *unpopular* dengan izin, terpaksa dibuat oleh kerajaan, umpamanya untuk menyelesaikan masalah-masalah Hindraf, demonstrasi jalanan ini.

Walaupun diluahkan, dilahirkan oleh kerajaan ini perhimpunan haram, namun oleh kerana pemikiran mereka yang tidak berdosa telah diracuni, menyebabkan berlaku satu kemusnahan maruah negara dan diperalatkan, dieksploitasi terus-menerus oleh media antarabangsa dan itu memang agendanya.

Negara kita aman Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita telah pun diberikan kepercayaan mempengerusikan OIC dua penggal begitu, jangan dengan anugerah-anugerah yang diterima oleh kepimpinan negara, pemimpin-pemimpin kita kerana kepercayaan kepada konsep dasar yang dipraktikkan, diamalkan oleh kepimpinan negara di bawah Barisan Nasional di negara kita.

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya sebut Barisan Nasional kerana kerajaan itu hari ini adalah Kerajaan Barisan Nasional. Tidak ada alternatif buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. Kalau hendak dikirakan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikirakan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua persoalkan tadi, kita hendak jadikan Melayu...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kalaupun mungkin nanti ada alternatif, alternatif tersebut mesti juga diasaskan kepada formula kongsi kuasa. Adakah itu sesuatu yang mutlak?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tepat sekali, dan memang amat mutlak Tuan Yang di-Pertua kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kepimpinan dulu terdiri daripada India, Cina dan Melayu, Almarhum Tunku Abdul Rahman, mendiang Tan Sri Tan Cheng Lock, mendiang Tun V. T Sambanthan, dia nampak konsep itu akan membuahkan satu kestabilan negara masa depan untuk generasi akan datang.

Setelah 50 tahun, keberhasilannya, impaknya masih kita dapat lihat begitu aman negara kita. Kita lihat tidak ada walaupun ada peristiwa hitam 1969...

Tuan Yang di-Pertua: Katalah Yang Berhormat bercita-cita tinggi hendak jadi Perdana Menteri, dan Yang Berhormat hendak tubuh satu lagi parti yang boleh menyaingi Barisan Nasional, bolehkah Yang Berhormat lari daripada hakikat parti tersebut perlu ditubuhkan di atas konsep kongsi kuasa untuk bertanding dengan Barisan Nasional?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, selama 11 tahun terbukti konsep itu yang dipraktikkan oleh Barisan Nasional membawa, membuahkan bibit-bibit kejayaan dan jadi asas untuk masa hadapan.

Saya lihat - minta maaf Tuan Yang di-Pertua, soalan awal yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, kita hendak orang Melayu, India dan Cina, Iban, Kadazan, Bidayuh dan sebagainya

yang ada di negara kita sebagai bangsa Malaysia. Kita tidak mahu kerajaan Melayu wujud, kita tidak mahu kerajaan India wujud, kita tidak mahu kerajaan Cina wujud memerintah di negara kita. *Impossible*, tidak mungkin *but* dengan izin, realitinya Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikirakan sentimen itu ada pada golongan, kalangan bumiputera untuk menubuhkan sebuah kerajaan bumiputera, memang boleh. Memang boleh dari segi persempadanan pilihan raya, jumlah Parlimennya. Kalau diadakan pilihan raya semua bumiputera bertanding, majoritinya boleh tubuhkan kerajaan bumiputera, tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Teori, teorinya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Teori, tetapi menyedarkan hakikat perkara itu tidak akan membawa kebahagiaan kepada semua masyarakat. Hanya melalui konsep Barisan Nasional, *sharing power*, kongsi kuasa itulah yang mana kita laksanakan sehingga 50 tahun ini nampak menjurus kepada kalau tidak 100% berjaya, tetapi itu yang terbaik buat masa kini.

Kalau hendak dilihat untuk 100 tahun akan datang, itulah saya katakan tadi bibit-bibit perpaduan, keikhlasan, kesetiaan yang orang tua sekarang ini pun nampak tidak berapa pun ada, tapi mengapa mereka jadi macam itu? Bagaimana pula strategi mana-mana kementerian menyentuh soal dasar perpaduan, untuk membentuk satu generasi? Apakah dengan cara di peringkat akar umbi akan membuah satu masyarakat yang mempunyai satu cita rasa yang diidam-idamkan? Kadang-kadang amat mustahil untuk membentuk satu generasi yang mempunyai satu perasaan, amat mustahil.

Ada juga cadangan-cadangan untuk mewujudkan satu parti sahaja dalam negara kita, tidak ada MCA, tidak ada MIC tidak ada UMNO, itu juga teori. Kalau menjadi realiti ataupun dilaksanakan penubuhan tersebut, belum tahu apa pula hantu jembalang, pelesit yang akan timbul Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang ada hari ini adalah di antara yang terbaik. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum kita pernah di dalam Dewan ini, saya sebutkan sekali lagi Tan Sri Vadiveloo menjadi Speaker Dewan Negara dan meletakkan satu kaum yang minoritinya berada di satu tempat tahap yang tinggi. Itulah keistimewaan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga saya katakan dan saya ulangi lagi, tidak ada satu Parlimen, satu DUN yang mempunyai majoriti India yang boleh bertanding orang India. Tidak ada, tetapi atas semangat setia kawan Barisan Nasional, formula yang terlalu istimewa, yang diciptakan oleh datuk nenek kita menyebabkan MIC Dato' Seri S. Samy Vellu berjaya bertanding di Sungai Siput walaupun majoriti bukan India, tapi semangat Tuan Yang di-Pertua, semangat kepimpinan Barisan Nasional hari ini dapat rasai perjuangan hanya melalui kongsi kuasa untuk memartabatkan maruah negara, untuk menstabilkan situasi keamanan dalam negara.

Sebab itu ketenteraman awam Tuan Yang di-Pertua, bagi saya tidak boleh kita dikotakkan. Harus diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Kalau perlu tanpa untuk menjadi popular, tindakan yang menimbulkan impak marah terpaksa dibuat. Kalau guna ISA, kita gunakan kerana

persoalan yang berlaku pada hari ini telah mula turun ke bawah, baru meletup tapi lavanya turun ke bawah perlahan-lahan, meluap-luap. Kepimpinan Barisan Nasional, komponen 14 parti cuba meredakan keadaan di bawah.

Kalau hari ini keluar 10 ribu hendak tunjuk perasan tertindas akibat daripada dasar penjajahan dulu, lapor kepada pihak penjajah dulu yang ada di sini Tuan Yang di-Pertua, bumiputera tertindas 500 tahun dahulu, mereka boleh bangkit. Cucu cicitnya, Kerajaan Melaka tenggelam, kesultannya hilang. Kalau cucu cicit Kerajaan Negeri Melaka bangun hendak saman kerajaan Portugis, apakah logik Tuan Yang di-Pertua? Inilah yang berlaku. Kumpulan Hindraf ini cuba memperjuangkan satu perkara yang tidak sepatutnya.

Jadi bagaimana untuk meredakan keadaan di bawah Tuan Yang di-Pertua? Saya berhujah hari ini terpaksa untuk memulihkan, memberi hujah-hujah. Mereka katakan wujud pemusnahan kaum. Ini satu dakwaan, satu tuduhan, dakyah yang terlalu serius. Walaupun dia daripada PAS... [Tepuk]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tapi isu ini isu nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Orang PAS ini cepat teringat perkataan Arab.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya tidak tahu sama ada saya masih ada masa Tuan Yang di-Pertua sebab saya tanya sahabat saya, dia suruh saya bercakap hari ini.... [Ketawa] Tapi Tuan Yang di-Pertua membuka ruang kepada saya, yang terpendam ini saya luahkan. Bukan saya seorang Tuan Yang di-Pertua, luahan saya hari ini, luahan jutaan.

■1510

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan tersipu-sipu jika Dewan terpaksa ditangguhkan sebelum 5.30 petang kerana tiada Senator yang bercakap. Jadi sambunglah.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Walau bagaimanapun, badan saya sudah berpeluh dok tengok kawan-kawan.

Anyway, subjek serius ini yang diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk saya lafazkan, untuk kita memulihkan imej... [Gangguan sistem pembesar suara] Itu dalam negara Tuan Yang di-Pertua. Boleh, hari ini dia tunjuk 10,000 orang yang telah dihasut tetapi kita juga boleh bukan 10,000 orang 100,000 akan datang, sejuta orang yang tertindas yang juga mereka senasib tetapi bukan itu caranya Tuan Yang di-Pertua.

Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh tentang Kementerian Pelajaran tadi bagaimana agar insiden yang berlaku ini juga peristiwa hitam yang *damage* nya terlalu banyak di peringkat persada antarabangsa, sekarang ini dok *condemn* macam-macam, ini *investor* nak masuk! Bagaimana ini? Kementerian Pelancongan sasar 20 juta, macam mana? Bila tengok gambar-gambar diselang seli berlaku di India, di Pakistan, Bangladesh, seolah-olah macam di Malaysia juga memasukan letupan bom.

Inilah saya kata, kepimpinan Hindraf ini gunalah janganlah sampai memusnahkan apa yang telah pun dibaja selama 50 tahun oleh kepimpinan negara untuk keselamatan, kebahagiaan kita tetapi dalam sekelip mata telah diperalatkan mungkin ataupun bermotif politik mungkin! Hancurkan suatu ketenteraman di negara kita yang telah pun dilihat di mata dunia.

Oleh itu Kementerian Pelajaran, beri sedikit penjelasan tentang isu-isu yang saya bangkitkan tadi, fokusnya macam mana hendak membentuk di peringkat rebung sebelum kita lihat apa yang berlaku pada hari dan 50 tahun fasa kedua yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana di bawah tajuk *civic consciousness* lah bagi Kementerian Pelajaran. Peningkatan *civic consciousness* di kalangan anak-anak di bangku sekolah, adakah itu yang diuruskan oleh Yang Berhormat?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itulah mesej yang saya nak minta Kementerian Pelajaran beri fokus.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya simpan sikit untuk bajet. Saya beri laluan kepada kawan-kawan dan saya akan cuba membantu...

Tuan Ahmad bin Husin: Yang Berhormat, saya nak minta mencelah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya terpanggil untuk mencelah kerana saya juga amat-amat serius untuk membina perpaduan. Perkataan 'perpaduan' itulah menyebabkan saya bangun dengan ini untuk sama-sama menghayati kerana tarikh keramat inilah yang menyebabkan kita berada di tahap ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dilihat dari segi perpaduan, kita melihat ianya bermula di peringkat keluarga, kemudian sekolah, kemudian ke tempat kerja dan akhirnya akan berada di dalam masyarakat itu sendiri. Maka kalau ada empat komponen ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita dah sampai kepada *level foundation* yang kuat. Itu yang pertama.

Kedua ialah sikap, pandangan, pendapat tentang orang Melayu dan orang bukan Melayu terhadap sekolah kebangsaan itu sendiri tetapi masih lagi menjadi masalah dalam negara.

Jikalau orang bukan Melayu mungkin melihatkan ciri-ciri Islam di dalam sekolah kebangsaan itu sendiri dan orang Melayu pula kalau sekiranya tidak ada ciri-ciri Islam itu ia juga akan rasa tidak terpanggil untuk menghantar anak ke sekolah tersebut. Akhirnya orang Melayu akan hantar anak ke sekolah agama, sekolah pondok. Sekolah agama rakyat dan sebagainya dan orang Cina atau orang-orang bukan Melayu ke sekolah jenis kebangsaan.

Jadi kita melihat ini perkara harus dilihat oleh kementerian, bagaimana nak mencorakkan warna sekolah kebangsaan itu yang sebenar-benarnya yang boleh dimanfaatkan oleh majoriti orang-orang Malaysia, rakyat Malaysia itu sendiri. Ini yang hendak kena fikirkan, serius! Sebab selagi ini tidak dapat dibuat, kita akan akhirnya dalam peruntukan yang berbilion-bilion ini akan berakhir dengan masalah polarisasi kaum. Itu natijah terakhir yang negatif.

Namun jika sekiranya terdapat kaedah yang terbaik menyebabkan majoriti mengasihi, mencintai, menyayangi sekolah kebangsaan, banyak perkara pokok boleh kita selesaikan sama ada di sekolah, sama ada di tempat kerja, sama ada dalam keluarga atau masyarakat. Itu perkara yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua ialah tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat simpan sedikit untuk berucap nanti, ini mencelah sahaja.

Tuan Ahmad bin Husin: Satu lagi boleh tak Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Sebab benda ini, saya nak kena sebut sini juga. Satu lagi Yang Berhormat, baru-baru ini kita dipanggil untuk melihat sebuah filem *Hati Malaya 1957*.

Jadi kalau boleh, bukan nak tengok aktor dan aktresnya tetapi *content* nya Tuan Yang di-Pertua. Saya hadir sama tetapi tidak ramai Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan, saya rasa semua dipanggil. Menceritakan tentang sejarah perjuangan sebenarnya tentang detik-detik perjuangan dulu, sekarang, masa kini dan akan datang. Segala pengorbanannya, segala patriotismenya, perpaduannya, susah payahnya di cerita secara *factual*.

Saya nak Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat di Malaysia melihat perkara yang sebenarnya yang telah terjadi yang menyebabkan kita berada di sini, Tuan Yang di-Pertua. Komen daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dua perkara, perkara pertama ialah sepertimana pernah diumumkan oleh kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan sehingga daya tarikannya begitu tinggi, sehingga mengerakkan semua kaum membuatkan sekolah kebangsaan itu pilihan pertama... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Peranan kesedaran terhadap sejarah terus memperkukuhkan perpaduan di kalangan rakyat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membantu saya untuk cuba mengangkat subjek yang cuba dibangkitkan oleh sahabat saya tadi dua perkara.

Respons saya sebagaimana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua nyatakan Yang Amat Berhormat kepimpinan negara telah pun membuat beberapa ucapan menyentuh bagaimana untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu keistimewaan negara kita Malaysia, di mana kepimpinan negara sentiasa begitu prihatin, sensitif akan kepentingan keperluan sesuatu bangsa yang duduk di negara kita seperti yang telah Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi.

■1520

Kalau dilihat di dunia ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada negara-negara lain yang cuba memberi kelonggaran sedemikian rupa untuk suku-suku bangsa. Ada juga negara-negara yang cuba melenyapkan terus bahasa ibunda asalnya. Namun nama-nama ibunda asalnya dan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dengan harapan aspirasi

kepimpinan negara, urusan aliran yang ada ini sampai satu masa mungkin 50 tahun akan berada di bawah satu aliran iaitu sekolah kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kelonggaran-kelonggaran walaupun menimbulkan sedikit kemarahan yang boleh kita katakan cuba mempertikaikan Akta Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Laporan Penyata Razak, namun atas aspirasi sentimen ingin wujudkan perpaduan, kepimpinan di meja runding mengorbankan umpamanya sekolah kebangsaan boleh diajar bahasa Tamil, atau pelajaran satu. Begitu juga boleh ada kelonggaran. Inilah satu formula, satu keazaman dalam negara kita hari ini di bawah UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama. Kementerian Pelajaran harus ambil kira apa yang dibangkitkan oleh..., *of course* Tuan Yang di-Pertua, juga memberi input tentang isu ini. Kepada saya isu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak patut ulang itu. Saya tidak patut ambil bahagian di dalam perbahasan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua memberi pedoman kepada saya supaya jawapan saya terus kepada persoalan. Terima kasih. Inilah kelebihan Tuan Yang di-Pertua kerana... [*Tepuk*] Itu keikhlasan mereka Tuan Yang di-Pertua. Memudahkan kami berdebat mengikut dan tidak tergelincir, jadi berdasarkan landasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya masih belajar.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang kedua, tentang sejarah iaitu filem *Hati Malaya*. Saya belum lagi melihat filem ini, tetapi daripada tajuk "*Malaya*", itu, saya boleh membuat beberapa mungkin andaian-andaian. Ini akan menjuruskan kepada kesedaran rakyat kita yang berbilang kaum ketika sebelum menjadinya nama Tanah Melayu ataupun nama Malaya kepada Malaysia untuk ditonton bukan sahaja peringkat persekolahan tetapi orang-orang macam kita. Dilihat, sedarkan balik, kita dahulu di mana? Asal usul kita di mana? Sekarang kita di mana dan ke mana kita akan pergi selepas ini? Filem *Hati Malaya* ini saya dapat maklumat akan dipertontonkan di Dewan Merdeka PWTC, 9.12.2007 yang melibatkan pemuda-pemuda generasi di bawah kategori putera Barisan Nasional - India, Cina, Melayu, Thai dijemput untuk melihat filem ini dan saya sukalah kalau boleh filem ini diperbanyakkan di saluran seluruh media elektronik kita. Jangan pula filem ini sesuatu yang cuba dikomersialkan tetapi ini kita memerlukan satu sokongan *social obligation*, dengan izin, daripada media-media elektronik untuk tayangkan filem ini, diulang-ulang supaya mesej ke arah kesedaran di mana harus kita berdiri dan di mana harus kita berjalan untuk masa hadapan dan dijadikan sebagai pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit tentang Jabatan Peguam Negara, Kepala B.8. Saya menyambut seruan Tuan Yang di-Pertua untuk cuba teruskan ucapan ini di bawah B.8 - Jabatan Peguam Negara. Kita lihat pada hari ini, berbagai-bagai isu telah pun disentuh yang mempersoalkan mungkin soal kehakimannya. Namun, saya mengambil kesempatan untuk

mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada Peguam Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghani Patail yang pada anggapan saya, dugaan, cabaran zaman dahulu dan zaman kini dan akan datang telah berubah bentuk, corak dari segi menangani soal-soal yang melibatkan pendakwaan perundangan.

Pernah dipersoalkan di peringkat antarabangsa oleh pihak-pihak yang cuba mengatasi sistem perundangan kita dengan mengatakan sistem kehakiman kita atau perundangan kita berada di bawah suatu ketidakstabilan dari segi keadilan. Ini tohmahan-tohmahan jahat yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan ataupun yang mempunyai agenda ataupun sesuatu muslihat yang terselindung.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya ganggu Yang Berhormat sebentar? Adakah Ahli Yang Berhormat yang berminat hendak bercakap pada petang ini? Datuk Roslan, Puan Heng, Tuan Rawisandran, sila Datuk..

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, ini memudahkan saya untuk mempercepatkan iaitu tentang tanggung jawab dan beban tugas di pihak Jabatan Peguam Negara. Saya mohon kalau bolehlah dalam ulasan dan kewangan nanti, Jabatan Peguam Negara nyatakan sedikit kedudukan status yang terkini, jumlah kes-kes pendakwaan yang belum diambil tindakan ataupun kes-kes yang tertunda sehingga September 2007 dan adakah beban tugas yang menyebabkan kes-kes tertangguh begitu, kalau tidak silap saya 100,000 lebih. Berkaitan dengan tenaga di Jabatan Peguam Negara tidak cukup dan kalau itulah alasannya, saya ingin juga mendapat tahu jumlah kekosongannya hari ini sehingga Oktober dan sasaran, fokus yang ke bila, kalau kes-kes tertangguh itu, kalau seratus ribu, dijangka bila kes-kes seratus ribu ini boleh diselesaikan? Jumlah pendakwa yang diperlukan untuk menangani beban tugas sedemikian banyak.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua dan saya sekali lagi amat mengagumi di atas cara pengendalian Tuan Yang di-Pertua membantu saya di dalam membahaskan usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Roslan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Saya akan menyentuh hanya beberapa kementerian sahaja. Pertama sekali, di dalam hal-hal yang berkait dengan orang ramai di mana kementerian yang pertama sekali ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tuan Yang di-Pertua, kita sering melihat dan mendengar bahawa harga barang sekarang ini terus naik dan kita berlandaskan kepada harga kos di dunia pun telah naik.

■1530

Apatah lagi dengan isu sekarang ini yang dibahaskan di Bali, di Nusa Dua, dengan *global warming* dengan izin, yang mengatakan bahawa kos-kos makanan dan sebagainya akan terus meningkat dari tahun ke tahun, disebabkan oleh kemusnahan yang berlaku akibat daripada kenaikan

suhu dunia. Kalau kita lihat di Malaysia ini kesannya amatlah menakutkan khususnya kepada rakyat, di mana kenaikan kos-kos ini kadangkala tidak dapat ditampung oleh rakyat pada umumnya keseluruhan, iaitu orang-orang yang berpendapatan menengah dan rendah akibat daripada kenaikan barang. Barang, mungkin barangan makanan kalau kita lihat di kedai-kedai, naik begitu banyak sekali. Kalau dari segi peratusnya mungkin terlalu banyak, terlalu tinggi dan kalau kita lihat juga dari segi kos-kos yang lain, juga terus naik dari segi kos pengangkutan dan juga kos-kos bahan binaan.

Saya mengambil contoh dalam hal barang-barang binaan ini, yang mana kita dalam membangunkan negara, dua perkara yang agak penting di dalam bahan binaan ini ialah besi keluli dan juga simen. Besi keluli ini ialah satu industri yang begitu besar, yang memerlukan setiap kali, berpuluh-puluh juta ringgit untuk membina sebuah kilang. Sekarang ini mungkin hampir beratus-ratus juta ringgit untuk membina sebuah kilang besi keluli. Setakat ini hanya ada lima syarikat sahaja di dalam Malaysia yang mengeluarkan besi keluli, dan setelah hampir berpuluh tahun kerajaan memberi satu *protectionism* dengan izin, kepada syarikat-syarikat ini sehingga tiap-tiap tahun telah memberikan keuntungan beratus-ratus juta ringgit.

Namun, baru-baru ini masih lagi syarikat-syarikat tersebut mengatakan harga yang telah diputuskan oleh pihak kerajaan tidak mencukupi, dan tidak mengikut harga pasaran dunia. Pada bulan April, kerajaan telah menaikkan RM300 daripada RM1,600 dan pada bulan Ogos, kerajaan telah juga menaikkan RM150 lagi, menjadikan hampir RM2,000 setiap satu metrik tan. Jumlah ini masih lagi tidak dapat dibekalkan oleh syarikat pengeluar kerana mengatakan bahawa kos ini masih lagi tidak mencukupi dan terpaksa pihak-pihak pengguna membayar di bawah meja dengan izin, *under table* sejumlah RM500 lagi menjadikan kosnya di antara RM2,500 ke RM2,600 satu metrik tan. Kos ini sudah tentu akan menjadi satu kos bebanan kepada pihak pengguna. Kepada kita yang menggunakannya iaitu kontraktor ataupun *developer* dengan izin, pemaju rumah, kos ini hanya kos sementara sahaja kerana akan *transfer* ataupun dia akan pindahkan kos ini kepada pengguna-pengguna dalam masa tiga ke enam bulan.

Apabila kos ini dipindahkan kepada pengguna-pengguna yang betul-betul menggunakan iaitu pembeli-pembeli rumah, ataupun kerajaan yang membina bangunan-bangunan ini, maka sudah tentu bangunan-bangunan serta rumah-rumah menjadi lebih tinggi. Ini sudah tentu akan menjadi satu benda yang menakutkan kita yang mana, ramai di antara orang-orang tidak mampu untuk membeli rumah satu masa nanti, oleh kerana kos ini menjadi begitu tinggi sekali.

Oleh yang demikian, pihak pengeluar telah meminta kepada kerajaan supaya menggunakan satu sistem pada tahun hadapan. Saya difahamkan bahawa akan digunakan perkataan APM iaitu *Automatic Price Mechanism*, dengan izin. Di antara APM ini ialah dalam tiga bulan sekali, kerajaan akan mengkaji kos-kos ini naik dengan secara mengikut pasaran yang telah diminta oleh pihak pengeluar tadi. Ini dalam erti kata ialah satu sistem perniagaan yang mana tidak akan berjumpa satu

perniagaan yang rugi. Dalam terminologi yang ringkas ialah kos *plus*, satu perniagaan mengeluarkan harga katakan RM2,000 di campur dengan kos-kos APM ini, maka sudah tentu tidak ada kerugian.

Oleh yang demikian, dengan *protectionism* yang telah berpuluh-puluh tahun yang diberi oleh kerajaan dengan jumlah yang besar, kerajaan telah memberi satu nikmat yang begitu baik kepada syarikat-syarikat ini dan memberi keuntungan yang begitu banyak, yang telah diperoleh oleh syarikat-syarikat ini. Maka saya memohon, menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memberhentikan *protectionism* ini, kerana kapasiti yang telah dikeluarkan ini hanya 50% sahaja daripada kapasiti kilang yang mengeluarkan kos bahan ini. Ianya sudah tentu akan membebankan dan memberikan satu hentakan yang agak terkejut kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh kerana apa yang telah dirancang oleh kerajaan dua tahun dahulu, sudah tentu kosnya akan meningkat dengan begitu jauh. Pada umumnya saya boleh katakan lebih daripada 20% kos kenaikan harga barang-barang ini telah menyusuli dan meresapi kepada kos-kos Rancangan Malaysia Kesembilan. Apa yang menakutkan saya ialah...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah pohon laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit apabila bercakap tentang peningkatan kos dalam barangan bukan sahaja pengeluaran, tetapi barang-barang untuk pembinaan. Kita bercakap pagi tadi tentang subsidi. Bolehkah kita andaikan *protectionism* ini ataupun perlindungan yang diberikan kepada mereka yang mengimport barangan untuk pembinaan ini juga sebagai bentuk subsidi, sebab ia diberikan untuk membantu mereka membiayai ataupun membolehkan mereka membuatkan sesuatu pembangunan itu ataupun pemaju itu, dengan harga yang lebih elok bagi mereka, tetapi mereka mempunyai satu pendapatan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi satu pendapatan yang tinggi. Mereka tidak rugi, mereka mendapat keuntungan yang besar.

Ini bermakna kita memberi subsidi kepada mereka yang berkemampuan, yang tidak harus menerima subsidi dan jumlah subsidi ini iaitu apa yang dikatakan kerugian dalam tidak mendapat cukai yang dapat digunakan sebagai pembiayaan untuk pembangunan negara. Bolehkah kita anggap ini sebagai subsidi yang sebenarnya harus kita hapuskan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju sekali dari segi terminologi yang digunakan itu. Subsidi dalam erti kata kepada orang yang kaya. Subsidi ini bukannya satu subsidi yang kecil jumlahnya. Bukan hanya seperti wang ihsan RM200 hendak hari raya dan sebagainya. Ini berjuta-juta ringgit. Apa yang menyedihkan lagi barang-barang yang dikeluarkan ini dieksportkan ke luar negara. Oleh kerana dia mengatakan bahawa di luar negara itu harganya lebih baik daripada harga yang dikawal oleh kerajaan. Disebabkan itu, maka mereka lebih suka mengeksport dengan melarikan barang-barang ini ke luar negara. Kita bandingkan harga-harga di Malaysia dengan di Indonesia, Thailand ataupun di Singapura.

■1540

Mengapakah di Singapura harga bahan api begitu mahal, masih lagi boleh mengeluarkan barang ini dengan lebih murah daripada di Malaysia? Mengapakah perkara ini masih lagi diberi satu *protectionism* dengan izin, dengan begitu lama kepada sesebuah syarikat? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tadi bahawa kita perlu hentikan subsidi ini, supaya ianya lebih terbuka dan lebih telus dan boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa. Yang menakutkan seperti saya katakan tadi ialah, di dalam kerancangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, di dalam kerancangan kenaikan harga barang ini, jumlah orang yang betul-betul untung adalah *the middleman play the set* iaitu tiap-tiap satu projek ataupun bahan-bahan ini, 60% adalah dari kos binaan.

Daripada 60% tadi, jumlah barang ini sudah tentu akan meningkat dengan jauh, naiknya lebih tinggi dan akhirnya jumlah projek akan jadi berkurangan, ataupun ditambah dengan akta-akta, ataupun tambahan-tambahan pada masa-masa yang akan datang. Saya juga ingin menyentuh, berkait sama dengan caj ataupun khidmat 5%, servis caj, sekarang ini berleluasa di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bermakna saya cuba memahami hujah-hujah Yang Berhormat. Jika setelah 50 tahun dilindungi, kita masih belum dapat muncul sebagai dengan izin, *an efficient steel producer*. Adakah Yang Berhormat menyatakan, kalau 50 tahun sudah tidak boleh lagi jadi *efficient steel producer*, lagi 50 tahun pun tidak bolehlah, biarlah kita hentikan sahaja. Adakah itu hujah Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa, kalau ini diberi oleh kerajaan setelah 50 tahun dan untung begitu banyak, tetapi masih lagi ingin mengaut keuntungan ini. Ia bukan tidak menjadi efisien tetapi terlalu gelojoh dan haloba untuk mengaut keuntungan di dalam kerancangan perbelanjaan kerajaan ini. Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lihat, begitu rancak perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilakukan. Daripada sini kita melihat semenjak setahun yang lepas, pengeluar-pengeluar ini begitu ghairah untuk melihat, mengambil keuntungan dan ini satu..., sebab ada lima orang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Lima pengeluar sahaja di dalam Malaysia ini, tidak ramai dan dia sudah mengumpulkan suatu katel. Saya pernah dipanggil oleh mereka supaya tidak menyuarakan hal-hal ini di peringkat umum dan diberi kepada saya sesuatu imbuhan-imbuhan yang lebih, supaya tidak menyuarakan kepada kerajaan, kepada rakyat betapa susahnyanya sekarang ini di peringkat bawah untuk mendapatkan barang-barang ini, dia *control*.

Biar saya pergi dengan lebih mikro sedikit Tuan Yang di-Pertua, iaitu contohnya, sesuatu bangunan itu memerlukan besi yang saiznya berbeza-beza. Ada yang 32mm, ada yang 25mm, ada yang 10mm. Jadi tiap-tiap pembekal ini hanya memberi satu saiz sahaja. Kita kena panggil dua, tiga, empat pembekal untuk menjadikan sesuatu tiang itu. Sesuatu tiang itu memerlukan satu jenis yang paling mustahak sekali ialah untuk meningkatkan link, kita panggil dia dalam erti kata link dengan izin, besi yang kecil untuk dalam saiznya 6mm untuk mengikat besi-besi yang lain. Besi ini tidak

dibekalkan jadi kesemua besi yang di *supply* akan jadi terhenti kerja-kerja ini. Apabila satu hari sahaja terhenti kerja ini, maka banyak pekerja-pekerja yang lain, kita akan menanggung kerugian.

Yang pertama sekali pekerja, yang kedua simen, yang ketiga *formwork* dan sebagainya terhenti, bayar saja-saja pada hari itu. Jadi oleh yang demikian kita sebagai penentu terpaksa hendak tidak hendak beli dengan harga yang begitu mahal. Terpaksa dibeli secara paksaan, membeli dengan harga yang begitu mahal, luar daripada kawalan kerajaan. Oleh sebab kalau tidak beli, kita akan mengalami kerugian yang amat besar lagi. Begitu juga dari segi hal simen, simen ini tidak banyak...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa kemusykilan yang ingin saya dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, iaitu dalam sektor pembangunan, terdapat penggunaan besi. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan, apakah peratusan jenis besi yang dikeluarkan di sini, yang harus digunakan dalam pembangunan, dan apa pula jenis yang harus diimport, yang tidak dikeluarkan oleh mereka-mereka yang mengeluarkan ataupun *manufacture steel* di sini?

Keduanya Yang Berhormat, adakah besi yang dimaksudkan tadi yang untuk *link case* tadi itu adalah sesuatu *shortage* ataupun kekurangannya itu, sengaja diadakan supaya harga itu dapat dijual dengan harga yang tinggi.

Ketiganya, kalaulah begini keadaannya, adakah dalam pandangan Yang Berhormat, besi yang diimport itu jauh lebih rendah daripada besi yang kita peroleh daripada pengeluar-pengeluar kita sendiri di sini? Setahu saya dalam pembacaan saya di merata-rata, satu daripada pengeluar besi yang terbesar, PERWAJA adalah dalam keadaan yang getir kedudukan *financing* nya, kedudukan kewangannya. Jadi di sini Yang Berhormat menyebut tentang pendapatan dan pulangan yang amat tinggi sekali yang diperoleh oleh mereka.

Saya tahu ada satu ketika dulu, mereka amatlah dalam keadaan yang getir. Jadi di sini saya agak keliru sedikit, dalam masa mana mereka dapat *revive* balik dengan izin, kedudukan mereka sehinggalah mereka menjadi satu pengeluar yang begitu berjaya sekali. Setahu saya dalam dunia ini, *steel* dengan izin, *the steel industry is a sunset industry*. Jadi di mana-mana sekalipun di dunia ini, pengeluaran besi itu adalah sesuatu yang sukar dilakukan oleh nasional, di negara-negara itu tanpa subsidi.

Jadi banyak daripada mereka memangnya memberi subsidi kepada pengeluar-pengeluar besi. Di negara China sekarang besi dikeluarkan dengan begitu banyak, begitu pesat sekali dan mereka mempunyai *economic of scale*, dengan izin, maka mereka dapat berdaya saing sebab penggunaan dalaman mereka itu adalah sesuatu yang dapat dimajukan dengan baik. Adakah umpamanya pengimportan besi daripada China, dapat membantu kita kalau kita ketepikan

pengeluar-pengeluar yang 10 tahun, 50 tahun masih tidak efisien lagi? Pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih. Yang sebenarnya panjang juga komen, tetapi saya rasa Yang Berhormat pun faham. Dari segi besi di Malaysia ini, kita kena import barang besi buruk ini ataupun sebagainya. Kita tidak import *iron rod*, kita kena import barang-barang ini, kita kena proses barang-barang ini dan keluar kepada pelet dan sebagainya. Jumlah yang digunakan oleh Malaysia ini lebih kurang kalau tidak silap saya dalam dua juta tan sahaja. Kapasiti yang boleh dikeluarkan oleh kilang-kilang ini hampir empat juta tan.

Kita hanya mengeluarkan untuk kegunaan kita, yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang ini dua juta tan. Kita hanya menggunakan lebih kurang 1.6 juta tan. Kapasiti mesin kilang ini boleh mengeluarkan empat juta tan. Lebihan 1.6 juta tan ini kepada 400,000 tan telah dieksport. Jadi pengimportan daripada barang-barang besi ini tidak ada, kecuali besi-besi yang bersaiz paip besar seperti '*ship pile*' dan sebagainya itu. Saya cakap besi keluli untuk bangunan-bangunan yang biasa sahaja.

■1550

Ini yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar kita dan kalau katakan *sunset industry*, saya tidak begitu yakin oleh kerana tiap-tiap tahun, syarikat ini mengeluarkan keuntungan dalam *audited account* nya, ratusan juta. Jadi kita tidak ada satu tahun pun menunjukkan mereka rugi kecuali PERWAJA. PERWAJA ini telah pun diambil alih oleh syarikat yang lain. Dulunya ada enam termasuk PERWAJA. PERWAJA telah diambil alih oleh satu syarikat namanya Anju. Syarikat ini telah menguasai PERWAJA dan PERWAJA sudah tiada lagi. Ini mengikut fahaman yang saya baca. So daripada enam sudah jadi lima, dan ini penguasaan sedikit demi sedikit dan inilah yang menakutkan. Akhirnya dia menguasai seluruh pasaran ini, seperti kalau di dunia ini syarikat Mittal yang menguasai keseluruhan besi ini di seluruh dunia.

Saya nak berganjak kepada simen juga...

Tuan Yang di-Pertua: Lakshmi, Laskhmi Mittal.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Syarikat Lakshmi Mittal.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya. Tuan Yang di-Pertua lebih mahir dari segi *pronunciation* itu.

Tuan Yang di-Pertua: Orang India.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, terima kasih. Dari segi simen ini juga, pengeluaran simen ini sama sahaja, dan akan meminta kepada kerajaan sebagaimana untuk menggunakan juga *Automatic Price Mechanism* (APM). Yang lebih anehnya di sini ialah di Malaysia ini syarikat Perancis yang menguasai simen ini iaitu lebih kurang 60% pengeluar simen itu iaitu Syarikat Lafarge, yang mengeluarkan simen ini di Malaysia dan *Eastern Malaysia*. Dia menguasai kos-kos pengeluaran ini

sehingga bahan keperluan simen ini kebanyakan 99% adalah bahan-bahan yang dapat dikeluarkan oleh negara kita sendiri, kecuali satu perkara kecil sahaja iaitu dalam 10% dia kena import barang ini untuk menjadikan simen itu lebih baik dan sebagainya, supaya mendapat satu standard di peringkat antarabangsa.

Jadi, dengan dapat mereka ini kontrol di Indonesia dan juga di Malaysia, Lafarge ini dan juga syarikat-syarikat yang lain yang hanya mengeluarkan lebih kurang simen mengeluarkan hanya 16% dan Tasek Cement dan sebagainya. Perak Anju pun telah dikuasai oleh syarikat-syarikat lain untuk mengurangkan dan dikuasai oleh syarikat-syarikat yang besar sahaja. Akhirnya mereka menaikkan kos ini, dan cara-cara menaikkan kos ini ialah supaya mereka ini membuat satu *shortage*, *artificial shortage* dengan izin, di peringkat *local market*. Inilah yang menakutkan kita, oleh kerana seperti yang saya katakan tadi kerana kerancakan Rancangan Malaysia Kesembilan diambil peluang ini untuk mengaut keuntungan tanpa segan silu lagi, tanpa melihat dari segi pihak kerajaan, dari segi pihak pengguna, dari segi pihak rakyat, hanya untuk mengaut keuntungan semata-mata tanpa melihat secara rasional.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua perkara untuk melengkapinya perbahasan Yang Berhormat tadi. Satu, kita jangan lupa sejarah kerajaan kita selaku pemerintah, pada suatu ketika dulu bercita-cita agar dapat dibina industri keluli dan industri simen yang mana kehadiran sektor awamnya kukuh, tetapi oleh kerana kegagalan PERWAJA dan beberapa syarikat simen, keadaan sudah jadi begini rupa. Kalau tidak disebut latar belakang itu, seolah-olah kerajaan membiarkan *market manipulation* begitu rupa, haruslah ditekankan bahawa ini kebetulan dengan aliran perkembangan ekonomi, dan ada faktor-faktor di luar daripada kuasa kerajaan mengawalinya dengan sepenuhnya. Silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mengatakan bahawa kerajaan mengabaikan tanggungjawab, tetapi perlulah diperkuatkan lagi khususnya dari segi apa yang telah diumumkan oleh kerajaan, penguatkuasaannya lebih ketat lagi. Saya telah meminta sebagai contoh, meminta pihak penguasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, menelefon meminta pesanan, *order* daripada pembekal-pembekal atau pengeluar ini. Masih mereka ini tidak dapat.

Kalau ianya pakai telefon yang biasa sebagai kita, tetapi kalau digunakan telefon daripada kementerian, ada, barang itu ada. Inilah salah satu usaha yang dibawa oleh kerajaan ialah dengan mewujudkan satu syarikat iaitu *one-stop-agency* yang telah diketuai oleh UEM di bawah nama Mavtrac Sdn. Bhd, yang akan menolong sedikit sebanyak pengguna-pengguna kepada bahan-bahan ini tapi apa yang telah diluluskan, yang telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini, yang menyedihkan juga ialah apabila kita membuat pesanan daripada Syarikat Mavtrac Sdn. Bhd. ini, mereka kata mereka tidak dapat membekalkan bahan-bahan ini kerana pembekal-pembekal yang lain tidak dapat membekalkan kepada mereka.

Jadi, inilah usaha kerajaan untuk membantu pengguna-pengguna ini juga dipermainkan dan diperbodohkan oleh pengeluar dan pembekal ini. Sebab itulah saya katakan mungkin pihak kerajaan perlu mempertingkatkan lagi penguatkuasaannya. Saya tidak mengatakan bahawa mereka abai tetapi mungkin terlalu luas bidang kementerian ini, bukan sahaja barang binaan tapi barang-barang yang lain juga seperti *essential food* dan produk pun perlu dijaga oleh mereka. Oleh kerana itu kakitangan untuk menjalankan tugas ini tidak mencukupi dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh kepada *service charge* 5% yang sekarang ini digunakan dengan banyak, iaitu 5% ini ialah dikenakan kepada pihak pengguna di tiap-tiap kedai sekarang ini. Di mana-mana kedai, kedai mamak dan kedai apa sekali kita makan, tiap-tiap kali kena *service charge*. Sekarang ini kepada profesional pun akan dikenakan *service charge*. Kepada mana-mana syarikat yang menggunakan profesional seperti arkitek, *engineer*, *surveyor* dan sebagainya kena *service charge* 5%. Yang menakutkan saya adakah betul-betul *service charge* ini dikutip oleh kerajaan dan cara manakah ianya perlu dikutip, oleh kerana tiap-tiap kali ianya kena di bayar oleh pengguna-pengguna tadi, dia tidak tahu adakah ini betul-betul dikutip oleh kerajaan, ataupun ianya hanyalah satu *service* sahaja tetapi, dimasukkan di bawah syarikat ataupun kedai itu sendiri.

Saya berganjak kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Tadi semasa Yang Berhormat Datuk Yaakob berucap, ada juga termasuk sedikit sebanyak iaitu berkait sama dengan satu usaha kerajaan yang begitu murni untuk menyalurkan air daripada Pahang ke Selangor. Ada dua pendapat di sini. Pendapat yang pertama ialah menyalurkan air daripada Sungai Pahang, melalui saluran air biasa tanpa membuat *tank*, ataupun, dengan izin, satu membuat tempat takungan air kerana ianya mengikut kajian, akan menyebabkan kemusnahan yang begitu besar seperti di Belum.

Pada hari ini keluar satu kenyataan di akhbar *Utusan Malaysia*, iaitu syarikat Jepun telah *qualified* di dalam *rebreeding*, dengan izin, iaitu berjumlah RM3 bilion. Kerja-kerja ini akan disalurkan dengan membina satu terowong daripada Belum ke Selangor yang perlu dikorek melalui Banjaran Titiwangsa sepanjang 44.5 kilometer. Sebagaimana yang dikatakan tadi juga, bahawa dua kali telah berlaku. Semalam berlaku sekali lagi iaitu gegaran di Banjaran Titiwangsa ini berskala 3.2 skala Richter akibat daripada gegaran-gegaran daripada Sumatera dan di tepi-tepi laut Barat Sumatera.

■1600

Ini sedikit sebanyak telah membawa negara ini kepada tunjang seperti yang telah disuarakan tadi kepada tanah air kita ini, iaitu Banjaran Titiwangsa, sedikit sebanyak telah turut sama terasa daripada gegaran-gegaran ini.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Datuk Haji Roslan Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melalui gegaran-gegaran ini, telah memberi satu pandangan daripada pakar-pakar, yang mana ia selain daripada akan memusnahkan sebahagian besar daripada takungan air, ia juga akan mengakibatkan Banjaran

Titiwangsa yang menjadi tunjang kepada kestabilan graviti menjadi lebih longgar dari segi kekuatan tanah, akibat daripada korekan yang akan dibuat oleh kerja-kerja ini.

Di dalam perkara ini juga, saya telah menyentuh bahawa jumlah kerja yang begitu besar, yang disyaratkan dengan begitu ketat sehingga tidak ada syarikat daripada Malaysia yang dapat menyertai sama. Perkara ini berlaku dua, tiga, empat tahun yang lepas, di bawah syarikat yang sama dan pinjaman yang sama, iaitu 'DVID' yang mana telah membuat satu kerja di Selangor iaitu membaiki sungai-sungai juga tidak dapat disertai oleh syarikat-syarikat tempatan oleh sebab, spesifikasi-spesifikasi yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini agak tidak ada barang-barangnya di Malaysia. Sudah tentu ia menjadi satu kerugian yang besar kepada kerajaan kerana jumlah yang begitu banyak tidak dapat disertai bersama oleh syarikat-syarikat tempatan. Saya rasa tidak perlu berlanjutan kerana sebahagian telah pun bahaskan pada sebelah pagi tadi.

Saya beralih kepada Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan, di mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberi satu gambaran yang agak menakutkan iaitu khususnya kepada hospital-hospital swasta yang telah mengenakan caj yang begitu tinggi, yang tidak munasabah dari segi kos-kos kesihatan ini. Kita tahu bahawa kos kesihatan akan terus meningkat dan ia akan terus meningkat oleh sebab perjumpaan-perjumpaan *research* yang baru, maka sudah tentu tahap kesihatan ini akan terus meningkat dari setahun ke setahun dan lanjutan daripada itu ia akan dipindahkan kos ini kepada pengguna.

Sebagaimana tahun lepas, kalau tidak silap saya setahun setengah atau pun setahun yang lepas, satu *session*, satu penerangan yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan untuk meluluskan satu skim insurans, yang mana sekarang ini masih lagi menjadi tanda tanya, bilakah skim insurans ini akan dikuatkuasakan? Oleh sebab saya berpendapat bahawa tahun-tahun yang ke hadapan ini, rakyat kita tidak mampu lagi untuk membayar kos-kos perubatan melainkan dengan satu sistem yang rapi, untuk memperlihatkan bahawa kos-kos rawatan ini dapat dirasai sama rata oleh rakyat kita ini.

Kalau kita lihat kos-kos perubatan ini amatlah begitu tinggi dan saya jangka juga ini merupakan satu perniagaan, bukan lagi satu rawatan kepada pesakit-pesakit. Saya berharap pihak kerajaan akan terus mengawasi hospital-hospital swasta supaya tidak menjadi satu *exorbitant* punya harga dengan izin, sehingga tidak mampu ditanggung oleh pihak pesakit itu sendiri.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya pohon laluan. Saya memang suka kalau kita bercakap tentang *health care*, sektor kesihatan. Apa yang kita sedari oleh kementerian dalam surat khabar semalam bahawa, warganegara Malaysia ini dikenakan caj yang amat tinggi oleh hospital-hospital swasta. Yang Berhormat tadi menyebut tentang skim insurans yang akan di perkenalkan kepada kita, dan saya mengharapkan bahawa skim insurans ini tidak akan menyentuh hospital-hospital kerajaan, oleh sebab seperti mana yang kita tahu di negara Amerika Syarikat, di negara Barat, skim insurans telah pun diperkenalkan begitu lama, dan kita dapati bahawa mereka yang

miskin, yang tidak berkemampuan, yang tidak mempunyai insurans tidak akan mendapat layanan walaupun dalam keadaan *emergency*.

Jadi ini akan menyukarkan lagi rakyat yang ramai masih miskin di negara kita, oleh sebab tiadanya insurans yang mereka langgan, maka kalau berlaku sesuatu ketika *emergency*, ataupun mereka terpaksa ke hospital dengan sesuatu penyakit yang teruk umpamanya, mereka tidak akan dapat dilayani. Adakah kita sudah bersedia untuk menerima skim insurans dalam sektor kesihatan kita, ataupun kita harus mempunyai pendekatan yang selektif untuk mereka yang tidak berkemampuan dan mereka yang berkemampuan, oleh sebab untuk pergi ke hospital-hospital, rumah sakit yang mahal ini ialah mereka yang berkemampuan. Kadangkala kita rasa runsing sebab hospital mengenakan caj yang amat tinggi, tetapi mereka ini tidak hirau oleh sebab mereka mendapat sesuatu perkhidmatan yang baik. Jadi dari itu juga, adakah Senator bersetuju dengan saya, supaya kita memperluaskan lagi hospital atau pun rumah sakit kerajaan yang kini agaknya padat untuk menerima lebih ramai pesakit. Kalau ini diadakan maka kita dapatlah mendekatkan jurang perbezaan antara mereka yang mampu dan mereka yang tidak mampu, untuk mendapat perkhidmatan yang baik sebagai warganegara Malaysia. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu satu pandangan yang jauh, yang baik, yang perlu kita lihat di dalam kita melaksanakan skim insurans ini. Saya percaya, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab akan terus membantu kepada mereka-mereka yang tidak mampu, dan ini menjadi salah satu manifesto dan tanggungjawab kerajaan, untuk memberi satu rawatan yang setimpal dan saksama kepada orang-orang yang mampu dalam hospital-hospital kerajaan.

Yang menakutkan ialah, yang kita tinjau pada masa hadapan, yang kita kena mulakan sedikit sebanyak secara selektif seperti yang dikatakan tadi kepada mereka yang mampu membeli insurans ini buat permulaan, supaya pada masa-masa akan datang ramai yang mampu itu menjadi tidak mampu. Oleh sebab penyakit ini kalau demam itu sahaja tidak mengapa, datang penyakit yang tidak dapat kita ramalkan apakah penyakit seperti kanser yang memerlukan banyak rawatan-rawatan susulan yang tidak mampu ditanggung oleh mereka yang berpendapatan kecil.

Ia tertumpu pada hospital-hospital kerajaan yang mana juga khidmatnya mungkin tidak setimpal dengan swasta, oleh sebab itulah maka mereka yang mampu menuju kepada yang lebih memberi khidmat yang lebih efisien, ataupun ubatan yang lebih mahal dan sebagainya. Kalau kita *stationary* atau pun duduk tidak berganjak daripada apa yang ada ini, akhirnya tanggungan-tanggungan ini akan ditanggung oleh kerajaan keseluruhannya. Maka sudah tentu ia menjadi satu perbelanjaan yang begitu besar di masa akan datang.

Saya percaya dan yakin di bawah kementerian ini, ia mampu untuk memberi satu tinjauan yang jauh untuk memperlihatkan bahawa yang penting di sini ialah memberi khidmat rawatan yang setimpal dan saksama, kepada seluruh rakyat Malaysia.

■1610

Tidak mengira kaum, tidak mengira agama, tidak mengira bangsa dan sebagainya, sama ada mampu ataupun tidak mampu.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan. Terima kasih, Yang Berhormat Senator dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pada masa ini ada banyak juga syarikat-syarikat insurans yang menawarkan *medical insurance* kepada mereka yang mampu. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah tadi bahawa mereka yang mampu bolehlah membeli insurans-insurans yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans ini. Kebimbangan kita adalah bagi masyarakat yang tidak mampu. Oleh itu, adakah Yang Berhormat Senator bersetuju sekiranya saya cadangkan bahawa kerajaan perlu mem *formulate* satu mekanisme, di mana semua rakyat Malaysia yang bekerja perlu mencarum kepada sesuatu insurans seperti KWSP supaya sekiranya ada kes-kes seperti sakit, insurans ini boleh menanggung bayaran hospital walaupun di hospital swasta.

Satu lagi perkara berkaitan dengan *medical insurance* yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans itu tidak meliputi, *cover* semua jenis penyakit. Yang Berhormat Menteri sendiri bimbang mengenai perkara ini. Adakah sudah sampai masanya bahawa syarikat-syarikat insurans yang menawarkan *medical insurance* ini supaya meliputi semua jenis penyakit. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa yang saya katakan tadi kepada yang tidak mampu, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberi satu rawatan yang saksama kepada seluruh rakyat Malaysia ini.

Saya juga bersetuju bahawa insurans ini juga kadangkala *too much*, dengan izin, iaitu melihat keuntungan jauh lebih penting sebab dia memilih klien. Orang yang sudah sakit dia tidak mahu jadi pencarum kepada syarikatnya. Jadi, inilah yang perlu dikaji oleh Kementerian Kesihatan ini supaya meliputi kesemuanya sekali. Kalau boleh, kita masukkan ke dalam syarat itu tidak mengira apa sakitnya. Siapa yang hendak sakit? Tidak ada pun rakyat dan kita sendiri yang hendak sakit. Jadi mestilah termasuk semua jenis penyakit, tidak boleh pilih kalau orang sakit ini tidak mahu, ada *clause* yang mana tidak terbaca oleh pembeli insurans ini semua dimasukkan *clause* ini. Apabila kita kena sahaja sakit itu, dia kata *clause* ini tidak ada, *clause* ini tidak ada. Biarlah kita masukkan keseluruhan penyakit. Siapa yang hendak sakit? Mustahil. Orang yang ada dalam Dewan yang mulia ini pun semuanya berdoa semoga kesihatan dia baik, umur yang panjang dan sebagainya. Lagi panjang umur, lagi banyak insurans yang kita akan bayar kepada mereka ini.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, insurans ini macam bank juga. Dia beri bantuan bila kita tidak perlu bantuan. Bila kita perlukan bantuan, masa itulah dia tidak mahu bantu kita. Masa hujan kita perlukan payung atau *umbrella*, dia tidak bagi, masa tidak hujan dia hendak bagi payung. Macam itulah juga insurans ini. Sekarang ini, apa juga jenis

insurans kalau yang 55 tahun ke atas dia sudah tidak mahu bagi insurans, tetapi yang 55 tahun ke atas itulah yang banyak penyakit. Jatuh sikit pun patah tangan, macam saya ini.

Lagi satu, kita harus prihatin, kalau ada jenis insurans - memang kita belum ada lagi Akta Insurans, tetapi dalam keprihatinan kita menjangkau ke masa hadapan yang akan menyentuh kita ini, kita harus prihatin bahawa terlalu banyak *scam* dalam insurans. Di Amerika Syarikat, di Eropah memang ini jelas ketara mereka beli doktor. Pembelian doktor. Kalau ada politik wang, ini ada politik *medicine*. Dia biaya doktor itu. Macam saya umpamanya, saya pergi jumpa doktor itu ada insurans, tetapi doktor kata tidak ada apa-apa yang patah. Sakit, lengan sakit. Patah - rasanya patah, tetapi doktor akan kata tidak ada apa-apa masalah, *cannot claims the insurans*. Ini banyak berlaku di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat umpamanya. Terlalu sangat.

Jadi, saya rasakan kalaulah kita ada skim insurans untuk sektor kesihatan ini kita harus beri perhatian yang amat mendalam dalam aspek-aspek ini. Ini yang berumur 55 tahun ke atas memang pihak insurans tidak mahu bagi, ini yang susah. Yang muda-muda tidak banyak sakit pun, yang tua berumur 55 tahun ke atas ini yang banyak penyakit tetapi dia kata, *exclusion*, dengan izin. Macam mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa insurans ini memang banyak *scam*. Yang berlaku di sini pun ada di sebaliknya, iaitu pesakit ini beli pula doktor supaya dapat *claim* daripada insurans. Tidak sakit pergi kepada doktor, doktor kata dia sakit dan bayar kepada doktor, doktor pun kata dia sakit, dapat *claim* insurans. Ini berlaku juga. Jadi *vice versa* itu berlaku.

Kita tidak boleh lari daripada pokoknya, yang sebenarnya untuk memupuk satu masyarakat di Malaysia ini pada 50 tahun yang akan datang, 100 tahun yang akan datang satu masyarakat yang sihat, yang boleh mengetahui apa yang baik untuk kesihatan. Itu yang pokoknya dari segi kepandaian dan *maneuvers* oleh pembeli insurans ataupun insurans itu sendiri ataupun doktor itu nampak baik, tetapi dasarnya kerajaan kena membentuk satu formula untuk masa akan datang supaya kesaksamaan menerima rawatan ini mesti tidak mengenal bangsa, agama ataupun apa sekalipun. Itu pokoknya yang saya hendak perelaskan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia ini, pada hari yang pertama iaitu pada 3 hari bulan baru-baru ini telah pun diberi satu penerangan yang begitu banyak. Yang kita lihat kini jumlah pekerja-pekerja asing begitu ramai sekarang. Ia tidak mengira daripada negara-negara mana, tetapi biasanya datang daripada Bangladesh, Indonesia, Myanmar, India, Vietnam dan sebagainya. Jumlah ini mengikut kajian, saya tidak tahu berapa.

Di Lembah Klang sahaja mengikut andaian saya tidak kurang daripada 2.5 juta. Ini mungkin yang berdaftar, yang tidak berdaftar mungkin sama jumlahnya menjadikan hampir-hampir 5 juta. Kalau ia 5 juta, jumlah pendatang asing ataupun PATI ini menjadikan iaitu hampir-hampir 20%

daripada jumlah rakyat Malaysia. Ini merupakan satu bebanan kepada negara kita dan juga satu bebanan kepada sosial kita iaitu satu impak yang tidak begitu baik.

Kalau kita lihat dari segi menjual surat khabar di *stalls* sekarang datangnya dari pekerja asing. Kalau kita lihat di stesen-stesen minyak ialah pekerja asing yang membuka tangki minyak kita dan sebagainya. Kalau kita lihat dari segi kondominium-kondominium di Kuala Lumpur ini semua sekali tidak ada lagi. Lima tahun dahulu ada juga bekas-bekas pesara, perajurit dan sebagainya sekarang ini satu pun tidak ada. Kita lihat semuanya datang daripada Nepal dan sebagainya yang sudah pandai berbahasa Malaysia - bahasa Melayu dan sebagainya. Kalau kita lihat di kedai-kedai makan, di kedai makan India mahupun kedai makan Melayu pun sekarang ini dikuasai oleh pelayan-pelayan pekerja asing.

■1620

Kalau kita lihat dari segi jualan di kaki-kaki lima pun dikuasai oleh orang-orang atau pekerja-pekerja PATI ini. Kalau dilihat di Bukit Bintang itu, di *Bintang Walk* itu, di sebelah sini ramai. Semasa bulan Ramadan baru-baru ini, kita lihat ramai, jualan-jualan ini datang daripada orang-orang asing daripada Malaysia dan juga sekarang ini sampai ke tukang gunting pun pekerja-pekerja asing.

Saya tanya, "*Mari daripada mana? Mari daripada India. Datang bekerja dengan siapa tauke? Taukenya orang Malaysia*". Ini menunjukkan bahawa mungkin andaian bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini Malaysia ini merupakan satu syurga dunia yang mana kesemua rakyat di seluruh Asia ini begitu mahu datang ke Malaysia.

Nasib baik Malaysia ini tidak jatuh dekat-dekat Mexico ataupun South America. Kalau Malaysia ini jatuh dekat itu, mungkin juga ramai dari sana datang ke Malaysia ini. Syukur, alhamdulillah, setakat ini sahaja mungkin kita dapat melihat, tetapi akibat daripada ini, kalau kita lihat tenaga kerja kita ini diganti oleh pekerja-pekerja asing. Manakah letaknya belia yang ada? Manakah letaknya perancangan-perancangan kementerian ini untuk melatih? Mungkin dia melatih tetapi jumlah yang balik semula ke dalam industri ini, dia latih 100 orang, mungkin hanya 10 orang sahaja yang betul-betul *involve* balik dalam industri ini.

Saya mengatakan ini oleh kerana di dalam bajet kerajaan yang telah dibacakan dahulu, salah satu kehendak kerajaan ialah untuk melatih 40 ribu pekerja-pekerja tempatan di dalam bidang industri pembinaan. Saya tidak nampak boleh ianya dilakukan dengan begitu sahaja tanpa ada rancangan. 40 ribu dalam masa satu tahun jadi satu angka yang begitu besar dan memerlukan satu perancangan yang begitu rapi. Oleh kerana kita hendak latih 40 ribu orang, kita latih mungkin hampir-hampir 200 ribu sebab jumlah yang akan menyertai kembali dalam industri yang dilatih itu mungkin berkurangan ataupun berkurang, mungkin 50% sahaja atau 30% sahaja.

Jadi inilah yang menakutkan apabila ianya tidak diisi dengan cepat dan sempurna. Salah satu perkara yang kita perlu ramalkan juga ialah dari segi *age factor* iaitu sebahagian besar daripada pekerja-pekerja ini dalam apa-apa bidang sekalipun, bidang pembinaan, bidang perladangan, bidang

perniagaan, ianya meningkat daripada setahun ke setahun. Yang dahulunya dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama dahulu dalam tahun 60-an, mungkin sekarang ini 40 tahun sudah. Semasa dahulu dia berkecimpung dalam industri ini, sekarang ini mungkin anak dan cucu mereka yang mengambil alih dari segi industri ini.

Minat untuk mengambil alih ini mengikut kajian, tidak begitu ramai *successful*, tidak begitu berjaya. Kalau kita lihat syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan pada tahun 80-an di bawah Rancangan Malaysia ataupun DEB dalam tahun 70-an, jumlah yang mengambil alih syarikat ini daripada ayahnya hanya tidak lebih daripada 10%. Dalam erti kata kita hanya mempunyai *one generation company* iaitu dalam masa 25 tahun sahaja syarikat itu berjaya tetapi selepas 25 tahun syarikat ini tidak diberi alih kepada anak mereka ini.

Oleh yang demikian, di dalam industri dari segi kemahiran tenaga pekerja ini juga perlu diberi tunjuk ajar supaya mereka ini dapat mengambil alih kepada mereka yang telah meningkat usia mereka ini. Sekarang ini ada satu *generation gap*, dengan izin, di mana belia-belia ini tidak mahu menyertai di dalam industri-industri yang perlukan kepada mereka. Jumlah kerja ini agak banyak tetapi tidak diambil peluang. Jadi soalan saya kepada kementerian ini, dan juga mungkin kepada Kementerian Belia dan Sukan, apakah perancangan kementerian ini supaya melihat belia-belia ini juga terus akan berkecimpung di dalam industri-industri yang diperlukan oleh negara? Tidak boleh kita terus bergantung harap kepada pekerja-pekerja asing yang akan sentiasa menjadi satu perkara yang tidak menentu pada masa-masa akan datang dari segi sosialnya, dari segi keselamatannya dan dari segi segala-galanya.

Jadi, itulah yang saya lihat bahawa dalam pendekatan kerajaan untuk meninggikan lagi, mempertingkatkan lagi modal insan ini, ini juga perlu dilihat bahawa keperluan ini amatlah diperlukan dalam masa 25 tahun yang akan datang, dalam masa 50 tahun yang akan datang apakah bidang-bidang yang diperlukan. Kita telah mengetahui bidang-bidang ini tetapi tidak dipercepatkan dari segi latihan-latihan yang diperlukan oleh negara kita ini.

Seterusnya saya pergi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini oleh kerana sentiasa memberi satu gambaran bahawa sejarah merupakan salah satu perkara yang penting dalam kita memupuk masyarakat kita di masa yang akan datang. Saya begitu bangga melihat kementerian ini telah menghasilkan sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin tadi, filem *Hati Malaya 1957* ini merupakan satu filem yang begitu menghayati, menjiwai di mana saya sendiri melihat filem ini dan ianya betul-betul sampai menitis air mata kita melihat pengorbanan-pengorbanan tatkala Almarhum Tuanku Abdul Rahman mahu pergi ke London tidak ada duit, terpaksa ianya menggadaikan rumahnya, diberikan oleh rakyat sendiri. Daripada filem itu menitis air mata kita macam mana barang-barang emas ini terus diberi kepada Tuanku untuk mencari, meminta daripada British satu permintaan iaitu kemerdekaan yang telah kita rasai sekarang ini 50 tahun yang lepas.

Saya mengambil kesempatan ini daripada Ahli-ahli Dewan untuk memberi satu kehormatan kepada Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan juga pejuang-pejuang yang lepas untuk seketika menghadihkan Al-Fatihah kepada orang-orang Islam dan bertafakur kepada mereka yang tidak beragama Islam – Al-Fatihah.

[Dewan bertafakur sejenak]

[Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator beragama Islam membaca Al-Fatihah]

Saya percaya hasil daripada filem ini, saya harap ianya dapat ditayangkan kepada seluruh rakyat Malaysia supaya mengetahui betapa sukarnya dan bijaknya pemimpin-pemimpin ketika dahulunya dapat memerdekakan negara kita ini tanpa tumpah darah sekalipun.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Luar Negeri yang ingin saya sentuh sedikit sebanyak. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri, khususnya menterinya yang begitu tegas yang baru-baru ini telah memberi satu amaran kepada negara-negara luar supaya tidak campur tangan di dalam hal ehwal apa yang berlaku di dalam negara kita ini, khususnya dalam kes Hindraf ini ada unsur-unsur daripada negara luar ingin mencampuri tangan cara-cara mana kita perlu mentadbirkan negara kita ini.

Kepada kementerian Luar Negeri, saya mengucapkan tahniah supaya gambaran ini bahawa kita betul-betul merdeka, tidak perlu kepada campur tangan orang lain di dalam hal-hal kita melaksanakan demokrasi kita, melaksanakan hal ehwal negara kita, mentadbirkan negara kita ini. Kita sanggup berdepan dengan apa sahaja dan apa yang telah disuarakan oleh orang-orang ini seperti Bersih, seperti Hindraf dan sebagainya. Kita sanggup menempuh apa sekalipun dan kita pun sama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentang unsur-unsur yang tidak baik ini, unsur-unsur negatif ini untuk menjadikan negara kita pada masa-masa akan datang, satu negara yang dirahmati oleh Allah S.W.T. dan juga yang ditakuti oleh negara-negara lain.

■1630

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian ini juga dalam kes Batu Putih dan juga kes Middle Rocks yang telah pun kita lihat dalam akhbar, kita lihat dalam televisyen cara-cara peguam-peguam kita yang telah menghujahkan, saya percaya dalam empat bulan akan datang ia akan memberi satu keputusan, mungkin kita menang, mungkin kita kalah, itu terserah kepada 16 hakim yang ada.

Apa yang lebih penting di sini ialah kita, saya ingin memberi ucapan tahniah kepada kumpulan ini yang telah menyediakan satu hujah yang begitu baik yang pada satu ketika dahulu kalau kita lihat mungkin tidak ada pandangan-pandangan untuk menang. Namun keyakinan itu makin bertambah dengan hujah yang telah diberi oleh mereka ini di mana kes Batu Putih ini dan kes Middle Rocks ini, insya-Allah dengan doa kita, dengan kesungguhan kita ia akan memberi satu kemenangan di masa yang akan datang apabila ia diumumkan nanti.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Heng Seai Kie.

4.32 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti senarai perbelanjaan tambahan yang melibatkan jumlah yang begitu besar iaitu yang melebihi RM9 bilion ini, apa yang menjadi pertanyaan ialah selain daripada Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang hanya terlebih belanja sebanyak RM10 iaitu mengikut perkara B.11, nampaknya sebilangan besar kementerian-kementerian lain telah pun terlebih belanja melebihi jumlah jutaan dan ada yang berjumlah bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang faham bahawa tambahan bekalan adalah memadai dan munasabah jika ia adalah untuk membiayai yang berikut seperti emolument berikutan semakan gaji dan COLA tahun 2007. Kedua, kos penubuhan jabatan baru berikutan kelulusan Rang Undang-undang baru ataupun bencana-bencana alam ataupun peristiwa-peristiwa luar jangkaan.

Akan tetapi setelah diteliti didapati bahawa daripada 28 kementerian kerajaan hanya enam buah kementerian dan empat jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri sahaja yang terlebih belanja atas sebab-sebab yang disebutkan tadi iaitu mengikut perkara B.1, B.5, B.8, B.9, B.13, B.20, B.25, B.30, B.31 dan B.61. Sebanyak 22 buah kementerian daripadanya iaitu melebihi 78.5% telah pun membuat perbelanjaan pengurusan tambahan untuk tujuan ataupun program-program lain yang sepatutnya dapat dirancang ataupun boleh diambil kira terlebih awal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada perbelanjaan pengurusan tambahan yang berjumlah RM9 bilion itu, didapati bahawa kurang daripada 1/3 daripadanya iaitu hanya RM323,593,000 sahaja yang merupakan pembiayaan emolument berikutan semakan gaji dan COLA 2007. Manakala lebih daripada 2/3 iaitu lebih daripada 60% lagi adalah untuk tujuan lain yang saya percaya boleh dirancang dan dimasukkan kira dalam Bajet terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, amalan seperti ini yang telah pun berlarutan setiap tahun mengikut Laporan Ekonomi 2007 dan 2008 adalah amat tidak menyenangkan. Ini kerana setiap tahun kita berikan masa kepada setiap kementerian untuk sediakan bajet masing-masing berdasarkan aktiviti yang dirancang dengan bantuan pasukan akauntan bertauliah masing-masing.

Oleh itu, pada pendapat saya jumlah perbelanjaan pengurusan sebenar seharusnya kalau tidak dapat benar-benar menepati jumlah bajet, setidak-tidaknya jurang perbezaannya janganlah terlalu besar. Jika tidak ia akan memberi gambaran seolah-olah bajet kita tidak disediakan dengan teliti dan ini akan menjejaskan akauntabiliti kementerian kerajaan yang berkenaan, iaitu seolah-olah kementerian kerajaan tidak membuat perancangan yang terperinci semasa menyediakan bajet ataupun yang lebih serius lagi ialah seolah-olah pegawai-pegawai kerajaan kita telah tidak membuat

perbelanjaan mengikut aktiviti yang dirancang ataupun tidak mengikut jumlah peruntukan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, situasi ini adalah tidak sihat dan harus dibetulkan segera, terutama sekali semasa kita sedang berusaha memupuk budaya berjimat cermat dan amalan berbelanja secara berhemah di kalangan generasi muda kita dalam menangani masalah hutang kad kredit mereka. Sehubungan dengan itu, bagi meyakinkan rakyat jelata dan demi untuk menghapuskan kesangsian mereka dalam hal ini berikutan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini maka saya dengan ini mencadangkan agar Ketua Audit Negara dan jabatannya yang sebelum ini mungkin hanya telah membuat pemeriksaan audit ke atas beberapa kementerian tertentu yang dipilih secara rambang supaya setiap tahun pemeriksaan audit ini dibuat ke atas semua kementerian kerajaan, terutamanya yang telah terlebih belanja daripada bajet yang telah ditetapkan. Ini adalah penting supaya kita dapat membuktikan kepada rakyat jelata bahawa apa yang berlaku di Kementerian Belia dan Sukan adalah sesuatu yang luar biasa dan tidak berlaku di kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting bagi memastikan wujudnya satu sistem pemantauan yang cekap dan lebih menyeluruh ke atas perbelanjaan pengurusan negara demi mencegah penyelewengan di samping mengelakkan pembaziran ke arah memantapkan satu sistem pengurusan sumber kewangan awam yang cekap, bersih dan amanah. Dengan itu, semoga kerajaan kita sendiri boleh menjadi teladan kepada rakyat jelata terutamanya anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada perkara B.48 – Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kerajaan kita ialah sebuah kerajaan yang prihatin dan bersifat penyayang. Isu kemiskinan merupakan satu masalah yang merentasi kaum agama dan kawasan.

Oleh itu, demi memastikan supaya segala maklumat-maklumat tentang polisi-polisi kebajikan kerajaan disampaikan kepada golongan sasaran yang secara puratanya mereka merupakan yang kurang upaya, rendah tahap pendidikan, terhad dari segi kemahiran berkomunikasi dengan majoriti mungkin hanya boleh bertutur dalam satu-satunya bahasa ibunda mereka sendiri.

■ 1640

Demi memastikan pencapaian hasrat kerajaan supaya segala bantuan yang disediakan dapat disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya, maka dengan itu saya mencadangkan agar Jabatan Kebajikan Masyarakat yang selama ini berperanan sebagai pembela yang menghulurkan bantuan kepada orang miskin, OKU dan mereka-mereka yang bernasib malang ini, supaya mengambil langkah untuk mengimbangi kadar nisbah pasukan pegawai dan kaunselornya supaya lebih berciri *multiracial* dan, dengan izin, *multilingual*.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan agar bangunan JKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat ditempatkan di lokasi-lokasi yang lebih strategik, mudah dikunjungi ramai dan struktur bangunannya haruslah mesra OKU dan lebih merasa rakyat dari segala aspek.

Tuan Yang di-Pertua, yang silap kita sama-sama betulkan, yang baik kita juga patut berikan pujian. Dalam pada itu, saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana melalui program *Smart Start* yang dipimpin oleh Yang Berhormat Datin Paduka Chew Mei Fun telah berjaya melaksanakan 150 kursus pra perkahwinan di seluruh negara sepanjang tahun 2007 ini. Kursus-kursus ini telah buat ulung kalinya diadakan dalam pelbagai bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Cina dan bahasa Sikh termasuklah risalah-risalah yang dicetak di dalam pelbagai bahasa. Walau bagaimanapun, demi meningkatkan keberkesanan program ini, saya mencadangkan agar bilangan dan kualiti fasilitator bagi program ini dipertingkatkan lagi.

Selain itu, saya juga ingin memuji tindakan bijak kementerian ini yang menempatkan *gender focal point* di setiap kementerian kerajaan untuk tujuan penyelarasan bagi memastikan supaya isu gender diambil kira semasa penggubalan dasar dan polisi di setiap kementerian kerajaan. Walau bagaimanapun, persoalan saya ialah apakah kriteria-kriteria pemilihan pegawai *gender focal point* ini yang ditempatkan di setiap kementerian ini. Adakah mereka ini terlatih, mahir serta benar-benar memahami misi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang isu-isu yang berikut:

- (i) perkembangan tentang program *mamogram* yang telah dijalankan;
- (ii) memandangkan ancaman barah pengkal rahim yang semakin berleluasa di kalangan kaum wanita yang nampaknya sama serius dengan barah payu dara, saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk melancarkan program pemeriksaan *pap smear* secara menyeluruh seperti mana yang dijalankan dengan program *mamogram*;
- (iii) apakah pandangan kementerian tentang aktiviti amal beberapa pertubuhan agama yang telah mengedarkan makanan secara terbuka kepada para pengemis-pengemis yang berkeliaran di kawasan bandar; dan
- (iv) berhubung dengan kes-kes liwat kanak-kanak yang berlaku di pusat-pusat jagaan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Selain itu saya juga ingin mencadangkan agar jabatan-jabatan dan jawatan yang bertindih antara kementerian-kementerian kerajaan dirombak semula, diselaraskan dan disatukan demi mengelakkan pembaziran di samping mencegah berlakunya kekeliruan di kalangan orang ramai.

Umpamanya wujudnya jawatan pendamai perkahwinan yang sama di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa pemegang-pemegang kad OKU yang telah pun berdaftar dengan JKM telah diminta untuk mendaftar semula dengan RapidKL dalam permohonan tiket percuma mereka. Persoalannya ialah mengapakah pula perlu didaftarkan semula? Ini bukan sahaja membazirkan masa dan juga tenaga. Bukankah sudah ada kad OKU. Adakah ini bermakna, bahawa RapidKL mempersoalkan kesahihan kad OKU JKM?

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan kata-kata itu, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2007. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Rawisandran.

4.47 ptg.

Tuan Rawisandran a/l Nayaranan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangkit dan mempertahankan masalah kaum India di negara ini terutamanya dalam kes Hindraf yang baru lepas ini. Mereka telah membuktikan bahawa parti politik seperti MIC tidak terlibat dalam demonstrasi yang dilakukan oleh sebilangan kecil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami telah mencapai kemerdekaan dan telah pun genap 50 tahun. Dalam jangka panjang ini, MIC telah pun bekerjasama dengan kerajaan yang sedia ada dalam segala masa apabila kita menghadapi masalah. Dalam beberapa pilihan raya apabila parti pemerintah menghadapi cabaran, kaum-kaum India di negara ini telah memberi sokongan padu dan sokongan penuh dan membuktikan kaum India ini akan terus bekerjasama dan juga bersama dengan kerajaan.

Selain itu, saya juga ingin berhujah dalam Rang Undang-undang Bekalan Tambahan atas B.41 Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, pelajaran merupakan satu asas yang perlu berada di semua kaum di dunia ini. Khususnya di negara ini kita mempunyai kebebasan memilih dan belajar di sekolah-sekolah yang sedia ada dijalankan oleh kerajaan sama ada sekolah Tamil ataupun sekolah kebangsaan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Pendidikan telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membantu meningkatkan taraf pendidikan di negara ini. Khususnya kepada sekolah-sekolah Tamil yang sedia ada di negara ini.

Saya ada dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pagi tadi mengenai peruntukan yang telah dibelanjakan untuk mengubah suai dan membina semula sekolah Tamil yang memerlukan bantuan daripada kerajaan. Namun dalam angka ini lebih daripada 545 sekolah Tamil yang sedia ada di negara ini, lebih kurang 76 sekolah telah pun dibina semula dan akan dibina pada tahun ini lebih daripada 27 sekolah Tamil yang berbantuan modal. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pelajaran.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun memberi jaminan dalam satu simposium yang telah pun diatitkan oleh MIC bahawa Yang Berhormat akan membantu meningkatkan lagi keadaan sekolah-sekolah Tamil yang perlu diubah suai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

▪ **1650**

Satu lagi jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat supaya mengadakan bentuk sekolah tadika di seluruh sekolah Tamil yang sedia ada di negara ini. Baru-baru ini lebih daripada sebahagian kecil sahaja sekolah-sekolah Tamil di negara ini mempunyai sekolah tadika. Saya memohon kerajaan supaya menyegerakan pembinaan sekolah tadika di semua sekolah Tamil yang sedia ada di negara ini. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga sedang menghulurkan bantuan kebajikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan berbentuk tambang sekolah dan sebagainya. Angka ini pada masa sekarang saya mendapat tahu bahawa ini tidak mencukupi. Kebanyakan penduduk India yang duduk di bandar, walaupun mereka berasal dari ladang-ladang dahulu, mereka bermastautin di bandar di kawasan-kawasan rumah murah, masih tidak sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan membayar tambang bas yang mahal.

Akan tetapi kerajaan sudah mengumumkan pelajaran percuma kepada semua rakyat negara ini, itu pun akan membantu mereka, tetapi dengan adanya bantuan yang sedemikian, saya percaya keciciran murid-murid yang tidak pergi ke sekolah akan berkurangan. Saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan B.43, mengenai program sewa rumah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana kebanyakan PBT di negara ini sedang berusaha mengenal pasti peserta untuk dapatkan bantuan melalui PBT masing-masing. Masalah yang timbul adalah apabila PBT menghantar permohonan ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan, sering kali permohonan ini ditolak dan tidak diberi jawapan yang cepat.

Ini mengakibatkan apabila pegawai PBT dan juga parti-parti politik menghubungi mereka yang memerlukan bantuan ini, kita tidak dapat memberi jawapan muktamad dalam masa yang singkat. Saya memohon kepada kementerian supaya segala permohonan yang disahkan oleh PBT ataupun daripada parti-parti politik diberi keutamaan sebab kita yang mewakili masyarakat, kita sentiasa bersama dengan masyarakat, kita faham kehendak mereka dengan jelas. Ketiga mengenai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dalam B.48.

Di sini saya ingin maklumkan kementerian memang ada dua cara memberi bantuan kepada warga kurang upaya. Satu bantuannya berasal daripada Kerajaan Pusat di bawah kementerian, satu lagi datang daripada kerajaan negeri. Biasanya kita menghadapi masalah apabila bantuan yang dapat daripada Kerajaan Pusat berbeza dengan bantuan yang diperolehi dari kerajaan negeri.

Saya tidak faham apakah sebabnya mengelirukan situasi ini. Apabila orang awam mohon bantuan ini, mereka memang tidak faham, mereka sentiasa berfikir kerajaan hanya membayar

separuh sahaja. Ada kadang-kadang saya mendapat maklumat dan juga aduan pegawai yang membayar bantuan-bantuan kepada warga yang memerlukan, mereka tidak bayar dengan lengkap. Ada tunggakan sampai dua bulan tiga bulan. Saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya mengkaji perkara ini, adakah aduan-aduan yang dibuat ini benar atau tidak. Banyak kes semasa perayaan seperti Hari Raya dan Deepavali saya dapat banyak panggilan daripada warga tua ini dan mengatakan bahawa mereka tidak mendapat bantuan. Jadi ini satu sebab mereka fikir ada penyelewengan berlaku di kalangan kakitangan-kakitangan kebajikan. Saya percaya perkara ini perlu dikaji dan diperiksa dengan lebih teliti adakah pegawai ini terlibat atas tuduhan seperti ini.

Dalam program warga tua ini, strategi berkenaan dengan Dasar Warga Tua Negara ialah meningkatkan kehormatan dan martabat diri warga tua dalam keluarga. Masyarakat dan negara memajukan potensi warga tua supaya mereka terus menyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat, menyediakan kemudahan-kemudahan sosial dan kesihatan bagi perlindungan dan penjagaan orang tua. Program bagi mewujudkan kesejahteraan warga tua ialah bantuan kewangan yang saya sebut tadi, nombor dua, pusat jagaan harian warga tua. Pusat jagaan warga tua ini saya ingin tahu, setakat ini ada hanya beberapa sahaja di negara ini tetapi ada banyak NGO yang sedang beroperasi pusat jagaan ini secara komersial. Jadi mereka ini menggunakan satu kaedah mengutip daripada warga tua ini untuk mereka berlindung di kawasan ini. Jadi saya percaya ini perlu dikaji semula, kita perlu tingkatkan kemudahan yang sedia ada di pusat jagaan warga tua ini.

Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2007.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Tuan M. Munusamy.

4.56 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya cuma ada dua, tiga perkara. Satu, berhubung dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum pada itu, boleh tidak saya tahu berapa lagi Ahli Yang Berhormat bercadang hendak cakap pada petang ini? Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna B.25. Kenaikan harga barangan di pasaran tempatan secara terus menerus akan membawa kesan yang paling besar kepada semua aspek kehidupan seluruh penduduk dalam negara kita. Baru-baru ini, kenaikan harga barangan menjadi isu yang hangat di kalangan masyarakat jelata. Lebih-lebih lagi kenaikan harga minyak dan bayaran elektrik dan sebagainya mungkin akan naik. Ini adalah kenyataan daripada Menteri Kewangan Kedua kita, mungkin akan dikaji semula dan kenaikan itu mungkin tidak akan dielakkan.

Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi mengehadkan kenaikan harga barangan. Walaupun kementerian telah berjaya menyekat harga barangan khususnya bagi *controlled items* sahaja, tetapi terdapat banyak juga lagi barang-barang terutamanya makanan seperti roti canai, teh tarik, nasi lemak, mi sup yang sangat digemari dan popular di kalangan semua penduduk di negara kita. Walaupun persatuan-persatuan pengusaha kedai-kedai makan ini seperti kedai-kedai yang menjual teh tarik, kedai-kedai yang menjual roti canai. Persatuan-persatuan mereka itu telah memberi jaminan bahawa harga makanan ini tidak akan dinaikkan tetapi terdapat juga harga-harga telah dinaikkan di kedai-kedai makan. Lebih-lebih lagi di kedai-kedai makan di pekan-pekan kecil, di bandar-bandar kecil.

■1700

Mungkin mereka tidak menjadi ahli-ahli persatuan itu. Saya difahamkan, dalam kerenaah kedai makan dan sebagainya, lebih daripada 90% pekedai-pekedai tidak menjadi ahli-ahli persatuan. Oleh itu ahli-ahli persatuan-persatuan ini tidak akan berjaya untuk mengawal harga barang-barang ini. Mungkin bersama ahli-ahli mereka, memang mereka boleh menjaga kenaikan harga tetapi merata tempat harga ini tidak akan boleh dikontrol.

Dalam hal ini, baru-baru ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melantik pemantau harga. Saya pun tidak tahu terminologi ataupun apa jawatan sebenar mereka, tetapi kementerian telah menghantar pegawai-pegawai di semua kawasan-kawasan Parlimen untuk memantau harga barangan di satu-satu tempat.

Saya tidak tahu, apa peranan mereka, belum tahu lagi. Saya dengar mereka ini baru dilantik, tetapi saya ingin tahu...

Dato' Wong Siong Hwee: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila.

Dato' Wong Siong Hwee: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Apa yang diadukan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan kenaikan harga makanan. Jadi saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah, contohnya kenaikan tepung gandum. Satu kilo gandum kenaikannya RM0.50 sen, mi mentah naik RM0.80 sekilo. Jadi kedai-kedai makan mengambil kesempatan. Mereka lebih suka barang-barang ini naik harga sebab mereka ambil kesempatan apabila gandum ataupun mi mentah ini naik RM0.80 sen, automatik harga-harga makanan, harga mi goreng atau mi rebus RM0.50 sen pinggan. Sekilo mi boleh goreng hingga lima atau enam pinggan. Bermakna satu kilo kenaikan itu adalah RM0.50 sen atau RM0.80 sen, maka mereka mendapat untung lagi lebih kurang RM2.50 sen.

Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat, apakah langkah-langkah yang dapat mengawal kenaikan harga makanan dan siapa yang patut mengawal kenaikan harga-harga barang? Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benarlah harga-harga mentah untuk menyiapkan barangan makanan-makanan ini naik, itulah sebabnya makanan-makanan yang disiapkan itu naik harga juga. Ada juga mereka kata kita tidak akan naik harga barang. Macam teh tarik katakan, teh tarik apabila mereka menyediakan teh tarik, dia pakai air, pakai susu, pakai gula. Apabila hendak naik harga dia kata okeylah kita tidak payah naik harga. Pada *board* dia kata, ini sahaja harga, harga sudah kontrol. Sekiranya apabila mereka *prepare*, sediakan teh tarik itu kurang sedikit gula, kurang sedikit susu, mungkin jadi murah tapi harganya, dia kata okey kita tidak naik harga, tapi apa yang dia jimat adalah bahan-bahan mentah yang digunakan untuk menyiapkan teh tarik atau apa-apa barangan.

Oleh itu apabila barang-barang mentah tetapi seperti tepung gandum yang disebutkan oleh Yang Berhormat naik harga, pekedai-pekedai itu tidak akan rugi. Mungkin mereka akan untung, memang untung kata Yang Berhormat. Oleh itu saya rasa perkara ini haruslah diawasi oleh kementerian. Kementerian perlu mengambil langkah-langkah...

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Yang Berhormat bercakap naik tepung gandum. Mi, teh tarik, roti canai. Yang dibuat dengan beras pun naik harga sedangkan harga beras tidak naik. Tose dulu RM0.80 sen sekarang naik RM1.50, itu macam mana pula Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Itulah, pekedai-pekedai itu ambil kesempatan. Katakan macam *rolling, snow ball*, dengan izin. Kalau satu saja dia *roll, roll, roll*, jadi besar. Masa dulu, masa kecil kita makan ais kepal, sikit saja air manis dituang, tapi jual juga RM0.10 sen. Sekarang tidak tahulah boleh dapat RM0.10 sen atau tidak.

Mereka ambil kesempatan. Apabila mereka ambil kesempatan, mangsa adalah rakyat biasa. Mereka juga selalu mengadu kerajaan tidak mengawasi, saya pun tidak tahu bagaimana kerajaan hendak awasi. Bukan senang kerajaan hendak awasi, kita mengaku, tetapi langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk melantik pemantau-pemantau di semua kawasan ingin saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana mereka telah melantik pegawai-pegawai ataupun orang-orang tertentu di semua kawasan supaya mereka boleh pergi mengawal ataupun memantau harga.

Saya hendak tahu apa tugas mereka? Adakah mereka diberi kuasa untuk mengambil tindakan, adakah mereka diberi kuasa untuk melaporkan, adakah mereka boleh terus mengambil tindakan, adakah mereka diberi peralatan ataupun latihan supaya mereka boleh tahu apakah harga yang sebenarnya dijual pada satu-satu produk?

Satu lagi yang saya selalu bimbang adalah keselamatan kepada pegawai-pegawai ini. Kita telah dengar banyak kes di mana pegawai-pegawai penguat kuasa dicabar, ditembak, ada sindiket pula. Apa keselamatan, bagaimana kementerian akan menjaga keselamatan? Mungkin pemantau-

pemantau ini sekiranya apabila mereka pergi melawat kawasan-kawasan, tengok kedai-kedai yang menaikkan harga, mereka melaporkan, mereka orang tempatan, mungkin mereka akan dicabar, mereka akan dihentam. Bagaimana pula sekuriti mereka, adakah kementerian memberi insurans kepada mereka? Apa perlindungan kepada mereka ini? Itu pun kita harus ambil kira.

Lagi satu bandar-bandar kecil, ataupun di pekan-pekan kecil. Banyak dan tiap-tiap hari kita lihat pasar malam. Di mana-mana tempat pun ada pasar malam dan apabila ada pasar malam, kita ada pihak penguat kuasa daripada PBT. Kerja mereka pergi jaga ikut sama ada peniaga ikut kawasan kah? Ada lesen kah? Itu saja. Harga siapa tahu?

Kadangkala pasar malam punya harga dia kata lebih mahal daripada *hypermarket*, orang kata *hypermarket* memang harga kontrol. *Hypermarket* memang boleh, dia beli dalam *bulk*, dia beli bertan-tan, boleh. Apabila kementerian memantau melalui pegawai-pegawai kementerian, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Exco-Exco di negeri-negeri mereka lawat ke *hypermarket*, kata harga berpatutan. Memang kita terima harga berpatutan.

Kalau semua pergi beli di *hypermarket*, apalah juga dengan pekedai-pekedai kecil? Mereka pekedai-pekedai kecil kata, kita tutup kedailah.

■1710

Ada juga polisi di sesetengah kerajaan negeri yang mengehendkan membuka *hypermarket* baru. Bagaimana kita nak mengatasi masalah-masalah ini? Oleh itu, saya memohonlah kepada pihak kementerian ini mengambil perkara ini sebagai satu serius. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian. Baru-baru ini mereka telah mengambil banyak langkah-langkah proaktif untuk kontrol harga-harga barangan. Namun apabila *market force* itu sangat kuat, terpaksa kita bertolak ansur sedikit, tetapi apabila kita bertolak ansur, mereka pula ambil kesempatan, ini pula akan *rolls* balik kepada rakyat jelata. Baru-baru ini apabila kita ada kenaikan gaji bagi kakitangan-kakitangan awam, lagi pula tambah harga.

Baru hari ini kita telah dengar daripada Timbalan Menteri Kewangan saya rasa, kita belanja RM40 bilion bagi harga subsidi minyak, kita tidak boleh *consistently* bagi subsidi. Memang kita bersetuju dengan pihak kerajaan bahawa subsidi itu dikategorikan, supaya subsidi hanya diberi kepada orang-orang yang kurang mampu. Orang-orang kaya sedikit, orang-orang mewah sedikit tidak payahlah minta subsidi banyak, atau bagaimana kerajaan akan melaksanakan program ini? Mungkin mereka sudah ada satu formula yang belum dikenalkan lagi, ada dua kategori, tiga kategori tidak tahulah macam mana kita nak buat. Kita nak tunggu dan lihat.

Namun itu adalah satu cadangan yang baik boleh diterima oleh rakyat, sebab rakyat yang kurang mampu, rakyat yang miskin, rakyat yang berpendapatan rendah boleh menerima subsidi, dan rakyat yang sedikit mewah menerima juga subsidi mungkin kurang subsidi, itu kita boleh terima. Itulah satu cara yang boleh kita atasi. Namun apabila kenaikan harga subsidi itu ditarik balik, mungkin lagi sekali harga-harga barangan akan naik, sudah tentu! Sebab apabila harga minyak naik, banyak

benda akan naik, mereka akan kata *transport cost* lah, barangan nak bawa *transport*. Harga bas ekspres akan naik, harga teksi akan naik, semua akan naik! Habis macam mana bagi mereka yang kerja di sektor-sektor awam? Apabila kita cadangkan gaji minimum ada juga banyak faktor-faktor yang penting perlu diambil kira. Itu pun pihak kementerian kata boleh bagi *stage* mengikut kategori. Apabila perkara-perkara ini berlaku kitalah jadi mangsa.

Oleh itu, kementerian perlu mengambil kira semua perkara-perkara ini. Memang kita mengakui kenaikan harga itu tidak boleh dielakkan, apabila harga barang-barang mentah seperti petrol, harga minyak naik memang kita tidak nafikan harga akan naik. Namun kita mesti ada satu cara untuk menghadkan harga-harga supaya tidak naik secara melampau. Kita boleh lihat, sebelum Perdana Menteri *announce* dalam bajet kenaikan gaji kakitangan-kakitangan awam, pekedai-pekedai semua sudah naik harga. *Announce* saja dia sudah gantung, tukar harga. Serta merta dia laksanakan. Namun apabila kita cadangan turun harga, tiadalah, dia kata, "Kita belum terima apa-apa." ...

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma nak mencelah, saya dengar leteran Yang Berhormat itu semua naik, semua naik! Jadi saya rasa kita mempunyai peranan dalam suasana dan keadaan ini. Di mana kita di tiap-tiap negeri mempunyai persatuan-persatuan pengguna, kerana pengguna ini mempunyai kuasa membeli yang besar dan boleh menentukan hala tuju kenaikan harga-harga ini. Apakah pandangan Yang Berhormat di atas peranan yang boleh dimainkan oleh persatuan-persatuan pengguna dan agensi-agensi yang terlibat dengan kepenggunaan. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar di semua tempat ada persatuan-persatuan pengguna, tetapi berapa ramai menjadi ahli? Banyak tempat persatuan-persatuan pengguna itu tidak begitu efektif. Di Penang memanglah dia orang aktif, tetapi di banyak tempat persatuan-persatuan pengguna itu tidak begitu berkesan, sekiranya ada satu, dua perkara baru mereka *highlight*. Peranan persatuan-persatuan pengguna juga adalah untuk memberi penjelasan kepada penduduk, memberi taklimat kepada pihak penduduk. Apa tujuan kerajaan, bagaimana kerajaan telah memberi subsidi. Banyak perkara mereka perlu memberi keterangan.

Memang benar, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, bukan sahaja persatuan pengguna tetapi juga lain-lain persatuan, NGO-NGO, kenalah membantu kerajaan. Memang parti-parti politik, parti-parti kerajaan Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sudah memberi penjelasan kepada penduduk tetapi NGO seperti Persatuan Pengguna mestilah juga menjalankan peranan-peranan mereka, seperti tribunal yang diadakan seperti Tribunal Pengguna yang diadakan oleh pihak kementerian. Ramai pengguna-pengguna tidak tahu bagaimana mereka boleh menonton melalui tribunal ini, apa cara dia? Apa dia punya hak-hak? Itu yang mustahak.

Saya rasa kementerian juga perlu, memang mereka ada, saya tahu ada cara-cara, ada program-program tetapi program-program itu perlulah diperluaskan supaya memberi lebih kesedaran kepada pengguna-pengguna terhadap hak-hak mereka, hak-hak pengguna, supaya tidak tertipu...

Dato' Yip Kum Fook: *[Bangun]*

Tuan M. Munusamy: Baru-baru ini...

Dato' Yip Kum Fook: Silakan... *[Ketawa]*

Tuan M. Munusamy: Dia tahu nak minta laluan, saya nak bagi laluan.

Dato' Yip Kum Fook: Saya mahu tunggu Yang Berhormat habiskan cakap.

Tuan M. Munusamy: Tidak apalah kalau *you* dah bangun.

Dato' Yip Kum Fook: Okey, saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih. Kita tahu tambang teksi di Singapura untuk tambang permulaan sebanyak USD2.80 dengan izin iaitu lebih kurang RM6. Di negeri China ia lebih kurang RM5 dan di Vietnam adalah USD1 dan sebagainya. Di rantau Asia ini, tambang teksi kita merupakan yang paling rendah sekali.

Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan kenaikan tambang teksi? Maksud saya untuk tambang permulaan. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah tadi saya dah berkata, apabila harga minyak naik semua tambang akan naik. Kenaikan tambang teksi pun mungkin tidak akan dapat dielakkan, tetapi kenaikan itu mestilah berpatutan supaya tidak membebankan rakyat terlalu banyak, kalau tidak mereka pun tidak menggunakan teksi. Oleh itu, memang benar!

Satu lagi baru-baru ini, baru dua hari lalu kerajaan...

■1720

Tuan Ahmad bin Husin: Yang Berhormat, saya minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Ahmad Husin.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petang ini kita akan berakhir dengan keadaan yang sungguh keluh-kesah kerana kita ragu-ragu untuk membantu rakyat di luar bandar. Apa yang sedang kita bincangkan sekarang ialah bagaimana hendak menjaga hati, pendapatan ekonomi masyarakat di luar bandar. Ini perkara besar, yang amat besar kerana melibatkan kewangan, taraf hidup, kaya, miskin.

Jadi, di sini saya ingin membangkitkan semula tentang soalan saya kepada kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti mencari kaedah bagaimana kuasa itu boleh digunakan. Kita tidak hendak ada kuasa, tetapi kuasa itu tidak berkesan. Ada akta, ada undang-undang, tetapi tidak berkesan, sebab itulah, saya meminta untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya harga kerana suruhanjaya harga sekurang-kurangnya dapat memantau harga semua jenis barangan dan mengelakkan pihak tertentu memanipulasikan harga khususnya menjelang musim pilihan raya. Kita tidak tahu harga sebenarnya. Yang tahu adalah *big players*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh kenakan kita harga apa

sekalipun, kalau kita hendak kita terpaksa. Kita kena sujud kepada kehendak *the big players*. Sebab itu kita perlu, mahu tak mahu, suka tak suka, mengadakan satu seperti suruhanjaya ini bagi menjaga kebajikan masyarakat luar bandar kerana kita perlu kuasa penuh untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang terlibat sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah.

Sekarang tidak ada kuasa yang sebenarnya untuk mengatakan apa itu, apakah tahap kemunasabahnya terhadap sesuatu harga. Sehingga kita ada suruhanjaya yang mempunyai kuasa, maka kita tidak boleh buat apa-apa. Hanya akan menjadi seperti *laissez-faire economy*, terbuka begitu sahaja dan yang akan menjadi masalah ialah mereka yang berpendapatan rendah. Petani, nelayan, penternak dan mereka yang berpendapatan kecil. Kalau di Korea, ada Suruhanjaya Harga yang boleh memanggil Pengarah Urusan, Eksekutif, datang berjumpa dengan suruhanjaya menjawab soalan-soalan suruhanjaya. Kenapa, mengapa, dan bagaimana? *Then*, baru ada kekuatan, baru ada "umph!", dia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita biarkan begitu sahaja, *floating*, tidak berpijak di bumi nyata, sampai bila pun kementerian tidak akan dapat menentukan harga yang sepatutnya. Maka yang menjadi mangsa ialah kita, pembeli. Bukan pembekal, bulan *wholesaler*. Sekarang kita di sini pemimpin yang hendak bela rakyat. Rakyat yang menentukan kerajaan.

Jadi kita kena bersungguh-sungguh, mahu tak mahu, kita mesti wujudkan satu kaedah seperti Suruhanjaya Harga. Kalaupun pihak-pihak tertentu, *the big players* dengan izin, dia tidak suka tetapi kita, pembela rakyat kena suka. Jadi ini sahaja kaedah yang boleh menentukan rakyat di luar bandar tidak ditindas. Kita ada Akta Kawalan Harga 1994, tetapi kesannya tidak begitu meyakinkan. Saya masih lagi berharap supaya kementerian memikirkan bersungguh-sungguh. Kalau benar kita ikhlas, jujur, tertib, berdisiplin, hendak tolong rakyat, ini satu kaedah. Di antara kaedah yang terbaik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Sekiranya penubuhan Suruhanjaya Harga itu adalah untuk kebaikan negara, untuk membantu masyarakat umum luar bandar mahupun di bandar, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa tidak ada halangan. Bolehlah menubuhkan sahaja Suruhanjaya Harga ini. Kita ada banyak suruhanjaya.

Memang Suruhanjaya Harga pun boleh, kalau Suruhanjaya ini berfungsi untuk mengawal harga barangan, saya rasa kementerian boleh *consider*, boleh pertimbangkan perkara ini. Ini adalah satu *suggestion* yang baik. Terima kasih Yang Berhormat. Mana tadi saya sudah lupa?... *[Ketawa]* Dua hari lalu, kita telah dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan serta-merta telah membatalkan skim gores dan menang. Sebenarnya skim ini telah wujud lama. Tidak tahulah berapa tahun? Masa kecil saya dalam tahun 50an, 1955, 1958, saya masih ingat, adalah di semua kedai. Kedai-kedai kecil, dia dekat sebelah rumah saya, ada kedai, saya pergi tarik.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat masa kecil dahulu sudah pandai menggores?... [Ketawa].

Tuan M. Munusamy: Semua orang sudah pandai menggores ini. Ada duit, semua orang boleh gores. Sekarang semua ada gores, tiket ada macam-macam. *Prepaid* pun kita gores juga. Habis budak-budak kecil pun sudah pandai gores. Pada masa itu memang wujud dan tidak tahulah berapa juta rakyat Malaysia telah tertipu? Atau berapa bilion rakyat Malaysia telah hilang? Bukan, hilang duitlah.... [Ketawa]. Hilang duit mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bermaksud, gores dan tak menang?

Tuan M. Munusamy: Gores, tak menang. Banyak yang tak menang, Tuan Yang di-Pertua. Ada sedikit sahaja yang menang. Banyak yang tidak menang. Dahulu masa kecil, saya nampak ada kamera. Macam-macam ada. Minatlah, sampai dapat kamera. Tarik, tarik, tarik sampai dapat kamera. Tarik, tarik, tarik. Tengok tak ada, tarik. Tengok tak ada, tarik. Tengok tak ada. Berapa taukeh? Lima puluh sen. Ha, okey ada lagi. Berapa? Tengok kocek, ada lagi. Okey, tarik, tarik. Berapa banyak kita ada rugi? Tidak dapat juga kamera. Sampai habis dia punya itu... [Ketawa] Mana-mana dia punya tempat itu, tinggal sepuluh sahaja. Tak ada duit pula. Macam-macam ada berlaku.

Sekarang, satu ringgit, dua ringgit, macam-macam gores dan menang. Ada tipu. Dia orang datang apabila kita duduk makan di kedai-kedai, datang. Jual ini, kalau beli ini *you* boleh dapat, tapi *you* kena gores. Kena gores, kita beli. Ada juga kita nampak dalam surat khabar, sudah baca dalam surat khabar, dalam media, banyak kena tipu. Ramai kena tipu!! Mereka kata, "Okey, kita akan bagi sama *you*, hadiah ini tetapi *you* kena beli barang ini". Beli barang ini, seratus ringgit, dua ratus ringgit, tiga ratus ringgit, selepas itu *you* gores. Kalau menang, *you* tak dapat. Kalau tak menang, dapat. Kalau menang, dia tak bagi barang itu kepada dia, dia panggil pergi ke pejabat dia. Naik pejabat dia, ada juga syarat tambahan. *You* kena bayar, tambahan ini, tambahan ini, tambahkan ini, baru kita boleh bagi barang kepada *you*. Ada juga orang pergi gadai barang emas mereka, pergi bayar. Inilah penipuan daripada beberapa syarikat besar. Selepas gores, orang kena goreng pula.... [Ketawa]

■1730

Saya rasa kementerian kena peka kepada perkara-perkara seperti ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada menteri kerana dengan serta-merta, *instantly* telah membatalkan gores dan menang ini. Sekiranya selepas dibatalkan ini ada juga ...

Tuan Chua Kim Chuan: Minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Silakan Yang Berhormat, rakan saya.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Orang tua-tua bercerita kepada saya, selalu kena tipu baru boleh kumpulkan pengalaman. Apa pendapat, Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Tetapi *time* kena tipu, beribu-ribu ringgit tidak masuk akallah, macam mana kita tipu beribu-ribu ringgit dan selepas itu...

Dato' Wong Siong Hwee: Minta laluan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, apa Yang Berhormat ceritakan tadi, budak-budak kecil lagi sudah pandai gores, bukan gores koyak. Masa itu tidak ada gores. Dia panggil tikam. Di Kelantan panggil tikam. Sudah koyak langsung tidak dapat. Saya pun penjual tikam juga masa itu. Ha, *you* sudah kena tipu masa itu.

Jadi, apa yang Yang Berhormat ceritakan daripada awal tadi sampai sekarang tidak ada satu keputusan ataupun satu pendekatan bagaimana untuk mengawal. Soalan saya tadi, Yang Berhormat tidak jawab lagi. Sebentar. Saya kata, apakah langkah-langkah yang dapat mengawal kenaikan harga makanan dan siapa ataupun jabatan mana yang boleh mengawal. Itu soalan saya. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah persatuan-persatuan pengguna. Saya rasa persatuan-persatuan pengguna ini, termasuk tempat sayalah, ada persatuan tetapi tidak berfungsi. Tidak ada maknalah, tidur sahaja.

Jadi, pengalaman saya tentang kenaikan harga barang-barang makanan. Saya masih ingat lagi pada masa itu kedai kopi. Saya ini kaki kedai kopi. Apabila dia tengok TV pukul 8, TV isytiharkan susu naik 20 sen satu tin. *Automatically*, dia hendak satu cawan kopi 20 sen. *Straight away*, pada masa yang sama, saya *stop* tuan punya kedai, kalau awak naikkan harga dengan 20 sen, satu tin susu kalau saya yang minum boleh buat 15 cawan sebab kita kurang manis. Kalau 15 cawan maknanya RM13. Dengan menaikkan harga 20 sen satu tin susu, maka tiga ringgit. Dia untung RM2.80 sen.

Pada pendapat saya kepada pihak kementerian atau penguat kuasa untuk mengawal kenaikan harga itu, *I think* tidak cukup kakitangan untuk mengawal sebab kita tidak sempat ke seluruh negara dari segi penguatkuasaan kenaikan harga itu tidak dapat dilakukan. Satu lagi pengguna, pengguna yang dapat mengawal. Terutama sekali kedai mamak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kedai mamak ini harganya tidak menentu. Dalam sebulan kalau tanda harganya itu, katakanlah bulan ini saya pergi makan ke kedai itu, bulan depan harga itu sudah lain. Satu pinggan nasi untuk seorang makan RM17. Saya rasa yang itu kita patut kawal.

Satu lagi Yang Berhormat ceritakan tentang kenaikan tambang teksi. Yang Berhormat kata tadi kalau naik harga tidak payah naik. Katakanlah Yang Berhormat di Parlimen hendak balik ke hotel, macam mana hendak balik. Jalan kaki? Mungkin. Saya selalu menggunakan khidmat teksi, tetapi yang saya rasa tidak puas hati adalah tentang contohnya daripada Parlimen ke hotel. Hari ini saya naik teksi jalan yang sama, tambang teksi itu RM8.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat harus ingat Yang Berhormat bangun tadi hanya mencelah, ya?... *[Ketawa]*

Dato' Wong Siong Hwee: Ya. Apa yang saya hendak katakan tadi ialah saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah langkah-langkah untuk mengawal. Itu soalan saya tadi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum saya lupa berkenaan dengan teksi itu, memang saya telah sebut bahawa kenaikan harga tambang teksi itu mungkin tidak dapat dielakkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat jawab yang ditanyakan tadi pagi esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga 10 pagi esok... *[Ketawa]*

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.